



HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

PELAN PEMBANGUNAN SABAH MAJU JAYA 1.0 (2021-2025)



JABATAN KETUA MENTERI
WWW.SABAH.GOV.MY



HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

PELAN PEMBANGUNAN SABAH MAJU JAYA 1.0 (2021-2025)

JABATAN KETUA MENTERI SABAH
www.sabah.gov.my



Diterbitkan pada 29 Mac 2021

@ Hak Cipta Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah
Aras 12-14, Blok A,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Sulaman, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU

<https://jpan.sabah.gov.my>
E-mel: sabahmajujaya@sabah.gov.my

Dicetak oleh:

Pencetak Kerajaan
Jabatan Cetak Kerajaan Sabah
KM 4, Jalan Tuaran
85554 KOTA KINABALU



HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

PELAN PEMBANGUNAN SABAH MAJU JAYA 1.0 (2021-2025)

SABAH MAJU JAYA

NEGARAKU

Negaraku
Tanah tumpahnya darahku,
Rakyat hidup,
Bersatu dan maju,
Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan,
Raja kita,
Selamat bertakhta,
Rahmat bahagia,
Tuhan kurniakan,
Raja kita,
Selamat bertakhta.


SABAH TANAH AIRKU

Sabah tanah airku,
Negeri kita yang tercinta,
Pemuda-pemudi semua marilah,
Bangunlah bersatu semua.

Marilah bersama serta maju jaya,
Merdeka sepanjang masa,
Bersatu segala bangsa sentosa,
Sabah negeri merdeka.

SABAH MAJU JAYA

Syarikat Berpiagam Borneo Utara atau *North Borneo Chartered Company* dibentuk pada 1 Nov 1881 untuk mentadbir Borneo Utara. British North Borneo mempunyai jata dengan cogan kata "**PERGO ET PERAGO**" yang membawa maksud "Saya Laksanakan dan Capai". Inspirasi ini telah dijadikan cogan kata "**Sabah Maju Jaya**" pada jata negeri Sabah.



JATA NEGERI SABAH

- | | |
|----------------------|---|
| Warna Biru Zirkon | : Melambangkan keamanan dan ketenteraman. |
| Warna Biru Salji | : Melambangkan perpaduan dan kemakmuran. |
| Warna Biru Nilakandi | : Melambangkan kekuatan dan semangat kerjasama. |
| Warna Putih | : Melambangkan kemurnian dan keadilan. |
| Warna Merah Cili | : Melambangkan keberanian dan keyakinan. |

SABAH

31 OGOS 1963

Borneo Utara telah mencapai pemerintahan sendiri.



16 SEPTEMBER 1963

Pembentukan Malaysia

- a) Negeri-negeri Tanah Melayu;
- b) Negeri-negeri di Borneo: Sabah dan Sarawak;
- c) Negeri Singapura



PRAKATA

YAB KETUA MENTERI SABAH
MERANGKAP MENTERI
KEWANGAN

Kerajaan Negeri yang saya pimpin bermula 29 September 2020 berhadapan dengan realiti dan kedudukan ekonomi yang amat mencabar. Peralihan kerajaan dan pandemik COVID-19 menuntut kita untuk bertindak segera bagi menyusun semula keutamaan, menangani penyusutan pertumbuhan ekonomi dan mengenal pasti sumber baharu untuk memperkuuh hasil negeri. Pada masa yang sama, kedudukan sosioekonomi rakyat perlu diletakkan pada unjuran keutamaan melalui pelbagai inisiatif untuk menjana dan meningkatkan ekonomi rakyat.

Pembentukan kerangka pelan pembangunan adalah amat penting untuk melaksanakan hasrat tersebut. Pelan berfungsi sebagai panduan hala tuju dasar dan program kerajaan, seterusnya memandu arah pelaksanaan secara strategik untuk mencapai sasaran yang bertepatan dengan keperluan pembangunan negeri.

Berpandukan pelbagai platform libat urus yang merentasi pelbagai segmen masyarakat, Kerajaan Negeri telah membentuk Hala Tuju Sabah Maju Jaya. Hala Tuju Sabah Maju Jaya merupakan kerangka pelan pembangunan utama negeri yang memayungi pelbagai *blueprint* pembangunan sektoral sedia ada.

Pelaksanaan fasa pertama dimulakan dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025). Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) berpaksikan kepada tiga (3) teras utama iaitu Sektor Pertanian, Perindustrian dan Pelancongan sebagai fokus pertumbuhan ekonomi; Modal Insan dan Kesejahteraan Rakyat; serta Jaringan Infrastruktur dan Kelestarian Hijau. Hala Tuju Sabah Maju Jaya akan bergerak seiring dengan kerangka agenda pembangunan nasional di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Sebagai slogan Jata Negeri sejak sekian lama, Sabah Maju Jaya adalah falsafah yang membina jiwa dan inti pati perjuangan setiap anak Sabah. Slogan ini dipilih dan diangkat sebagai hala tuju negeri dengan hasrat untuk membawa citra inklusiviti, pemilikan bersama, kesatuan dan pertanggungjawaban setiap watan untuk menjayakan agenda pembangunan negeri. Marilah kita bersatu, bekerjasama, bergerak ke hadapan demi membina tanah air yang lebih maju dan makmur.

SABAH MAJU JAYA



YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJI NOOR

MENTERI-MENTERI KABINET



KEMENTERIAN KERJA RAYA

“ Secara keseluruhan, kejayaan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) ini adalah komitmen bersama yang memerlukan kesepaduan dan kerjasama utuh secara berpasukan serta cekap dalam pengendalian sistem yang tersedia.


Kementerian Kerja Raya Sabah yang bertanggungjawab ke atas infrastruktur dan pembangunan di negeri Sabah akan terus bekerja berorientasikan rakyat walau di mana pun berada. Fokus utama adalah memberi rakyat keperluan asas dengan perkhidmatan terbaik dan efisyen.

YB DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN

Timbalan Ketua Menteri I
merangkap Menteri Kerja Raya

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERIKANAN

“ Kita perlu terus maju ke hadapan untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi. Dengan adanya Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) ini, kita mampu mencapainya. Tumpuan akan diberikan dalam memodenkan sektor pertanian terutama untuk aktiviti downstream yang dapat menambah nilai hasil pertanian, meningkatkan pendapatan petani, pekebun dan nelayan serta peluang bekerja di Sabah. Selagi ada masalah yang perlu diselesaikan, potensi yang perlu diterokai dan aspirasi yang belum tercapai, kita perlu bersatu untuk menghadapi cabaran-cabaran ini untuk terus maju ke hadapan. Cabaran inilah yang akan memberi kita semangat dan kekuatan untuk maju.



YB DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY G. KITINGAN

Timbalan Ketua Menteri II
merangkap Menteri Pertanian dan Perikanan





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN


Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) dirangka bagi mengoptimumkan sumber dan hasil negeri, merangsang pemulihan ekonomi dan meningkatkan ekonomi rakyat. Di bawah Hala Tuju Sabah Maju Jaya ini, kementerian saya akan memastikan infrastruktur di taman-taman perindustrian dipertingkatkan dan sentiasa tersedia untuk menerima pelabur. Hala Tuju Sabah Maju Jaya yang telah dirancang dengan teliti ini akan pasti membawa pelaburan dari luar dan dalam negeri ke Sabah. Peningkatan kemasukan pelaburan berupaya melonjakkan pertumbuhan ekonomi negeri Sabah dan seterusnya merealisasikan Sabah sebagai sebuah negeri perindustrian yang maju jaya.

YB DATUK DR. JOACHIM GUN SALAM

Timbalan Ketua Menteri III
merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian

KEMENTERIAN KERAJAAN
TEMPATAN DAN PERUMAHAN

“
Anggap kerjaya kita sebahagian amal ibadah, apa pun anutan agama kita. Kita akan terdorong membuat yang terbaik dalam setiap tugas kita. Di dunia rakyat dan negeri mendapat manfaat, di akhirat pahala menunggu kita.”



YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI MASIDI MANJUN
Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan
merangkap Menteri Kewangan II






KEMENTERIAN PELANCONGAN,
KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR

“

Kementerian Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar negeri Sabah mempunyai lapan (8) inisiatif teras di bawah Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025).

Saya yakin inisiatif-inisiatif ini akan mampu merangsang dan merancakkan semula industri pelancongan negeri Sabah. Ianya juga menjadi pendorong dalam usaha kerajaan untuk melindungi warisan alam semula jadi serta budaya, melestariannya agar dapat dinikmati oleh generasi akan datang. Mari kita bersama-sama menjayakan inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya ini demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat negeri Sabah.

”



YB DATUK JAFRY BIN ARIFFIN


Menteri Pelancongan, Kebudayaan
dan Alam Sekitar

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

“

Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) amat bertepatan dengan agenda negara menuju Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030). Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah komited memberikan perkhidmatan berkualiti sebagai teras pembangunan cemerlang demi kelestarian sosial yang lebih mapan untuk pembangunan seimbang, komprehensif, tersusun dan teratur di seluruh negeri Sabah demi menyejahterakan luar bandar.

”


YB DATUK JAHID JAHIM @ NORDIN
Menteri Pembangunan Luar Bandar





KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

“ Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi merangka pendekatan bersepadu dalam melahirkan modal insan dan masyarakat yang celik sains, IT dan teknologi bagi menyokong Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025). ”

A handwritten signature in black ink, appearing to read "YB DATUK HAJI YAKUBAH KHAN".


YB DATUK HAJI YAKUBAH KHAN
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

“ Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) adalah hasrat nurani rakyat negeri Sabah. Kementerian Belia dan Sukan Sabah akan menterjemahkan slogan Sabah Maju Jaya ini kepada sebuah tindakan ke arah Sabah yang maju dan berjaya melalui program-program bimbingan dan didikan ke arah belia mandiri dan berinovasi serta atlet berani dan berkeyakinan.

The Great Thing In This World Is Not Much Where We Stand As In What Directions We Are Moving.

- Oliver Wendell Holmes Sr



YB DATUK ELLRON ANGIN
Menteri Belia dan Sukan Sabah






KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

“ Bersama kita menjayakan wawasan kementerian ke arah membudayakan masyarakat prihatin dan bertanggungjawab selaras dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025).

Kesejahteraan Rakyat, Keutamaan Kita

YB Ir. HAJI SHAHELMAY BIN YAHYA
Menteri Pembangunan Masyarakat Dan
Kesejahteraan Rakyat



JABATAN KETUA MENTERI
MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS

“ Bersama memajukan negeri dengan memartabatkan ilmu, nilai insani dan toleransi sejati menerusi perkhidmatan berkualiti.

YB DATUK HAJI MOHD ARIFIN BIN HAJI MOHD ARIF
Menteri Tugas-Tugas Khas





KOMITMEN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) adalah tanggungjawab seluruh anggota perkhidmatan awam untuk mencapai keberhasilan mengikut garis masa yang ditetapkan. Anggota perkhidmatan awam adalah pemboleh daya utama dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan 2021-2025. Kerja Berpasukan (Team Work), Kebolehpercayaan (Trustworthiness), Kebertanggungjawaban (Responsibility), Komitmen (Commitment), Moral (Morale) dan Ketabahan (Perseverance) adalah kunci utama sebagai penjawat awam dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan serta mengurus perubahan di sekeliling kita. Marilah kita bersama-sama menjayakan hala tuju ini melalui transformasi penyampaian perkhidmatan melalui konsep kerajaan pintar berlandaskan kepada 5As iaitu Accessible by Anyone at Any time, Any Where by Any Mobile Device.



YB DATUK SERI PANGLIMA SR. HAJI SAFAR BIN UNTONG, J.P.



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM NEGERI

Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) dirangka untuk membangunkan negeri kita ke arah yang lebih maju dan makmur. Untuk menjayakan agenda ini, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri memainkan peranan yang penting dalam menetapkan hala tuju bersama-sama dengan Kementerian, Jabatan dan Agensi masing-masing untuk menyediakan sumber manusia. Sekali gus akan memantapkan sistem penyampaian supaya lebih cekap dan berkesan. Amanah dan tanggungjawab ini memerlukan komitmen semua pihak dan saya yakin kita boleh terus memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.



DATUK (DATU) ROSMADI BIN DATU SULAI





“

Bersama mengorak langkah dalam satu pasukan merealisasikan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) dengan berpaksikan perkhidmatan yang berintegriti dan berdaya maju serta bertunjangkan kemampanan ekonomi dengan penglibatan aktif pemain industri dan kerjasama erat ekonomi serantau.

”

DATUK HAJAH MASNAH MATSALLEH
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran)

“ Tinggi-tinggi Gunung Kinabalu
Tinggi lagi impian Sabah Maju Jaya
Gendang pun sudah dipalu
Ayuh..garapkan langkah ke puncak jaya.”

DATUK GAN EN SIONG @ FREDIAN GAN
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)



KEMENTERIAN KEWANGAN

“ Kementerian Kewangan Negeri selaku agensi yang dipertanggungjawabkan dengan pengurusan kewangan negeri Sabah mendepani cabaran dalam mengurus sumber kewangan yang terhad untuk membiayai perbelanjaan melaksanakan program dan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) yang dirancang oleh setiap kementerian, jabatan dan agensi. Justeru itu, usaha-usaha untuk meningkatkan hasil negeri akan diberikan tumpuan melalui penerokaan punca hasil baharu dan peningkatan hasil sedia ada untuk memastikan sumber hasil negeri Sabah yang mapan.

Perlaksanaan Amalan Pengurusan Kewangan Terbaik (Best Financial Management Practices), Sistem Perakaunan Akruan, kajian semula dan pendigitalan prosidur perakaunan menjadi agenda penting dalam memastikan kejayaan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025).

”

Rusdin bin Riman
TUAN HAJI RUSDIN BIN RIMAN
Setiausaha Tetap



KEMENTERIAN KERJA RAYA

“

Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) adalah mercu ke arah pembangunan infrastruktur awam seperti jalan raya, pengangkutan, bekalan air, elektrik, pembetungan dan komunikasi digital bagi mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat.

Ia juga berperanan sebagai suatu landasan yang boleh menghubungkan kita ke arah kemajuan negeri Sabah yang perlu direalisasikan berdasarkan pelan yang bernalas demi kemajuan negeri Sabah.

Sinergi di antara kepimpinan pengurusan yang mantap dengan olahan fokus pelan strategik yang dirancang dengan rapi menghasilkan satu formula pengurusan yang mantap dan berkesan.

Komitmen yang ditunjukkan akan memacu Kementerian Kerja Raya menjadi satu organisasi yang optimis dengan pola perancangan pembangunan yang mampan dan teratur seiring dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya.

Ada keperluan yang sangat besar untuk membantu mengubah nasib masyarakat di Sabah melalui infrastruktur yang dibangunkan. Ini menjadi fokus utama Kementerian Kerja Raya melalui Hala Tuju Sabah Maju Jaya.

TUAN MOHD. JASMIN BIN JULPIN
Setiausaha Tetap

”





KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERIKANAN

“ Terserlah sebuah harapan,
terukir sebuah cita-cita luhur.
Memacu kemajuan menuju kejayaan
demi masa depan generasi perkasa.
Bulatkan hati, genggam keazaman.
Bukan tanah menjadi padi.
Yang bulat tidak datang bergolek,
yang pipih tidak datang melayang.
Usaha tangga kejayaan. ”



DATUK DR. MARIANA TINGGAL
Setiausaha Tetap

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN

“ Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) adalah satu pelan pembangunan strategik bagi negeri Sabah yang objektif akhirnya adalah untuk menjadi Sabah sebuah negeri yang bersatu, maju, aman, makmur dan sejahtera. Bagi Kementerian Pembangunan Perindustrian, Hala Tuju Sabah Maju Jaya ini akan memandu ke arah pelaksanaan program secara terancang dan strategik untuk agenda pembangunan perindustrian. Semoga pelan ini menjadi inspirasi kepada semua pemegang taruh industri pembuatan untuk menjadikan Sabah salah sebuah negeri perindustrian yang maju jaya di Malaysia. ”


TUAN THOMAS LOGIJIN
Setiausaha Tetap






KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

“

Dalam melaksanakan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021 – 2025), Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) bertekad untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial rakyat dalam satu ekosistem persekitaran yang mampan. Melalui Pelan ini, KKTP akan mengambil langkah proaktif bagi menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat, menggalakkan penglibatan komuniti melalui pembinaan Dewan Adat di setiap daerah dan meneroka inisiatif baharu bagi pengurusan sisa pepejal yang komprehensif dan berteknologi hijau. Komitmen yang padu dari segenap peringkat amat diperlukan bagi memastikan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) dapat dijayakan demi “Mensejahterakan Rakyat” di negeri ini.

”

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Mansur Asun".

TUAN MANSUR ASUN
Setiausaha Tetap



KEMENTERIAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR

Inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) ini merupakan satu peluang untuk reset dan mengolah kembali strategi pembangunan pelancongan negeri Sabah. Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar bersama-sama dengan semua jabatan dan agensi di bawah kementerian komited untuk merealisasikan inisiatif-inisiatif mengenai pelancongan, kebudayaan dan alam sekitar di bawah Hala Tuju Sabah Maju Jaya ini. Aspirasi kita bersama ialah melonjakkan sektor pelancongan negeri Sabah sebagai penyumbang utama ekonomi negeri Sabah dan memartabatkan nilai-nilai budaya masyarakat serta memastikan kelestarian flora dan fauna kita untuk generasi kini dan akan datang.

DR. JAMILI NAIS
Setiausaha Tetap



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR


“ Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) dirangka untuk meningkatkan taraf sosial, ekonomi dan kualiti kehidupan masyarakat luar bandar dari belenggu kemiskinan melalui penyediaan infrastruktur asas, kemudahan awam, latihan kemahiran, dan peluang penyertaan bidang ekonomi yang lebih baik. ”



TUAN HAJI FAIMIN BIN KAMIN
Setiausaha Tetap

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

“ Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) didokong dengan memberikan penumpuan kepada pembangunan modal insan melalui rakyat berilmu pengetahuan, berinovasi dan pembudayaan digital. ”



PUAN JASMINE TEO GECK CHOO
Setiausaha Tetap






KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

“ Sebagai sebuah kementerian yang berperanan menghasilkan masyarakat pewaris kepada kemakmuran negeri Sabah, kementerian akan merealisasikan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) dengan memberi fokus kepada pembangunan pemikiran matang, emosi terdidik dan tingkah laku dinamik ke arah Sabah yang maju dan berjaya.

Success is the capacity to translate vision to reality.
- Warren Bennis


TUAN MOHD. YUSRIE ABDULLAH @ YANTIS GODUAN
Setiausaha Tetap

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**

“ Kementerian ini bertanggungjawab memastikan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan melalui inisiatif-inisiatif baharu yang mengutamakan peningkatan kecekapan dan keberkesanan secara menyeluruh tanpa mengira kaum, agama, gender dan kumpulan masyarakat. Kita perlu merakyatkan perkhidmatan supaya denyut nadi rakyat disantuni secara terbaik demi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

Kecemerlangan Perkhidmatan,
Berintegriti Kejayaan Kita Bersama

”


TUAN SR. LEE CHUN KHIONG
Setiausaha Tetap





PEJABAT MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS

“ Selaras dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025), Pejabat Menteri Tugas-Tugas Khas akan terus menggalas amanah demi memartabatkan pengurusan hal ehwal Islam yang syumul dan memastikan pemerkasaan modal insan melalui pendidikan yang berkualiti dan terbaik bagi anak-anak negeri Sabah. ”

TUAN SAPDIN BIN IBRAHIM
Setiausaha



Pusat Pentadbiran Negeri Sabah

Gambar Ihsan Sharif Putra Bin Sharif Ubong | Lembaga Pelancongan Sabah

KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 : PENGENALAN

Pendahuluan	1
Elemen, Teras Strategik & Pemboleh Daya	2
Prinsip	3
Objektif	4
Strategi Pelaksanaan	5
Teras Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025)	6
Penjajaran Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) dengan Komitmen Agenda <i>Sustainable Development Goals 2030</i> (SDG2030)	7
Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)	8
Kerangka Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025)	9
Elemen SMJ	10 - 27
Tinjauan Masa Kini	28 - 39

BAHAGIAN 2 : HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

Pemetaan Nod Pertumbuhan Utama (<i>Key Growth Nodes</i>) dan <i>Hot Spot Areas</i>	42 - 47
Dasar Untuk Menyokong Pertumbuhan Ekonomi	48 - 49
Hala Tuju Sektor Pertanian	50 - 63
Hala Tuju Sektor Perindustrian	64 - 71
Hala Tuju Sektor Pelancongan	72 - 84
Hala Tuju Modal Insan dan Kesejahteraan Rakyat	85 - 94
Hala Tuju Jaringan Infrastruktur dan Kelestarian Hijau	95 - 103
Hala Tuju Pemboleh Daya	104 - 117

BAHAGIAN 3 : BELANJAWAN SABAH MAJU JAYA 2021

Bajet Negeri Sabah 2021	120
Agihan Bajet Mengikut Kementerian	121
Pembangunan Sektor-Sektor Pertumbuhan	122
Perbelanjaan Khas COVID-19	123 - 124
Agihan Belanjawan Mengikut Sektor	125 - 143
Inisiatif Sektor Pertanian	145 - 149
Inisiatif Sektor Perindustrian	150 - 152
Inisiatif Sektor Pelancongan	153 - 155
Inisiatif Modal Insan dan Kesejahteraan Rakyat	156 - 158
Inisiatif Jaringan Infrastruktur dan Kelestarian Hijau	159 - 163
Inisiatif Pemboleh Daya	164 - 167

BAHAGIAN 4 : INISIATIF 2021 HALA TUJU SABAH MAJU JAYA (PELAN PEMBANGUNAN SABAH MAJU JAYA 1.0 : 2021-2025)

Ringkasan Inisiatif Teras SMJ 2021	170
Ringkasan Inisiatif Pemboleh Daya SMJ 2021	171
Senarai Inisiatif SMJ 2021	172 - 224

PENGHARGAAN KHAS

SEKRETARIAT HALA TUJU SABAH MAJU JAYA (PELAN PEMBANGUNAN SABAH MAJU JAYA 1.0 : 2021-2025)

228 - 230

RINGKASAN EKSEKUTIF

BAHAGIAN 1 PENGENALAN

Pertumbuhan ekonomi dunia dan negara agak lemah, ditambah lagi dengan impak pandemik COVID-19 pada tahun 2020, sudah tentu ekonomi negeri Sabah juga terkena tempiasnya di mana pertumbuhan ekonomi, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2019 (0.5%) RM85.4 billion dan penguncutan pertumbuhan pada tahun 2020. Oleh itu, Hala Tuju Sabah Maju Jaya dirangka bagi membantu melonjakkan ekonomi negeri Sabah ke tahap yang lebih tinggi. Tiga (3) sektor utama iaitu Sektor Pertanian, Perindustrian dan Pelancongan diberi keutamaan dalam pelan pembangunan ini termasuk Jaringan Infrastruktur serta Modal Insan dan Kesejahteraan Rakyat. Di samping itu, lima (5) boleh daya iaitu kemampuan fiskal, kemudahan kewangan, keberkesanan dan kecekapan penyampaian, kecemerlangan tadbir urus yang berintegriti serta kerajaan digital juga diberi tumpuan bagi menyokong tumpuan-tumpuan utama tersebut. Kesemua tumpuan utama serta boleh daya tersebut akan melonjakkan kemajuan pembangunan negeri Sabah yang bakal memberi manfaat kepada semua golongan masyarakat. Secara ringkasnya, Hala Tuju Sabah Maju Jaya mempunyai tiga (3) elemen, lima (5) prinsip, lima (5) objektif, lima (5) tumpuan, lima (5) teras strategik dan lima (5) teras strategik boleh daya.

BAHAGIAN 2 HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

Bahagian ini memberi keutamaan kepada tumpuan baharu dan penekanan utama dalam Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025). Antaranya adalah memetakan penetapan titik utama pertumbuhan di tempat yang mempunyai potensi tinggi untuk dibangunkan. Melalui pemetaan ini, Bandaraya Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Lahad Datu, Semporna, Sipitang dan Keningau telah dikenal pasti sebagai sektor yang boleh dikembangkan melalui pelbagai insiatif meliputi pusat-pusat ekonomi, perindustrian dan pentadbiran. Pembangunan ini akan memberi keseimbangan di antara wilayah atau daerah dengan memajukan potensi di setiap tempat di samping merangka dasar-dasar bagi memakmurkan rakyat negeri. Potensi sektor pertanian, sektor perindustrian, sektor pelancongan, modal insan, kesejahteraan rakyat, jaringan infrastruktur dan kelestarian hijau telah dikenal pasti untuk dibangunkan dan diterokai yang akan memberi hasil serta manfaat kepada pertumbuhan negeri dan pembangunan pendapatan rakyat. Sektor Pertanian akan dibangunkan sub-sektor tanaman seperti penanaman nanas dan kelapa berskala besar dan juga sub-sektor ternakan seperti Industri Burung Walit (RBW) melalui penghasilan sarang burung dan industri hiliran. Sub-sektor perikanan pula diberi penekanan dalam pembangunan seperti penternakan hidupan marin dan pewujudan hub perikanan antarabangsa. Penarikan pelaburan dalam industri berasaskan sumber tersedia diperhebatkan supaya taman-taman perindustrian sedia ada dioptimumkan. *Platform e-dagang* dibangunkan secara meluas bagi membantu usahawan IKS dan mengoptimumkan kapasiti dan pengeluaran IKS melalui penerapan kaedah Teknologi Industri 4.0. Pelaburan baharu melalui usahasama dengan syarikat-syarikat swasta akan ditingkatkan bagi membantu pembangunan negeri. Sektor pelancongan memberi penekanan kepada pembangunan dan penaiktarafan pulau-pulau yang mempunyai potensi bagi menarik pelancong, memperkasakan kempen *high-visibility* serta pembinaan produk-produk pelancongan berimpak tinggi. Selain itu, pembangunan modal insan dirangka sejajar dengan keperluan masa kini dan masa hadapan. Inisiatif bagi membolehkan rakyat mendapat kehidupan yang baik dan berpatutan juga menjadi tumpuan Kerajaan Negeri. Kemudahan asas yang mampan dan saling terhubung, liputan internet yang baik untuk menyokong keperluan rakyat dan pertumbuhan ekonomi serta mengekalkan daya huni bumi untuk generasi masa kini dan masa hadapan diberikan tumpuan khusus.

RINGKASAN EKSEKUTIF

BAHAGIAN 3 BELANJAWAN SABAH MAJU JAYA 2021

Bermula tahun pertama, Hala Tuju Sabah Maju Jaya telah diperuntukkan RM3,460.37 juta untuk memacu sektor-sektor utama pembangunan Sabah Maju Jaya. Setiap sektor pertumbuhan telah diperuntukkan dana untuk membiayai pelbagai inisiatif dalam pelbagai elemen Sabah Maju Jaya. Selain itu, bagi tujuan menangani impak pandemik dan pasca COVID-19, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sejumlah RM1,963.76 juta sebagai Perbelanjaan Khas COVID-19.


BAHAGIAN 4 INISIATIF 2021 HALA TUJU SABAH MAJU JAYA (PELAN PEMBANGUNAN SABAH MAJU JAYA 1.0 : 2021-2025)

Bermula tahun 2021, sebanyak 573 inisiatif telah dirangka akan dilaksanakan oleh 11 Kementerian dan 21 jabatan dan agensi di bawah Jabatan Ketua Menteri. Inisiatif tersebut terdiri daripada Sektor Pertanian (106 inisiatif), Sektor Perindustrian (22 inisiatif), Sektor Pelancongan (17 inisiatif), Modal Insan dan Kesejahteraan Rakyat (78 inisiatif), Jaringan Infrastruktur dan Kelestarian Hijau (75 inisiatif) dan pemboleh daya (275 inisiatif). Peruntukan semua inisiatif ini telah diluluskan peruntukan dalam Belanjawan Sabah Maju Jaya 2021. Inisiatif-inisiatif ini akan ditambah mengikut keperluan yang telah ditetapkan dalam Hala Tuju Sabah Maju Jaya sehingga tahun 2025, inisiatif-inisiatif tersebut akan dimasukkan dalam Belanjawan Sabah Maju Jaya 2022-2025.



BAHAGIAN 1

PENGENALAN



Hala tuju baharu memastikan pembangunan ekonomi negeri ke arah mencapai pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif kepada semua peringkat kumpulan pendapatan rakyat Sabah. Hala tuju ini adalah berdasarkan prinsip Sabah Maju Jaya yang menekankan kemakmuran bersama dan rakyat Sabah mempunyai jati diri yang tinggi. Hala tuju dan pelan strategik yang kukuh meletakkan semula negeri Sabah di landasan yang tepat untuk menjadikan negeri Sabah makmur dan sejahtera.


ELEMEN, TERAS STRATEGIK HALA TUJU SABAH MAJU JAYA DAN PEMBOLEH DAYA




ELEMEN



TERAS
STRATEGIK



PEMBOLEH
DAYA



Prinsip Sabah Maju Jaya bertunjangkan Kemurnian dan Keadilan; Keamanan dan Ketenteraman; Kekuatan dan Semangat Kerjasama; Keberanian dan Keyakinan; dan Perpaduan dan Kemakmuran. Secara umumnya prinsip ini menggabungkan kemakmuran ekonomi yang dapat dinikmati oleh semua pihak, negeri yang selamat dan sejahtera untuk dihuni serta masyarakatnya yang mempunyai jati diri yang unggul, bersatu padu dan berkebolehan. Prinsip bertindak sebagai pemangkin kepada pencapaian negeri Sabah sebagai sebuah negeri yang bersatu, makmur dan bermaruah serta terus membangun secara berterusan dan mampan.

1

Kemurnian dan
Keadilan

2

Keamanan dan
Ketenteraman

3

Kekuatan dan
Semangat Kerjasama

4

Keberanian dan
Keyakinan

5

Perpaduan dan
Kemakmuran

PRINSIP





OBJEKTIF



| 01

MEMBINA NEGERI DAN MASYARAKAT
YANG BERSATU, AMAN, MAKMUR DAN
SEJAHTERA

| 02

MENGOPTIMUMKAN SUMBER
DAN HASIL NEGERI

| 03

MERANGSANG
PEMULIHAN EKONOMI

| 04

MENINGKATKAN
EKONOMI RAKYAT

| 05

MEMBANGUNKAN
MODAL INSAN

STRATEGI PELAKSANAAN

- 1 Menjajarkan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025) dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), *Sabah New Economic Model* dan pelan strategik kementerian.
- 2 Memanfaatkan inisiatif WKB 2030, Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 dan Belanjawan Sabah Maju Jaya dengan cekap dan berkesan.
- 3 Menjana aliran dana daripada sektor swasta (domestik dan antarabangsa) melalui penglibatan, pelaburan, *Private Financial Initiative* (PFI) atau usahasama pintar (*smart partnership*) dengan kerajaan atau agensi kerajaan.
- 4 Menubuhkan Majlis Penasihat Ekonomi Sabah, *Sabah Economic Advisory Council* (SEAC) dianggotai oleh pemain industri, ahli akademik dan aktivis Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berperanan merangka *Sabah New Economic Model*, menarik dan membawa pelaburan dari luar dan dalam negara.
- 5 Mempercepatkan pelaksanaan Pelan Kerajaan Digital negeri Sabah dan Sabah Maju Jaya *Smart Town*.
- 6 Mengoptimumkan keberhasilan peruntukan yang diberikan melalui inisiatif yang tepat, bersasar, sistem penyampaian yang berintegriti dan berakauntabiliti.
- 7 Mengoptimumkan keberkesanan agensi sedia ada.
- 8 Melaksanakan inisiatif meliputi inisiatif teras strategik dan inisiatif pemboleh daya.
- 9 Mempertingkatkan pengurusan prestasi yang berkesan melalui komunikasi dan kordinasi antara agensi berkaitan disepadukan melalui Badan Pemantau, Konsultasi dan Mengkoordinasi.

TERAS HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

(PELAN PEMBANGUNAN SABAH MAJU JAYA 1.0 : 2021-2025)



**SEKTOR UTAMA FOKUS
PERTUMBUHAN EKONOMI**



PERTANIAN

Memaksimakan potensi untuk pertumbuhan ekonomi negeri dan melonjakkan ekonomi rakyat.



PERINDUSTRIAN

Menarik pelaburan untuk meningkatkan pengeluaran, memacu pertumbuhan ekonomi, mengoptimakan sumber tersedia serta mengimbangi pembangunan antara daerah.



PELANCONGAN

Memanfaatkan kekayaan flora dan fauna serta keindahan alam semula jadi dan kepelbagaian budaya.



**MODAL INSAN
DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**



Membangunkan potensi modal insan untuk membangun negara/negeri serta memastikan rakyat mendapat kehidupan yang sejahtera.



**JARINGAN INFRASTRUKTUR
DAN KELESTARIAN HIJAU**




Penduduk mendapat kemudahan asas yang mampan dan saling terhubung, liputan internet yang baik untuk menyokong keperluan rakyat dan pertumbuhan ekonomi serta penggalakkan model ekonomi sirkular '*circular economy*' dan mengekalkan daya huni bumi untuk generasi masa kini dan masa hadapan.

**PENJAJARAN HALA TUJU SABAH MAJU JAYA (PELAN PEMBANGUNAN SABAH MAJU JAYA 1.0 : 2021-2025)
DENGAN KOMITMEN AGENDA SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS 2030 (SDG2030)**

S SEKTOR			M MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT		J JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU	
PERTANIAN	PERINDUSTRIAN	PELANCONGAN	MODAL INSAN	KESEJAHTERAAN RAKYAT	JARINGAN INFRASTRUKTUR	KELESTARIAN HIJAU
Ekonomi Negeri dan Ekonomi Rakyat serta Kemampunan Keselamatan Makanan	Meningkatkan Ekonomi Negeri dan Pendapatan Rakyat dalam Sektor IKS	Memacu Pelancongan yang Mampan dan Berdaya Tahan	Memacu Pembangunan Modal Insan untuk Keberhasilan Negeri dan Menambahbaik Kemudahan / Program		Memperkuuhkan Infrastruktur untuk Menyokong Pertumbuhan Ekonomi dan Menggalakkan Kemampuan serta Merangka Pembangunan Ekonomi yang Mengimbangkan Alam Sekitar, Manusia, Hidupan Marin dan Flora dan Fauna di Daratan	
1 2 8 12 13 14 17	8 9 17	6 13 14 15 17	4 5 8 10 17	1 2 3 6 11 16	6 7 12 13	7 8 11 13 14 15 17



HALA TUJU SABAH MAJU JAYA (PELAN PEMBANGUNAN SABAH MAJU JAYA 1.0 : 2021-2025) DAN WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 (WKB2030)



KERANGKA HALA TUJU SABAH MAJU JAYA (PELAN PEMBANGUNAN SABAH MAJU JAYA 1.0 : 2021-2025)



ELEMEN SMJ





**SEKTOR UTAMA
PERTANIAN;
PERINDUSTRIAN;
DAN PELANCONGAN**

**MODAL INSAN
DAN KESEJAHTERAAN
RAKYAT**

**JARINGAN
INFRASTRUKTUR DAN
KELESTARIAN HIJAU**



Kota Belud

Gambar Ihsan Lee Yen Phin | Lembaga Pelancongan Sabah



SEKTOR PERTANIAN

Kerajaan Negeri komited dalam memastikan produktiviti dan kualiti pengeluaran dalam sektor ini ditingkatkan dengan menggunakan inovasi dalam teknologi pertanian hijau dan meningkatkan penyelidikan dan pembangunan bagi memperkasa tahap jaminan dan keselamatan makanan negeri. Pembangunan modal insan juga diberi keutamaan bagi memastikan kemahiran sentiasa ditambahbaik di samping meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan di negeri Sabah juga menarik minat golongan belia bagi menyertai sektor pertanian.

Sektor pertanian dibahagikan kepada empat (4) sub-sektor iaitu sektor tanaman, sektor ternakan, sektor perikanan dan komoditi getah. Keempat-empat sub-sektor ini mempunyai sasaran masing-masing bagi meningkatkan kadar pengeluaran negeri dan memastikan kadar *Self Sufficiency Level* (SSL) sentiasa melonjak tahun ke tahun.



Taman-Taman
Perindustrian Sabah





SEKTOR PERINDUSTRIAN

Sektor Perindustrian adalah salah satu sektor produktif utama negeri Sabah yang menyumbang kepada ekonomi. Naik turun prestasi sektor ini akan memberi kesan langsung kepada pertumbuhan ekonomi negeri secara keseluruhan yang akan dirasai juga oleh sebahagian besar warga negeri. Signifikasi sektor ini terhadap pembangunan ekonomi negeri memerlukan kerajaan memberi tumpuan kepada usaha-usaha merangsang sektor ini menjadi lebih pesat berkembang untuk mewujudkan peluang pekerjaan.

Sehubungan itu dalam konteks ekonomi negeri Sabah, Industri Pembuatan (*manufacturing*) adalah merupakan bidang ekonomi di bawah Sektor Perindustrian yang potensinya masih belum dimanfaatkan secara maksima. Ini kerana walaupun pada hakikatnya negeri Sabah memiliki sumber asli dan sumber bahan mentah berdasarkan pertanian yang banyak, nilai sumbangsih Industri Pembuatan terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Sabah hanya 8% daripada keseluruhan. Angka ini tidak menggambarkan potensi sebenar industri ini.

Oleh itu untuk merangsang Sektor Perindustrian khususnya Industri Pembuatan supaya lebih meningkatkan taraf ekonomi rakyat dan negeri Sabah, kerajaan telah menetapkan sasaran, mengatur strategi dan merancang program yang akan memanfaatkan potensi sebenar sektor ini.



Pulau Sapi

Gambar Ihsan John Kong | Lembaga Pelancongan Sabah



SEKTOR PELANCONGAN

Pelancongan berdasarkan komuniti atau lebih dikenali sebagai *Community Based Tourism* (CBT) akan dipertingkatkan lagi untuk menarik pelbagai jenis pelancong di mana pada masa kini, tren pelancongan adalah menjurus kepada *Frequent Independent Travellers* (FIT). Mengikut rekod Lembaga Pelancongan Sabah, FIT menyumbang sebanyak 59% urusan perjalanan pelancong. Ini bermakna pelancong lebih gemar memilih produk pelancongan yang bersesuaian dengan minat mereka dan tidak lagi melancong dalam kumpulan besar seperti *mass tourism*. Jenis produk pelancongan yang lebih bersasar dan berdasarkan aktiviti komuniti mampu menarik minat pelancong tempatan dan antarabangsa.

Semasa pandemik COVID-19 melanda dunia, Kerajaan Negeri mengambil kesempatan untuk memperbaiki fasiliti pelancongan yang terdapat di Sabah apabila pelancong berhenti melawat ke tempat-tempat yang pada kebiasaananya terdapat ramai pelawat dan menyebabkan kesukaran untuk menaik taraf fasiliti tertentu. Oleh demikian, sektor pelancongan mempunyai potensi yang amat tinggi untuk memacu ekonomi utama negeri mahupun negara.



Gunung Kinabalu

Gambar Ihsan Murphy Ng | Lembaga Pelancongan Sabah

M MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

MODAL INSAN

Modal insan ialah barisan tenaga kerja yang merupakan faktor pemboleh daya yang sangat penting dalam menyumbang kepada peningkatan dan kemajuan dalam sektor pertanian, sektor perindustrian dan sektor pelancongan. Latihan yang berterusan bagi memperkasakan kemahiran akan mempertingkatkan kebolehan tenaga kerja dan mahir dalam melaksanakan tugas dalam segala bidang pekerjaan.

Dengan mempunyai semangat jati diri dan patriotisme yang jitu, berbekalkan tubuh badan yang sihat sudah semestinya akan menjawai semangat berdikari dalam apa jua bidang dengan penyerapan ilmu pengetahuan yang dimiliki agar menjadi serba boleh dalam usaha untuk berinovasi.



Pasar Malam Tahun Baru Cina

Gambar Ihsan Mewot | Lembaga Pelancongan Sabah



KESEJAHTERAAN RAKYAT

Kesejahteraan rakyat juga menjadi aspek utama untuk meningkatkan potensi keberhasilan pembangunan modal insan sudah semestinya akan mewujudkan sebuah masyarakat yang maju dan progresif dan dalam keadaan sejahtera. Kesejahteraan rakyat juga bermakna masyarakat tersebut menjadi sebuah masyarakat yang hidup dalam keadaan aman, tenteram dan makmur seterusnya merealisasikan pembangunan dan kemajuan dalam pelbagai sektor utama yang akan menjadikan negeri Sabah terus maju dan jaya.



Pemandangan Gunung Kinabalu

Gambar Ihsan John Kong | Lembaga Pelancongan Sabah

J JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU

JARINGAN INFRASTRUKTUR

Antara faktor boleh daya utama bagi merangsang pertumbuhan ekonomi rakyat negeri Sabah ialah tahap ketersediaan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan air dan bekalan elektrik. Infrastruktur asas inilah yang menjadi penghubung kepada semua aktiviti ekonomi di seluruh negeri. Infrastruktur asas yang lengkap, berkualiti dan efisien akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat dalam semua aspek untuk kelangsungan hidup.

Selain infrastruktur asas, pada hari ini ketersediaan infrastruktur digital juga sudah menjadi satu kemestian yang tidak dapat dielakkan. Ini kerana seiring dengan perkembangan ICT, semakin banyak aktiviti sama ada rutin harian rakyat, aktiviti kerajaan dan sektor korporat sudah mula menggunakan saluran digital sebagai medium komunikasi dan transaksi.

Satu-persatu aktiviti yang dahulunya memerlukan kehadiran secara fizikal ke suatu tempat atau premis, dan juga yang menggunakan praktik manual, telah ditransformasikan kepada digital. Kelebihan medium digital yang tidak terbatas dengan sempadan geografi, masa dan peranti secara beransur-ansur menjadikannya pilihan utama dalam komunikasi awam dan korporat. Infrastruktur digital dengan liputan yang luas, kelajuan tinggi dan kualiti sambungan yang stabil dapat memberikan manfaat dalam meningkatkan komunikasi dan memudahkan kehidupan bersesuaian dengan keperluan masa kini.

Infrastruktur digital, jaringan yang baik dan optimum antara kedua-dua jenis infrastruktur ini akan mampu memacu pembangunan negeri dan ekonomi rakyat Sabah ke tahap yang lebih baik daripada sekarang ini. Oleh itu dalam melaksanakan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025), Kerajaan Negeri memberikan tumpuan kepada pemantapan infrastruktur asas dan digital di seluruh negeri dengan menjadikan aspek kesalinghubungan, keterangkuman dan keseimbangan antara kawasan bandar dan luar bandar sebagai keutamaan.



Sungai Kiulu, Tamparuli

Gambar Ihsan Wellmelin Lojumin | Lembaga Pelancongan Sabah

J JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU

KELESTARIAN HIJAU

Kerajaan Negeri akan menerajui pendekatan yang mampan untuk mengatasi masalah pelepasan gas rumah hijau (*Green House Gas*) yang memberi kesan negatif. Kerajaan Negeri komited untuk memastikan aktiviti pembangunan yang dilaksanakan adalah terancang dan mengambil kira aspek perlindungan alam sekitar yang selari dengan Dasar Alam Sekitar Negeri Sabah 2018-2033. Tadbir urus yang bersepadu dan berkesan dapat membantu pengurusan pembangunan yang lebih mampan seterusnya dapat mengawal kemerosotan biodiversiti. Dalam usaha ini, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk melindungi kekayaan flora dan fauna supaya khazanah alam dapat dimanfaat oleh generasi akan datang.

Pembudayaan selaras dengan prinsip utama Persidangan Rio 1992, Konvensyen Kepelbagaian Biologi (*Convention on Biological Diversity [CBD]*) di mana Malaysia telah menjadi ahli kepada konvensyen tersebut sejak tahun 1994. Integrasi perlindungan alam sekitar dalam rancangan pembangunan merupakan prinsip utama pembangunan lestari itu sendiri. Di peringkat negeri Sabah, Pelan Struktur Negeri Sabah 2033 telah menggariskan empat (4) matlamat di mana dua (2) daripadanya menyentuh mengenai inisiatif hijau dan kelestarian.

Matlamat pertama Pelan Struktur ini adalah untuk mewujudkan negeri yang mempunyai penduduk yang sihat dengan kualiti hidup yang tinggi manakala matlamat kedua adalah untuk memelihara persekitaran semulajadi negeri dengan melindungi rangkaian kawasan perlindungan serta kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai *High Conservation Value Environment (HCVE)* dan *Priority Conservation Area* meliputi kawasan daratan, kepulauan dan perairan di Sabah.

Ekonomi sirkular merupakan struktur ekonomi yang menyokong pertumbuhan secara mampan. Prinsip ini menyokong prinsip lima (5) R iaitu *Reduce, Reuse, Recycle, Recovery and Repair*. Ekonomi sirkular akan menambah peluang pekerjaan baharu di negeri Sabah ini dan pada masa yang sama meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Ini akan membantu pembangunan kelestarian sosial, pertumbuhan ekonomi hijau, meningkatkan daya huni bumi dan mengurangkan penggunaan sumber.

PEMBOLEH DAYA

TRANSFORMASI TADBIR URUS UNTUK MENINGKATKAN KETELUSAN
DAN KEBERKESANAN PERKHIDMATAN AWAM



PEMBOLEH DAYA 1:
KEMAMPANAN FISKAL



PEMBOLEH DAYA 2:
KEMUDAHAN
KEWANGAN



PEMBOLEH DAYA 3:
KEBERKESANAN DAN
KECEKAPAN
PENYAMPAIAN



PEMBOLEH DAYA 4:
KECEMERLANGAN
TADBIR URUS YANG
BERINTEGRITI



PEMBOLEH DAYA 5:
KERAJAAN DIGITAL
BERTERASKAN
TEKNOLOGI DAN
INOVASI

PEMBOLEH DAYA

TRANSFORMASI TADBIR URUS UNTUK MENINGKATKAN KETELUSAN DAN KEBERKESANAN PERKHIDMATAN AWAM

PEMBOLEH DAYA 1: KEMAMPAAN FISKAL	PEMBOLEH DAYA 2: KEMUDAHAN KEWANGAN	PEMBOLEH DAYA 3: KEBERKESANAN DAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN	PEMBOLEH DAYA 4: KECEMERLANGAN TADBIR URUS YANG BERINTEGRITI	PEMBOLEH DAYA 5: KERAJAAN DIGITAL BERTERASKAN TEKNOLOGI DAN INOVASI
Pengurusan kewangan yang berhemah	Menyediakan kemudahan kewangan kepada peniaga B40 mikro dan kotaj	Perkhidmatan awam berasaskan keberhasilan dan kepuasan pelanggan serta penggunaan digital dalam fungsi teras	Meningkatkan agenda anti rasuah	Pelan Transformasi Kerajaan Digital Negeri Sabah
Belanjawan yang berinovatif dan sistem perakaunan mengikut piawaian	Mengoptimumkan sumber kewangan merentasi pebagai agensi kerajaan	Struktur perkhidmatan awam yang dinamik	Penerapan nilai-nilai murni dan etika kerja terbaik	Bandar Pintar Sabah Maju Jaya
Meningkatkan kecekapan pengurusan perolehan dan pengurusan kemudahan kewangan merentasi pelbagai agensi	Meningkatkan kecekapan dan keberkesan pemberian kemudahan kewangan	<i>Empowering</i> pihak berkuasa tempatan	Memperkuuhkan mekanisma semak dan imbang	Ekonomi digital (mengintegrasikan infrastruktur digital merentasi sektor awam, perniagaan dan rakyat)
Memperkuuhkan pengurusan, prestasi pemantauan dan penilaian	Manfaatkan kemudahan kewangan yang diwujudkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk golongan IKS	Meningkatkan kapasiti penjawat awam	Pelan anti rasuah organisasi	Penembusan liputan internet berkelajuan tinggi

TINJAUAN 2019-2020



Gambar Ihsan Tsen Lip Kai | Lembaga Pelancongan Sabah

TINJAUAN 2019

Pertumbuhan ekonomi dunia dan negara agak lemah, ditambah lagi dengan impak pandemik COVID-19 pada tahun 2019 dan 2020. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2019 (0.5%) bernilai RM85.4 billion dan terus menguncup pada tahun 2020.




TINJAUAN 2019

PERTANIAN	PELANCONGAN	PERINDUSTRIAN
<p>16% (RM13.7 bilion)</p> <p>SUMBANGAN KE KDNK SEKTOR PERTANIAN SUB-SEKTOR</p> <p>Tanaman: 75% (cukai jualan kelapa sawit: RM798.6 juta)</p> <p>Ternakan: 5.3% (Jualan: RM1.02 juta)</p> <p>Perhutanan: 5.1% (Royalti: RM114.2 juta)</p> <p>Perikanan: 14.6% (Eksport: RM203,496)</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <i>Keluasan Kelapa Sawit: 1,747,182.4 hektar</i> 	<p>Cukai Pelancongan: RM12.6juta</p> <p>Kehadiran pelancong 2019: 4.18 juta / RM9.01 bilion <i>tourism receipt</i> (Antarabangsa: 1.4 juta ; Domestik: 2.7 juta) Setakat Julai 2020: 806,228 pelancong</p> <p>24 destinasi antarabangsa seperti Bandar Seri Begawan, Hong Kong, Shenzhen, Shanghai, Tokyo, Seoul, Perth</p> <p>216 penerbangan terus dengan kapasiti kerusi 37,210 seminggu</p> <p>Nota: <i>Terhenti akibat Pandemik COVID-19</i></p>	<p>Pelaburan RM6.5juta</p> <p>Getah: RM2.88 bilion</p> <p>Mineral dan produk bukan logam: RM2.575 bilion</p> <p>Gas asli: RM633.5 juta</p> <p>Agro Makanan: RM255.8 juta</p>



Gambar Ihsan Lee Yen Phin | Lembaga Pelancongan Sabah

Sektor pertanian di negeri Sabah merupakan sektor ketiga tertinggi menyumbang kepada KDNK negeri Sabah iaitu 16.1% bernilai RM13.8 bilion dengan pertumbuhan (-0.8%) pada tahun 2019. Negeri Sabah juga adalah negeri ketiga terbesar penyumbang utama aktiviti ekonomi dalam sektor pertanian. Tanaman kelapa sawit, perikanan laut dan akuakultur merupakan aktiviti pertanian utama ke dalam sumbangan tersebut. Aktiviti sub-sektor tanaman menyumbang kepada 75%, sub-sektor ternakan menyumbang kepada 5.3%, aktiviti perhutanan dan pembalakan menyumbang 5.1% dan sub-sektor perikanan 14.6%.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

CABARAN SEKTOR PERTANIAN


Sub-sektor tanaman adalah penyumbang tertinggi kepada sektor pertanian sebanyak 75%. Ini kerana, tanaman kelapa sawit merupakan tanaman terbesar di Sabah dan merupakan pengeluar tunggal minyak kelapa sawit dan koko di Malaysia. Perladangan kelapa sawit meliputi lebih 700,000 hektar di kawasan Pantai Timur Sabah, dan ia juga telah menyumbang kira-kira 25% daripada eksport minyak kelapa sawit mentah negara. Sebahagian besar kawasan tanaman di Sabah merupakan kawasan tanaman kelapa sawit dan menyebabkan negeri ini terlalu bergantung kepada tanaman tersebut.

Perladangan kelapa sawit meliputi kawasan seluas 1,747,182.4 hektar di seluruh negeri Sabah. Kelapa sawit amat berpotensi untuk dikembangkan dalam industri hiliran dengan menghasilkan lebih banyak produk berdasarkan kelapa sawit seperti produk campuran minyak sayuran, oleokimia, gantian lemak sawit, makanan ternakan, bahan pencuci dan terbaru biodiesel. Penghasilan melalui produk-produk hiliran ini, nilai eksport negara mampu dipertingkatkan di pasaran antarabangsa.

CABARAN SEKTOR PERINDUSTRIAN

Kepentingan industri pembuatan dalam pembangunan ekonomi negeri adalah dalam aktiviti hiliran, di mana melalui aktiviti ini wujudnya peluang-peluang pekerjaan dan kelahiran usahawan-usahawan yang seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi negeri. Peluang-peluang pekerjaan yang banyak akan dapat mengatasi isu pengangguran, manakala kelahiran usahawan-usahawan pula akan dapat mewujudkan pasaran baru dalam perniagaan yang seterusnya dapat menjana pendapatan. Peningkatan dan kerancakkan perniagaan pula akan meningkatkan pulangan cukai. Kesemua tindakbalas dari semua sisi ini akan dapat meningkatkan sumbangan sektor perindustrian kepada KDNK. Secara umumnya, sektor perindustrian di negeri Sabah terdiri kepada tiga bidang utama iaitu industri perlombongan & pengkuarian, industri pembuatan dan industri pembinaan. Pada tahun 2019, gabungan ketiga-tiga industri ini menyumbang sebanyak RM32.1 bilion kepada KDNK Sabah.

SUMBANGAN SEKTOR PERINDUSTRIAN DALAM KDNK 2019
(RM BILLION)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Industri pembuatan hanya menyumbang sebanyak RM6.5 bilion atau bersamaan dengan 8% daripada keseluruhan KDNK. Ini menunjukkan aktiviti industri pembuatan yang rendah, di mana peluang-peluang ekonomi di dalamnya masih belum dimanfaatkan sepenuhnya.

Setakat Jun 2020, terdapat 82,934 pertubuhan perniagaan dari semua sektor ekonomi yang didaftarkan di negeri Sabah. Daripada jumlah ini, hanya 2,334 atau bersamaan 2.8% sahaja di bawah sektor industri pembuatan. Ini merupakan satu lagi indikasi penting ke atas aktiviti industri pembuatan di negeri Sabah yang rendah.

PERTUBUHAN PERNIAGAAN YANG DIDAFTARKAN DI NEGERI SABAH



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

CABARAN SEKTOR PELANCONGAN

Pada tahun 2019, industri perkhidmatan kekal menjadi penyumbang utama kepada ekonomi Sabah dengan mencatatkan sumbangan 46.1% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Antara penyumbang tertinggi kepada industri perkhidmatan adalah subsektor penginapan iaitu sebanyak 9.6% hasil daripada aktiviti pelancongan, aktiviti makanan dan minuman, subsektor kedua tertinggi adalah aktiviti profesional dan perkhidmatan perniagaan lain iaitu sebanyak 7.9%, manakala subsektor ketiga tertinggi adalah perkhidmatan kesihatan swasta iaitu 5.2%. Kehadiran pelancong pada tahun 2019 adalah sebanyak 4.18 juta dan telah menjana RM9.01 bilion *tourism receipt*. Dari angka tersebut, pelancong antarabangsa 1.4 juta orang manakala pelancong domestik seramai 2.7 juta orang. Sektor pelancongan banyak bergantung kepada *mass tourism* dari negara Korea Selatan dan China. Aktiviti pelancongan telah menjana pendapatan cukai pelancongan negeri sejumlah RM12.6 juta.

Berikutan pandemik COVID-19, kedatangan pelancong menjunam dan setakat Julai 2020, Sabah hanya mencatat 806,228 kehadiran pelancong. Sebanyak 216 penerbangan terus dengan kapasiti kerusi 37,210 dalam seminggu terhenti akibat pandemik COVID-19, melibatkan 24 destinasi antarabangsa seperti Bandar Seri Begawan, Hong Kong, Shenzhen, Shanghai, Tokyo, Seoul dan Perth. Namun demikian, ketiadaan kedatangan pelancong ke negeri Sabah telah menyebabkan alam sekitar pulih dengan semula jadi. Perkara ini telah membuka peluang kepada negeri Sabah untuk melihat semula strategi untuk memulihkan sektor pelancongan dengan melancarkan strategi yang lebih bersasar berdasarkan kepelbagaiannya budaya dan kekayaan alam semula jadi.

Gambar Ihsan Clement Liew | Lembaga Pelancongan Sabah




CABARAN MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Pembangunan modal insan berhadapan dengan cabaran untuk merapatkan jurang antara pengetahuan, kemahiran berbanding dengan keperluan industri. Jurang ini juga telah mewujudkan ketidakpadanan antara penawaran dan permintaan dalam pasaran pekerjaan. Faktor ini menyebabkan kadar pengangguran meningkat di kalangan graduan yang disebabkan oleh ketidakpadanan kelulusan/kemahiran dengan industri yang ada. Kadar pengangguran di Sabah adalah 5.8 peratus bersamaan 112,000 jumlah penganggur berbanding kadar 4.9 peratus pada tahun 2014.

Kadar pengangguran di Sabah dijangka akan sentiasa meningkat pada tahun-tahun yang akan datang. Oleh itu, pembangunan modal insan merupakan faktor kritis bagi menjana dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara. Ketersediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi adalah penting untuk menyokong peralihan semua sektor ekonomi ke arah aktiviti berorientasikan pengetahuan, teknologi dan inovasi. Selain itu, pelaksanaan latihan dan kemahiran di institusi awam, swasta dan pusat pembangunan kemahiran negeri yang berbeza mengakibatkan landskap pendidikan dan latihan negara tidak selaras.

Di samping itu, kadar kemiskinan di Sabah juga merupakan tertinggi iaitu pada kadar 19.5 peratus berbanding 5.6 peratus kadar kemiskinan nasional dan ini meletakkan Sabah sebagai negeri yang paling miskin di Malaysia. Oleh itu, Kerajaan Negeri berusaha melalui pelbagai inisiatif dari setiap kementerian/jabatan terlibat bagi menangani isu kemiskinan ini terutamanya di daerah-daerah yang mencatatkan kadar kemiskinan tertinggi seperti Tongod, Pitas dan Kota Marudu. Isu perumahan juga merupakan faktor yang mengekang kesejahteraan rakyat. Mengikut rekod, terdapat 235 koloni dengan 23,469 rumah setinggan yang diduduki oleh 168,287 orang.

Terdapat 466 buah sekolah daif yang telah dikenal pasti tidak selamat untuk digunakan. Infrastruktur sekolah yang daif menyebabkan pelajar tidak dapat menikmati pembelajaran dengan sempurna dan selesa.



Gambar Ihsan Kementerian Kesihatan Malaysia

Semenjak pandemik COVID-19 mula melanda pada awal tahun 2020, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan ramai rakyat tidak dapat meneruskan pekerjaan terutama bagi mereka yang bekerja sendiri dan mereka yang terlibat dalam sektor perkhidmatan. Kerajaan Negeri telah menghulurkan tunai tiga (3) fasa iaitu *Sabah We Care*, Bantuan Sabah Prihatin 1.0 dan 2.0. Bantuan tunai *one-off* tersebut adalah seperti berikut; pemberian tunai *One-Off Bantuan Sabah We Care* sejumlah RM169,628,524.98 kepada 597,218 penerima. Bantuan Tunai *One-Off Sabah Prihatin 1.0* dan *2.0* sejumlah RM231,593,065 yang memberi manfaat kepada 716,319 orang telah diberikan bantuan. Bantuan tunai *one-off* terdiri daripada 324,661 penerima bernilai RM98,398,300 termasuk pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) telah diberikan bantuan. Bantuan Sabah Prihatin 1.0 (Tambahan) bernilai RM12,799,100 kepada 25,072 penerima. Bantuan Sabah Prihatin 2.0 bernilai RM97,000,200 dengan penerima seramai 323,334 orang. Bantuan Sabah Prihatin 2.0 (Tambahan) bernilai RM23,295,465 yang memanfaatkan golongan B40, syarikat pelancongan, pengusaha hotel dan penginapan, veteran Angkatan Tentera Malaysia, usahawan mikro dan kotej, penjaja kecil, anggota penguat kuasa dan kesihatan persekitaran, pekebun kecil, Program Dapur Belia dan institusi pengajian swasta atau awam. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah memberikan bantuan bakul makanan secara bersasar kepada golongan terkesan.

TINJAUAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

PENGANGGURAN	KEMISKINAN	SEKOLAH DAIF	JUMLAH BANTUAN TUNAI <i>ONE-OFF COVID-19</i>
2019: 5.8% (112,000 orang)	2019: 19.5%	466	<p style="text-align: right;">RM667,013,065.00</p> <p>(Angka ini tidak termasuk pengecualian bayaran sewa, lesen, cukai tanah, cukai pintu, bil air, bil elektrik, kemudahan pinjaman dan lain-lain).</p>
SETTINGGAN	GOLONGAN PENERIMA BANTUAN		
<ul style="list-style-type: none"> • 23,469 rumah • 235 koloni setinggan keseluruhan dengan populasi 168,287 orang • Empat (4) Kawasan Koloni Utama <ul style="list-style-type: none"> ✓ Kota Kinabalu: 57 koloni (35,270 orang / 7,759 rumah) ✓ Sandakan: 34 koloni (32,768 orang / 6,516 rumah) ✓ Tawau: 28 koloni (16,384 orang / 3,596 rumah) ✓ Semporna: 18 koloni (32,191 orang / 4,297 rumah) ✓ Lahad Datu: 14 koloni (21,534 orang / 3,711 rumah) 	<p>Orang Tua, Anak Yatim, Ibu Tunggal, Orang Kurang Upaya, Petani, Nelayan, Pekebun Kecil, Penternak, Syarikat Pelancongan, Pengusaha Hotel dan Penginapan, Malim Gunung, Porter, Pemandu Pelancong, Penggiat Seni, Dive Master, Miskin atau Miskin Tegar, Golongan B40, Pemandu Teksi, Bas, Bot Penambang, Lori, Penjaja Kecil, Veteran Angkatan Tentera Malaysia, Usahawan Mikro dan Kotej, Anggota Penguat Kuasa dan Kesihatan Persekutuan, Program Dapur Belia dan Institusi Pengajian Swasta atau Awam.</p>		

CABARAN JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU

Negeri Sabah mempunyai jaringan jalan raya dengan panjang keseluruhan 22,370.95km. Kategori jalan raya berkenaan adalah 10,657.91km (48%) tidak berturap. Sepanjang 2,673.11km merupakan jalan luar bandar yang terdiri daripada 897.07km (34%) jalan kelikir, dan 287.46km (11%) merupakan jalan tanah. Rekod terkini Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menyatakan terdapat 2,736 buah kampung di seluruh negeri Sabah. Sebanyak 2,653 buah rumah tidak dilengkapi jaringan jalan raya sepanjang 18,857km.

Profil Jalan Raya Negeri Sabah

Bil.	Jalan Raya	Jarak (KM)			
		Berturap	Kelikir	Tanah	Jumlah
1	Jalan Raya Negeri	6,508.49	4,673.70	461.13	11,643.32
2	Jalan Raya Persekutuan	1,501.00	-	-	1,501.00
3	Pihak Berkuasa Tempatan	3,703.55	5,287.46	235.62	9,226.63
		11,713.04	9,961.16	696.75	22,370.95

Sumber: Jabatan Kerja Raya

Profil Jalan Luar Bandar Negeri Sabah

Bil.	Jalan Luar Bandar	Jarak (KM)			
		Berturap	Kelikir	Tanah	Jumlah
1	Jabatan Kerja Raya	1,245.71	700.91	249.70	2,196.32
2	Pihak Berkuasa Tempatan	272.85	196.16	7.76	476.79

Sumber: Jabatan Kerja Raya

JARINGAN PRASARANA ASAS

JALAN KAMPUNG (KPLB)	LIPUTAN JALUR LEBAR (SKMM & KeSTI)
Tidak berturap: 5,670km (30.07%)	
Tanah Merah: 1,484km (7.78%)	
Konkrit: 3,794km (20.12%)	<i>Urban /Sub-urban / Rural</i>
Balak: 361km (1.91%)	Kadar Penembusan Jalur Lebar: 4G – 71.7% 3G – 84.1 2G – 88.3%
Pertanian 3,655km (19.38%)	Pejabat Kerajaan di daerah-daerah: 2 – 15Mbps
Berturap: 3,893km (20.64%)	
Bilangan kampung tiada kemudahan jalan: 83 kampung	
BEKALAN AIR BERSIH (KPLB)	BEKALAN ELEKTRIK (KPLB)
22% daripada populasi kawasan luar bandar belum mendapat bekalan air bersih (142,941 rumah)	5% kawasan luar bandar belum mendapat bekalan elektrik (617 kampung)
JALAN LUAR BANDAR (JKR)	
Kelikir: 34% (897.07km)	
Tanah: 10% (257.46km)	

Terdapat 84 buah Loji Rawatan Air (LRA) sedia ada dengan keupayaan pengeluaran keseluruhan LRA ini ialah 1,490 Juta Liter Sehari (JLH). Liputan bekalan air terawat 100% kawasan bandar. Mengikut rekod sebanyak 142,941 buah rumah (22%) populasi masih belum mendapat bekalan air bersih. Permintaan bekalan air terawat seluruh negeri akan meningkat sebanyak 6% bersamaan 1,761.16 JLH menjelang tahun 2025. Liputan bekalan elektrik di kawasan bandar adalah 100%. Manakala kawasan luar bandar pula adalah 95%. Sebanyak 617 buah kampung (5%) di kawasan luar bandar belum mendapat bekalan elektrik.



Gambar Ihsan Sabah Electricity Sdn. Bhd.

Capaian jalur lebar juga merupakan satu kemudahan yang menjadi kemestian untuk disediakan di seluruh negeri. Liputan rangkaian internet (*network coverage*) jalur lebar di kawasan berpenduduk negeri Sabah pada hari ini masih berada di tahap yang kurang memuaskan. Untuk rangkaian 4G, hanya 84.07% kawasan berpenduduk yang mendapat liputan, berbanding 95.32% peringkat nasional. Untuk rangkaian 3G pula hanya 73.31% kawasan berpenduduk mendapat liputan berbanding 92.03% peringkat nasional. Liputan-liputan ini perlu ditingkatkan untuk memastikan semua penduduk negeri Sabah tidak tercincir daripada akses internet.

Kemudahan internet di pejabat-pejabat daerah kerajaan pula hanya dilengkapi dengan kelajuan sekitar 3Mbps hingga 7Mbps. Kelajuan pada tahap ini adalah tidak memadai untuk memastikan kelancaran setiap proses atau transaksi digital dalam operasi kerajaan terutamanya jika ia melibatkan data-data bersaiz besar.

Selaras dengan prinsip utama Persidangan Rio 1992, Konvensyen Kepelbagaiaan Biologi (*Convention on Biological Diversity [CBD]*) di mana Malaysia telah menjadi ahli kepada konvensyen tersebut sejak tahun 1994, integrasi perlindungan alam sekitar ke dalam rancangan pembangunan merupakan prinsip utama pembangunan lestari itu sendiri.

Pelan Struktur Negeri Sabah 2033 telah menggariskan empat (4) matlamat di mana dua (2) daripadanya menyentuh mengenai inisiatif hijau dan kelestarian. Matlamat pertama pelan struktur ini adalah untuk mewujudkan negeri yang mempunyai penduduk yang sihat dengan kualiti hidup yang tinggi manakala matlamat kedua adalah untuk memelihara persekitaran semula jadi negeri dengan melindungi rangkaian kawasan perlindungan serta kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai *High Conservation Value Environment (HCVE)* dan *Priority Conservation Area* meliputi kawasan daratan, kepulauan dan perairan di Sabah.



Gambar Ihsan Ahmad Zulhilmi | Lembaga Pelancongan Sabah



CABARAN PEMBOLEH DAYA

Gambar Ihsan Wong Thai Siung | Lembaga Pelancongan Sabah

KEMAMPANAN FISKAL

Kedudukan fiskal yang mampan dapat mengekalkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada tahap yang stabil serta boleh menguruskan komitmen Kerajaan Negeri dalam jangka masa pendek dan panjang.

KEMUDAHAN KEWANGAN

Pinjaman mikro kredit adalah kemudahan kewangan untuk meningkatkan keupayaan pengusaha kecil dan sederhana (PKS) dalam rantaian bekalan dan menggalakkan penglibatan PKS dalam perniagaan. Data atau maklumat berkenaan pengusaha PKS (*Micro and Cottage*) di seluruh negeri Sabah berada di pelbagai agensi. Ini menyebabkan bantuan-bantuan untuk golongan pengusaha PKS ini tidak disalurkan secara optimum serta menyukarkan Kerajaan Negeri melaksanakan program secara bersasar.

KEBERKESANAN DAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN

Penambahbaikan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kerajaan negeri adalah penting untuk mengurangkan karenah birokrasi dengan mempermudah dan memperkemas sistem dan prosedur kerja. Kekurangan dan kelemahan koordinasi di antara kementerian, jabatan dan agensi akan menjelaskan kepantasan penyampaian perkhidmatan.



CABARAN PEMBOLEH DAYA

KECEMERLANGAN TADBIR URUS YANG BERINTEGRITI


Tadbir urus yang baik dan berintegriti tinggi seharusnya menjadi nadi utama dalam pentadbiran negeri. Pemboleh daya ini akan meningkatkan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan Negeri yang memegang mandat pentadbiran dan pengurusan negeri. Persepsi dan gejala rasuah boleh mengakibatkan ketidakpercayaan rakyat dan pelabur kepada tadbir urus kerajaan. Antara inisiatif berterusan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan tahap tadbir urus dan integriti ialah setiap kementerian menyediakan Pelan Antirasuah, pewujudan Unit Audit Dalam di setiap kementerian dan membincangkan isu-isu berkaitan serta mengesyorkan tindakan susulan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah peringkat negeri Sabah.



Gambar Ihsan Wong Thai Siung | Lembaga Pelancongan Sabah

KERAJAAN DIGITAL BERTERASKAN TEKNOLOGI DAN INOVASI

Data raya dan ketersediaan teknologi mendorong kepada pertumbuhan inovasi, meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri masih menghadapi cabaran dalam proses melaksanakan data raya ekoran daripada perubahan teknologi yang pesat dalam membangunkan infrastruktur digital termasuk pusat data. Terdapat juga maklumat yang masih disimpan dalam bentuk *hardcopy* dan pencerapan data secara manual. Pengumpulan data adalah tidak bersepadan, tidak dikemas kini dan tidak dikongsi antara agensi. Perkara ini telah menyebabkan kesukaran penyelarasan pembangunan secara bersepadan. Di samping itu, kekangan terhadap infrastruktur jalur lebar yang tidak efisien yang menghalang kualiti kelajuan capaian penyampaian maklumat.



BAHAGIAN 2

HALA TUJU

SABAH MAJU JAYA




Satu hala tuju yang jelas yang memberikan penekanan dalam sektor dan sub-sektor yang berpotensi dapat membantu memulih dan merancakkan ekonomi. Sehubungan itu, tiga (3) sektor utama iaitu Sektor Pertanian, Sektor Perindustrian dan Sektor Pelancongan telah dikenal pasti sebagai sektor yang berpotensi bukan sahaja untuk negeri tetapi juga di peringkat nasional. Menurut Bank Dunia, sektor elektrikal dan elektronik serta sektor pertanian adalah antara sektor yang kukuh dalam membantu ekonomi negara. Bank Dunia juga menganggarkan ekonomi negara akan meningkat pada kadar pertumbuhan 6.7% pada tahun 2021. Untuk memastikan pembangunan sektor-sektor ini dapat memberi manfaat kepada ekonomi negeri dan rakyat, dasar-dasar berkaitan perlu dirangka yang bermatlamatkan kepentasan dan mempermudahkan urusan. Hala Tuju Sabah Maju Jaya juga mengoptimumkan sumber ekonomi melalui inovasi dan mewujudkan ekonomi baharu melalui sektor pertanian, perindustrian dan pelancongan.


Untuk memudahkan inisiatif yang diperkenalkan bersesuaian dengan sesuatu kawasan dan bertepatan dengan pertumbuhan ekonomi yang diinginkan berdasarkan pelbagai sektor utama, Kerajaan Negeri telah memetakan titik pertumbuhan utama (*key growth nodes*) dan *hot spots* di seluruh negeri Sabah.

Setiap titik pertumbuhan utama (*key growth nodes*) dan *hot spot* telah ditentukan inisiatif mengikut elemen SMJ, sub-sektor pertanian seperti tanaman, ternakan dan perikanan. Selain itu, sektor-sektor yang boleh merangsang ekonomi juga telah ditetapkan. Ianya memudahkan kerajaan dan pelabur (dalam dan luar negara) untuk merancang dan melaksanakan aktiviti yang berkaitan.

Majlis Penasihat Ekonomi Sabah, Sabah Economic Advisory Council (SEAC) yang dianggotai oleh pemain industri, ahli akademik dan aktivis Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) mempunyai kapasiti untuk menarik dan membawa pelaburan dari luar dan dalam negeri Sabah dalam sektor utama fokus pertumbuhan ekonomi. *Sabah Economic Advisory Council* (SEAC) merangka Model Ekonomi Baru Sabah yang boleh meningkatkan ekonomi, hasil baharu dan kesejahteraan sosial negeri Sabah.


PEMETAAN NOD PERTUMBUHAN UTAMA (KEY GROWTH NODES) DIKENAL PASTI HALA TUJU SABAH MAJU JAYA (PELAN PEMBANGUNAN SABAH MAJU JAYA 1.0 : 2021-2025)






SUMBER: UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SABAH

HOT SPOT AREA (KOTA BELUD)	HOT SPOT AREA (MATUNGGONG)	HOT SPOT AREA (KOTA MARUDU)
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tourism (Community Based Tourism) ▪ Agriculture (Paddy & Sweet Potatoes) ▪ Extreme Sports 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tourism (Cultural) ▪ Agriculture (Coconut, Rubber, Honey & Pisang Sabah) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tourism (Ecotourism) ▪ Agriculture (Paddy, Coconut, Rubber, Jagung Pulut & Pisang Sabah) ▪ Forest Plantation ▪ Livestock
HOT SPOT AREA (PAPAR)	HOT SPOT AREA (TAMPARULI)	HOT SPOT AREA (PITAS)
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Agriculture (Paddy & Fruits) ▪ Education ▪ Swiftlet Industry ▪ Fishery ▪ Tourism ▪ Aquaculture ▪ Nature 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Agriculture ▪ Rubber Industry ▪ Extreme Sports 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Agriculture (Coconut & Rubber) ▪ Aquaculture (Prawns & Sea Cucumber) ▪ Swiftlet Industry ▪ Tourism ▪ Water Sports ▪ Forest Plantation
HOT SPOT AREA (MENUMBOK)	HOT SPOT AREA (KUALA PENYU)	HOT SPOT AREA (KEMABONG)
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Sea Transportation ▪ Agriculture (Coconuts) ▪ Sport Fishing 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Fishery ▪ Tourism (Club Med & Fishing) ▪ Agriculture (Mangoes & Sago) ▪ Extreme Sports 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Agriculture (Coffee, Fruits & Rubber) ▪ Tourism (Highland & Cultural) ▪ Extreme Sports
HOT SPOT AREA (MEMBAKUT)	HOT SPOT AREA (WESTON)	HOT SPOT AREA (TAMBUNAN)
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Agriculture (Fruits & Paddy) ▪ Tourism (River Cruise) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Agriculture (Rubber) ▪ Tourism (Nature) ▪ Fishery 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tourism ▪ Agriculture (Paddy, Ginger & Rubber) ▪ Bamboo Industry ▪ Extreme Sports
HOT SPOT AREA (SOOK)	HOT SPOT AREA (PAGALUNGAN)	HOT SPOT AREA (NABAWAN)
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Agriculture (Yam, Coffee, Pineapples & Rubber) ▪ Livestock ▪ Forest Plantation 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Border Town ▪ Agriculture (Hill Paddy) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Agriculture (Rubber & Coffee) ▪ Tourism (Nature & Cultural) ▪ Forest Plantation ▪ Green Local Authority (PBT Hijau)
HOT SPOT AREA (TENOM)		
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Border Town ▪ Agriculture (Hill Paddy) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tourism (Agri Park, Rafting, Cultural) ▪ Agriculture (Coffee, Cocoa & Fruits) ▪ Extreme Sport ▪ Rubber Industry ▪ Hydro Dams ▪ Coffee Industry



PEMETAAN HOT SPOTS AREAS

HALA TUJU SABAH MAJU JAYA (PELAN PEMBANGUNAN SABAH MAJU JAYA 1.0 : 2021-2025)



HOT SPOT AREA (PAITAN) <ul style="list-style-type: none">▪ Fishery (Sea Cucumber)▪ Agriculture (Rubber)▪ Swiftlet Industry▪ Forest Plantation	HOT SPOT AREA (BELURAN) <ul style="list-style-type: none">▪ Agriculture (Paddy)▪ Fishery (Sea Cucumber & Prawns)
HOT SPOT AREA (TELUPID) <ul style="list-style-type: none">▪ Transit Town▪ Tourism (Nature)▪ Agriculture▪ Livestock	HOT SPOT AREA (KINABATANGAN) <ul style="list-style-type: none">▪ Agriculture▪ Tourism (Community Base Tourism)▪ Largest Ramsar Site
HOT SPOT AREA (TONGOD) <ul style="list-style-type: none">▪ Centre Of Sabah▪ Agriculture (Rubber & Durian Merah)▪ Tourism (Imbak Canyon & Maliau Basin)▪ Livestock▪ Green Local Authority (PBT Hijau)▪ Forest Plantation▪ Extreme Sports	HOT SPOT AREA (KALABAカン) <ul style="list-style-type: none">▪ Border Town▪ Agriculture (Durian)▪ Tourism (Nature)▪ Forest Plantation
HOT SPOT AREA (TUNGKU) <ul style="list-style-type: none">▪ Agriculture	HOT SPOT AREA (KUNAK) <ul style="list-style-type: none">▪ Agriculture▪ Fishery
	HOT SPOT AREA (PULAU SEBATIK) <ul style="list-style-type: none">▪ Border Town▪ Agriculture▪ Fishery


SUMBER: UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SABAH



HOT SPOT AREAS								
KOTA BELUD	MEMBAKUT	KEMABONG	PITAS	TAMBUNAN	PAGALUNGAN	PAITAN	TUNGKU	KALABAカン
TAMPARULI	MENUMBOK	MATUNGGONG	LONG PASIA	SOOK	TONGOD	BELURAN	KUNAK	WESTON
KUALA PENYU	TENOM	KOTA MARUDU	BANGGI	NABAWAN	TELUPID	KINABATANGAN	PULAU SEBATIK	PAPAR

SUMBER: UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

KESEIMBANGAN PEMBANGUNAN DAERAH NEGERI SABAH



DASAR UNTUK MENYOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI

Dasar sedia ada disemak semula bagi memastikan keberkesanannya dapat memanfaatkan rakyat dan memajukan sektor ekonomi utama negeri Sabah. Dasar yang efektif dan mempunyai keberhasilan berimpak tinggi.

SEKTOR PERTANIAN	SEKTOR PERINDUSTRIAN	SEKTOR PELANCONGAN	MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT	JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU
<p><i>Crop Zoning</i> <i>Yielding Capacity</i> Peningkatan produktiviti melalui penggunaan teknologi terkini sejajar dengan IR4.0 dan IoT. Insentif Penggunaan dan kelulusan tanah untuk industri hilir</p> 	<p><i>New Creation (Introduction of new industries)</i> Menggunakan sumber sedia ada (agro, akuakultur, kelapa sawit dan minyak & gas) Insentif</p> 	<p><i>Dasar daya tampung pelancong (carrying capacity)</i> Kelestarian kawasan pelancongan Insentif</p> 	<p>Akses mendapatkan peluang pelajaran, kemahiran dan bantuan kewangan Bantuan bersasar golongan terpinggir dan memerlukan latihan kemahiran/TVET</p> 	<p>Penduduk mendapat kebolehcapaian jalan, jeti, pelabuhan, jalur lebar, bekalan air bersih dan elektrik Kelestarian kehidupan generasi kini dan masa hadapan</p> 

HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

(Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025)

SEKTOR PERTANIAN

RM 648,475,876.00

MODAL INSAN & KESEJAHTERAAN RAKYAT

RM 343,433,008.00

SEKTOR PERINDUSTRIAN

RM 198,840,780.00

JARINGAN INFRASTRUKTUR & KELESTARIAN HIJAU

RM 1,713,944,364.00

SEKTOR PELANCONGAN

RM 127,590,020.00

PEMBOLEH DAYA

RM 1,185,280,110.00

RM 4,217,564,158.00

Nota: Inisiatif RMK12 (2021-2025) Biayaan Negeri

SUMBER: UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SABAH



HALA TUJU SEKTOR PERTANIAN

INSENTIF PENGUSAHA NURSERI DAN TAPAK SEMAIAN (KELAPA & NANAS)

Bagi tanaman nanas, insentif tersebut akan diberikan kepada pengusaha atau pekebun kecil yang mengeluarkan sulur nanas mengikut *standard* dan insentif kepada syarikat swasta yang mempunyai nurseri tanaman nanas. Di samping itu, Pusat Kecemerlangan Nanas juga akan ditubuhkan. Lokasi yang akan dibangunkan tanaman nanas adalah Daerah Beaufort, Papar, Tawau dan Sandakan yang akan memanfaatkan pengusaha dan pekebun kecil, nurseri swasta dan pembukaan ladang nanas.

Anggaran pengeluaran kos bagi tanaman nanas adalah RM600,000 bagi pengeluaran sebanyak 5.6 juta sulur di mana keperluan bahan tanaman bagi setiap satu (1) hektar adalah 37,000 sulur nanas. Manakala anggaran keberhasilan bagi sulur nanas adalah 5.6 juta sulur untuk 151 hektar atau RM19.6 juta dengan anggaran harga RM3.50 setiap sulur. Untuk buah nanas, sebanyak 6,040 tan buah yang meliputi 151 hektar akan memberikan hasil sebanyak RM21.14 juta dengan anggaran harga RM3.50/kg ke RM4.50/kg. Setiap pengusaha akan diberikan satu (1) ekar seorang dengan 15,000 sulur nanas.

Bagi tanaman kelapa, insentif ini akan diberikan kepada pengusaha atau pekebun kecil yang mengeluarkan bahan tanaman kelapa mengikut piawaian. Insentif juga akan diberikan kepada syarikat swasta yang mempunyai nurseri tanaman kelapa. Insentif ini juga melibatkan insentif pengesahan bahan tanaman dan pewujudan Pusat Kecemerlangan Kelapa. Kerjasama ini adalah usahasama di antara Kerajaan Negeri dan syarikat swasta. Lokasi penanaman akan melibatkan 25 daerah di seluruh negeri Sabah yang akan memanfaatkan pengusaha atau pekebun kecil, nurseri swasta dan pewujudan ladang kelapa.

Anggaran kos pengeluaran bagi tanaman kelapa ini adalah RM1 juta dengan pengeluaran 2.6 juta anak benih kelapa dengan keperluan bahan tanaman kelapa jenis Matag / Tacunan sebanyak 187 pokok setiap hektar dan jenis Pandan sebanyak 272 pokok setiap hektar.



HALA TUJU SEKTOR PERTANIAN

PEMBANGUNAN TANAMAN NANAS

Inisiatif ini akan memfokuskan pemberian insentif kepada pengusaha atau pekebun kecil dengan pembukaan kawasan, bahan tanaman, baja, hormon, *plastic silvershine* dan latihan pengurusan tanaman. Insentif juga turut diberikan kepada syarikat swasta dengan sewaan tanah pada kadar harga yang rendah. Lokasi pembangunan tanaman nanas bagi pengusaha atau pekebun kecil akan melibatkan 670 hektar iaitu Sungai Lokan, Kinabatangan (300 hektar), Ulu Bongawan, Papar (25 hektar), Kimanis, Papar (15 hektar) dan Hutan Simpan Pensiangan, Nabawan (300 hektar).

Anggaran kos pengeluaran bagi inisiatif ini adalah RM83.8 juta melibatkan 670 hektar dengan keperluan bahan tanaman sulur nanas sebanyak 37,000 sulur setiap hektar dengan kos RM24.79 juta. Daripada kos tersebut, 670 hektar pengusaha atau pekebun kecil boleh menghasilkan buah sebanyak 26,800 tan atau 40 tan setiap hektar dan menghasilkan RM93.8 juta atau RM3.50/kg. Sulur pula menghasilkan 74.37 juta atau 3 sulur setiap pokok dan RM74.37 juta atau RM1 setiap sulur.

Bagi syarikat swasta, sejumlah 830 hektar terlibat bagi penanaman iaitu Sungai Lokan, Kinabatangan (200 hektar), KPD Bukau, Beaufort (160 hektar), Sungai Manjang, Sandakan (70 hektar) dan Hutan Simpan Pensiangan, Nabawan (400 hektar). Daripada keseluruhan keluasan tanaman tersebut, syarikat swasta boleh menghasilkan buah 33,200 tan atau 40 tan setiap hektar dan RM116.2 juta atau RM3.50/kg. Sulur sebanyak 92.13 juta atau 3 sulur setiap pokok. Keberhasilan RM92.13 juta atau RM1 setiap sulur.

PEMBANGUNAN TANAMAN KELAPA

Insentif ini akan diberikan kepada pengusaha atau pekebun kecil dengan pembukaan kawasan, pemberian bahan tanaman, baja dan latihan pengurusan tanaman yang memanfaatkan pengusaha, pekebun kecil dan syarikat swasta. Syarikat swasta juga akan diberikan sewaan tanah pada kadar harga yang rendah. Lokasi penanaman melibatkan 11,650 hektar yang memberi manfaat kepada pengusaha atau pekebun kecil iaitu 18 buah daerah (5,150 hektar), Hutan Simpan Paitan Sugut 1 (4,100 hektar) dan Hutan Simpan Bonggaya (2,800 hektar). Bagi syarikat swasta, keluasan tanaman melibatkan 4,100 hektar di Hutan Simpan Paitan Sugut 1.



HALA TUJU SEKTOR PERTANIAN

Anggaran kos pengeluaran akan melibatkan 11,650 hektar iaitu RM209.6 juta dan keperluan bahan tanaman kelapa 2.68 juta atau 230 pokok setiap hektar. Anggaran keberhasilan adalah 11,650 hektar melibatkan pekebun kecil boleh menghasilkan buah sebanyak 233 juta biji atau 20 ribu biji setiap hektar dengan anggaran RM233 juta atau RM1 setiap biji. Bagi syarikat swasta, 3,500 hektar boleh menghasilkan buah 70 ribu biji atau 20 ribu biji setiap hektar, RM70 juta atau RM1 setiap biji.

Pembukaan ladang ini adalah usahasama di antara kerajaan dan agensi-agensi di mana kilang pemprosesan juga akan turut dibina yang akan memanfaatkan pengusaha dan pekebun kecil. Lokasi pembangunan tersebut adalah di Daerah Kudat yang akan mengambil seluas 10,000 ekar tanah untuk didirikan.

KOMPLEKS PERIKANAN BERSEPADU (I-PORT)

Pembinaan kompleks tersebut adalah secara *Private Funding Initiative* (PFI) atau *Public-Private Partnership* (PPP). Kompleks Perikanan Bersepadu ini terdiri daripada beberapa komponen utama iaitu kemudahan jambatan/pelabuhan untuk bot-bot perikanan berlabuh dan memunggah hasil tangkapan, mengisi minyak, air dan bekalan bahan mentah. Seterusnya, pangkalan pendaratan dan penambatan vesel, dewan pelelongan, kilang pemprosesan dan penyejukan, kilang ais dan saluran bekalan, kemudahan bahan api dan air, penyadaian dan penyelenggaraan vesel, pembuatan dan penyelenggaraan alat menangkap ikan, lot komersial untuk industri berkaitan (kedai injin, alat dan pukat) dan blok pengurusan dan pentadbiran, pasar ikan dan restoran hasilan laut.

Lokasi pembinaan adalah Pantai Barat (Sepanggar) - 100 ekar, Kudat (Limau-Limauan) - 100 ekar dan Pantai Timur (Tawau – Sungai Imam) - 100 ekar yang akan memanfaatkan orang awam, pengusaha kilang / industri, pengusaha pemprosesan makanan berdasarkan hasilan perikanan dan pengusaha perikanan. Anggaran kos pembinaan bagi sebuah kompleks perikanan bersepadu sekitar RM300 ke RM320 juta. Pembinaan ini akan menjadikan negeri Sabah sebagai hub maritim perikanan di peringkat nasional dan antarabangsa.

KOMODITI AKUA-AIR TAWAR 1 (TILAPIA MERAH DAN HITAM)

Ikan Tilapia mempunyai tumbesaran yang cepat, iaitu boleh mencapai saiz pasaran dalam masa 6 – 8 bulan dan ikan ternakan ini mempunyai permintaan yang tinggi di kalangan para penternak. Ternakan ikan tersebut digunakan dengan beberapa cara atau sistem ternakan seperti Ladang Kolam Tanah, Tasik atau Takungan, Kolam Konkrit, Sangkar Ikan Terapung, Tangki Gentian Kaca Dan Tangki Plastik atau HDPE. Lokasi ternakan adalah Daerah Keningau, Ranau, Tambunan, Tuaran, Telupid, Tenom, Sook, Nabawan, Penampang dan Kota Marudu yang akan memanfaatkan penternak ikan air tawar dan pengusaha pemprosesan hasil perikanan berdasarkan ikan air tawar.

Kos pengeluaran ternakan tersebut dianggarkan RM1 bagi setiap ekor yang telah mencapai saiz jualan dan keperluan baja seperti baja *starter* yang mengambil kos RM75/karung, baja *grower* sebanyak RM72/karung dan baja *finisher* sebanyak RM70/karung. Sasaran keberhasilan bermula tahun 2020 adalah sebanyak 1992.47 MT dan anggaran hasil sebanyak RM25,902,000.11.

HALA TUJU SEKTOR PERTANIAN

KOMODITI AKUA-AIR TAWAR 2 (IKAN KELI)

Lokasi ternakan yang akan difokuskan adalah Daerah Ranau, Telupid, Tenom, Tambunan, Keningau, Penampang, Papar, Nabawan, Sipitang, Kota Belud dan Tuaran yang memanfaatkan penternak ikan air tawar dan pengusaha pemprosesan hasil perikanan berasaskan ikan air tawar. Kos pengeluaran ternakan tersebut dianggarkan RM0.30 bagi setiap ekor yang telah mencapai saiz jualan dan keperluan baja seperti baja *starter* yang mengambil kos RM75/karung, baja *grower* sebanyak RM72/karung dan baja *finisher* sebanyak RM70/karung. Sasaran keberhasilan bermula tahun 2020 adalah sebanyak 4577.00 MT dan anggaran hasil sebanyak RM54,924,000.00.



KOMODITI AKUA - MARIN 1 (IKAN KERAPU HYBRID)

Ternakan ikan kerapu *hybrid* ini dibuat secara sistem sangkar terapung, sistem kandang (*pen-culture*) dan kolam tanah. Lokasi ternakan adalah di daerah Tawau, Lahad Datu, Kunak, Semporna, Kudat, Tuaran dan Kuala Penyu dengan keluasan kawasan operasi 627,900 m² (62.79ha) yang akan memanfaatkan 410 pengusaha ternakan ikan marin. Menjelang tahun 2025, pengeluaran disasarkan sebanyak 1,629 mt dengan anggaran nilai RM59 juta. Anggaran kos pengeluaran melibatkan kadar pelepasan benih saiz 3 ialah 30-35 ekor per meter persegi yang mencapai saiz pasaran atau 1kg dalam masa 10 bulan. 1 unit sangkar berukuran 10'x10'x8' dengan kadar 300-350 ekor per petak dan kos tetap bagi 3 set sangkar (12 petak) adalah RM12,500. Benih saiz 3 in berharga RM5 seekor, makanan pellet – RM6/kg dan kos operasi RM45,000 ke RM50,000 untuk 1 pusingan atau tempoh 10 – 12 bulan. Menjelang tahun 2025, pengeluaran disasarkan sebanyak 1,629 mt dengan anggaran nilai RM59 juta.

KOMODITI AKUA – MARIN 2 (UDANG LAUT)

Terdapat dua (2) spesis udang laut yang diternak di negeri Sabah iaitu udang putih (*panaeus vannamei*) dan udang harimau (*panaeus monodon*) secara ternakan kolam tanah dan kolam simen. Lokasi penternakan adalah daerah Tawau, Semporna, Pitas, Kudat, Kunak dan Sandakan dengan keluasan operasi 1,524.25 hektar yang melibatkan 51 orang pengusaha ternakan udang marin. Insentif bagi meningkatkan keupayaan pengeluaran (sistem ternakan dan infrastruktur dan fasiliti sokongan) dengan kos RM9,750,000. Pembangunan modal insan bagi memberi pendedahan teknikal meliputi pengurusan operasi ternakan, motivasi dan keusahawanan kepada pengusaha disasarkan dengan kos RM180,000.

HALA TUJU SEKTOR PERTANIAN

Sokongan kepada ladang/penternak lain (demo-teknikal, lawatan tapak dan perkongsian pengetahuan) dengan kos RM675,000. Penyeliaan / pemantauan projek (pengurusan projek, teknikal dan keusahawanan) dan motivasi dengan kos RM 390,000. Menjelang tahun 2025, pengeluaran disasarkan sebanyak 17,186 MT dengan anggaran nilai RM343.7 juta dan menembusi pasaran eksport antarabangsa, pasaran tempatan dan pasaran segar restoran.

KETAM BAKAU

Inisiatif ternakan ikan bakau ini melibatkan pembangunan tanah bagi penyediaan tapak dan penandaan, pembinaan bangunan, pondok pemantauan dan pagar, infrastruktur dan kemudahan seperti jeti dan jalan masuk, papan tanda, elektrik, keperluan ladang bagi induk dan benih ketam, kenderaan, bot, enjin, peralatan kerja lapangan, kelengkapan pejabat dan generator serta kursus latihan, lawatan teknikal, program kesedaran konservasi, mesyuarat, taklimat, pengembangan, pemantauan dan penilaian projek, kaji selidik, pemetaan digital.

Lokasi ternakan ketam bakau akan dilaksanakan di daerah Beaufort, Tuaran dan Sandakan yang akan memberi manfaat kepada penternak dan pengusaha. Anggaran kos pengeluaran adalah seperti penyediaan tapak dan penandaan berjumlah RM700,000, pembinaan pondok pemantauan berjumlah RM500,000, pembinaan sistem pagar berjumlah RM200,000, pembinaan infrastruktur asas dan jalan masuk berjumlah RM500,000, papan tanda berjumlah RM50,000, sistem bekalan elektrik berjumlah RM150,000, induk benih dan ketam berjumlah 2,750,000 dan kenderaan, bot gentian, enjin, generator, peralatan kerja lapangan berjumlah RM 2,475,000.

Inisiatif ini akan membabitkan peningkatan sumber stok dan habitat semula jadi, peningkatan sumber pendapatan komuniti nelayan dengan meningkat hasil tangkapan, aktiviti pengembangan untuk membantu komuniti dengan memberi ilmu pengetahuan dan khidmat nasihat serta pendedahan mengenai kepentingan konservasi ketam serta meningkatkan pendapatan negara melalui sektor akuakultur dan menjamin stok makanan negara.

BANTUAN ONE-OFF PEMBINAAN RUMAH BURUNG WALIT (RBT)

Inisiatif ini adalah bagi memberikan bantuan kepada para pengusaha kecil burung walit terutamanya yang berstatus atau dalam golongan B40.



HALA TUJU SEKTOR PERTANIAN

TEKNOLOGI PENGELUARAN DAGING

Teknologi ini adalah berdasarkan teknologi yang digunakan untuk pengeluaran daging khinzir yang boleh digunakan untuk sembilan (9) ternakan haiwan lain.

KILANG PEMPROSESAN BIBIT CENDAWAN

Inisiatif tersebut adalah bagi mewujudkan kilang pemprosesan bibit cendawan di Mesilau, Kundasang. Teknologi akan digunakan adalah teknologi mesin dari Negara China yang mengambil tempoh lima (5) bulan untuk matang serta mampu menghasilkan 2 tan sebulan. Pasaran sekarang adalah bagi menampung keperluan di negeri Sabah dan sasaran untuk dipasarkan di Semenanjung Malaysia dan Hong Kong. Anggaran kos adalah RM12.50 untuk satu (1) kg bagi petani dan RM25 untuk 1 kg di pasar. Anggaran keberhasilan inisiatif ini adalah 6MT sebulan.

PROJEK LADANG BIAK BAKA AYAM KAMPUNG DAN TERNAKAN AYAM KAMPUNG

Inisiatif ini adalah bersifat *contract farming* yang melibatkan 32 peserta atau penternak kecil dan melibatkan pembinaan infrastruktur milik Korporasi Pembangunan Desa. Anggaran kos bagi pembinaan tiga (3) kilang adalah RM24 juta melibatkan kilang sembelihan, kilang biak-baka dan kilang baja.

PEWUJUDAN HAB PENGELUARAN LATEKS


Mewujudkan lapan (8) hab pengeluaran lateks dengan menggunakan tanah yang dimiliki oleh 19,491 pekebun kecil seluas 52,448.85 hektar serta pembelian 150 *centrifuge* yang mampu menampung kapasiti harian sebanyak 900MT. Lokasi pewujudan adalah daerah Keningau (20,115.87 ha), Tenom (18,070.62 ha), Sipitang (4,243.57 ha), Membakut (1,039.62 ha), Kuala Penyu (2,177.27 ha), Bongawan (1,445.56 ha), Papar (2,740.36 ha) dan Beaufort (2,671.98 ha) berjumlah keseluruhan 52,448.85 ha. Inisiatif ini akan memanfaatkan 3,341 pekebun kecil dengan anggaran kos pengeluaran sebanyak RM3,630,000 dan pengeluaran sebanyak 700MT lateks/hari.

BILIK PENYEJUKBEKUAN

Inisiatif ini melibatkan dua (2) unit bilik sejuk 85tan, bilik *blasting* 30tan dan *plate freezer* dua (2) unit yang mampu memproses hasil tangkapan nelayan-nelayan laut dalam mendaratkan hasil tangkapan dan terus memproses hasil ternakan. Lokasi pewujudan tersebut adalah di Kompleks Perikanan SAFMA, Kota Kinabalu yang memanfaatkan para nelayan dan pihak SAFMA. Anggaran kos bagi inisiatif ini adalah RM2,646,000 juta. Kapasiti keseluruhan bilik-bilik Sejuk dan *Blasting* (tidak termasuk *Plate Freezer*) ialah 115 metrik tan dengan anggaran nilai produk lebih RM500,000.

PEMETAAN TUMPUAN BERDASARKAN KEPADA NOD, HOTSPOT DAN LOKASI INISIATIF FOKUS SEMASA SEKTOR PERTANIAN

SUB-SEKTOR TANAMAN



PEMETAAN TUMPUAN BERDASARKAN KEPADA NOD, HOTSPOT DAN LOKASI INISIATIF FOKUS SEMASA SEKTOR PERTANIAN

SUB-SEKTOR TERNAKAN

Industri dan Ternakan Burung Walit



Ternakan Ayam



Ternakan Kambing



Industri dan Ternakan
Burung Walit



Ternakan Lembu



PEMETAAN TUMPUAN BERDASARKAN KEPADA NOD, HOTSPOT DAN LOKASI INISIATIF FOKUS SEMASA SEKTOR PERTANIAN

SUB-SEKTOR PERIKANAN

Jeti Perikanan dan
Pusat Pemprosesan
Hasil Laut



Hub Perikanan Antarabangsa
Pantai Barat Utara



Bibit Kerapu Hybrid



Ikan Tilapia



Ketam Bakau



LAHAD DATU



Pusat Pengumpulan Hasil Laut
dan Pemprosesan Hasil Laut dan
*Regional Processing Hub and
Logistic, POIC*

STRATEGI SEKTOR PERTANIAN



Menggunakan teknologi terkini bagi memakmurkan petani, penternak dan nelayan (PPN) tradisional

Memperkuuh dan mempertingkatkan rantaian bekalan melalui kolaborasi/kerjasama dengan pengusaha swasta dalam dan luar negara

Mengoptimumkan penggunaan tanah dan laut secara bersasar dengan pewujudan kilang dan peluang pekerjaan setempat

Meningkatkan kepelbagaiaan produk (*by products*) berdasarkan pertanian, penternakan, perikanan laut dan darat

Mengoptimumkan pengeluaran hasil dengan mewujudkan konsep *yielding capacity*

Mempertingkatkan penggunaan bioteknologi untuk meningkatkan pengeluaran

Mengamalkan akreditasi kualiti tanaman *standard* antarabangsa

Mewujudkan pangkalan data tanah mengikut kesesuaian aktiviti agro

KEBERHASILAN SEKTOR PERTANIAN



INSENTIF PENGUSAHA NURSERI DAN TAPAK SEMAIAN (KELAPA & NANAS)

RM19.6 juta dengan anggaran harga RM3.50 setiap sulur nanas dan RM91 juta dengan anggaran RM35 setiap pokok kelapa.

TANAMAN BAHRU KELAPA & NANAS

15,650 hektar kelapa dan 670 hektar nanas

JETI PEMUNGGAHAN

Peningkatan kepentasan dan kecekapan pemunggahan hasil laut

KILANG PEMPROSESAN HASIL PERTANIAN

6 kilang dimanfaatkan 21,652 petani

MICRO AND COTTAGE INDUSTRIES

2,000 pengusaha *Micro and Cottage* keluar dari garis kemiskinan

INDUSTRI SARANG BURUNG WALIT

12,000 buah rumah burung walit dibina dan peningkatan 920 MT pengeluaran

KOMODITI AKUA-AIR TAWAR 1 (TILAPIA MERAH DAN HITAM)

2146.40 MT pengeluaran dan pendapatan RM27,903,000.20 menjelang tahun 2025

KOMODITI AKUA-AIR TAWAR 2 (IKAN KELI)

4930.73 MT pengeluaran dan pendapatan RM59,168,000.75 menjelang tahun 2025

KOMODITI AKUA - MARIN 1 (IKAN KERAPU HYBRID)

1,629 MT pengeluaran dan pendapatan RM59 juta menjelang tahun 2025

JAMINAN BEKALAN MAKANAN DAN PENDAPATAN

Peningkatan pengeluaran hasil kepada 480 MT setahun

PENERAPAN TEKNOLOGI MODEN

Pembibitan lembu, kerbau dan kambing dengan menghasilkan 25,000 straw semen baka unggul yang memanfaatkan 60 petani dan peningkatan 8MT setahun

PROGRAM MINI ESTET SEJAHTERA (MESEJ) & AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN (AET)

Peningkatan pengeluaran getah kepada 139,500 hektar dan memanfaatkan 46,500 peserta menjelang tahun 2025

PUSAT PENGUMPULAN PRODUK PERTANIAN

Memanfaatkan 21,652 orang petani dan meningkatkan keberhasilan



INISIATIF FOKUS SEMASA SEKTOR PERTANIAN

SUB-SEKTOR TANAMAN



MEMBERIKAN INSENTIF KEPADA PENGUSAHA NURSERI DAN TAPAK SEMAIAN NANAS YANG MEMATUHI PIAWAIAN



MEMBERIKAN INSENTIF PENGUSAHA NURSERI DAN TAPAK SEMAIAN KELAPA YANG MEMATUHI PIAWAIAN



MEMBERIKAN INSENTIF PEKEBUN KECIL NANAS DAN KELAPA MELALUI PEMBERIAN INPUT PERTANIAN DAN SULUR / BENIH



MENINGKATKAN INDUSTRI HILIRAN UNTUK MEMBERIKAN NILAI TAMBAH PRODUK SUB-SEKTOR TANAMAN

MEMPERLUASKAN PENANAMAN KELAPA DAN NANAS PEKEBUN KECIL MENJADI BERSKALA BESAR



MEMBUKA LADANG KELAPA DAN KILANG INDUSTRI HILIRAN DENGAN USAHASAMA SWASTA DAN KERAJAAN



MENINGKATKAN PENGLIBATAN PETANI DALAM PERLADANGAN SECARA KONTRAK (CONTRACT FARMING)



MENGENAL PASTI TANAH YANG BERSESUAIAN DENGAN AKTIVITI AGRO



INISIATIF FOKUS SEMASA SEKTOR PERTANIAN

SUB-SEKTOR TERNAKAN



MENINGKATKAN PENGETAHUAN
SARANG BURUNG WALIT DAN
INDUSTRI HILIRAN



MENINGKATKAN
PENGELUARAN LEMBU
PEDAGING



MENINGKATKAN RANGKAIAN
EKOSISTEM SUB-SEKTOR
TERNAKAN SEPERTI PROGRAM
BIAK BAKA DAN KILANG
MAKANAN TERNAKAN

INISIATIF FOKUS SEMASA SEKTOR PERTANIAN

SUB-SEKTOR PERIKANAN



MEWUJUDKAN HUB
PERIKANAN ANTARABANGSA
DI KUDAT, POIC LAHD DATU
DAN SUNGAI IMAM, TAWAU



MENINGKATKAN TERNAKAN
KETAM BAKAU



MENINGKATKAN
TERNAKAN IKAN
KERAPU HYBRID



MENINGKATKAN
TERNAKAN UDANG



HALA TUJU
SEKTOR
PERINDUSTRIAN

HALA TUJU SEKTOR PERINDUSTRIAN

Menyedari kepentingan Sektor Perindustrian dalam pembangunan negeri Sabah, di samping isu-isu berkaitan kemerosotan dan kekurangan sumbangan Industri Pembuatan dalam KDNK pada tahun sebelum ini, kerajaan telah merangka beberapa inisiatif baru yang bertujuan untuk merangsang Sektor Perindustrian.

MEWUJUDKAN DASAR-DASAR DAN MENUBUHKAN MAJLIS-MAJLIS BARU

Untuk mencapai matlamat menjadikan negeri Sabah sebagai sebuah Negeri perindustrian, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Perindustrian (KPP) akan mewujudkan *Industrialization Road Map Sabah* yang mana ia mensasarkan peningkatan sumbangan Industri Pembuatan kepada KDNK Sabah sebanyak RM1 billion setiap tahun. Dengan sasaran ini, sumbangan industri ini dijangka akan mencapai nilai RM10 billion pada tahun 2025, dengan jumlah terkumpul sebanyak RM40 billion.

Untuk melengkapi *Industrialization Road Map Sabah* yang telah dirangka, Dasar Keusahawanan Negeri Sabah akan diwujudkan dengan fokus untuk membangunkan usahawan negeri Sabah yang mantap dan berjaya dalam bidang industri yang diceburi, sekali gus meningkatkan pendapatan para usahawan.

Penubuhan Majlis Penasihat Sawit Sabah juga akan memastikan Industri Hiliran Sawit yang mampan dan memberi pulangan munasabah kepada pemain-pemain industri hiliran.

Seterusnya, penubuhan Majlis Minyak dan Gas Negeri Sabah pula dirangka khusus untuk membangunkan Industri Minyak dan Gas secara lestari, dengan penekanan ke atas sebanyak mungkin hasil sumber-sumber minyak dan gas di seluruh negeri haruslah dinikmati oleh rakyat negeri Sabah sendiri.

INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)

Menyedari situasi kurangnya aktiviti industri hiliran khususnya dalam kelompok Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Kerajaan akan menyediakan pelbagai inisiatif yang menjadi pemangkin atau perangsang kepada perancakkan aktiviti IKS. Inisiatif-inisiatif ini juga mensasarkan golongan usahawan Mikro dan Kotej di seluruh negeri untuk membantu golongan ini meningkatkan pendapatan.



Inisiatif pertama di bawah Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan (DIDR) merupakan insentif yang diberikan dalam bentuk kemudahan kewangan, tajaan perolehan mesin, peralatan dan kilang serta platform pemasaran yang luas. Dengan pelaksanaan inisiatif ini, para usahawan tempatan akan mempunyai peluang lebih luas untuk memperkembangkan perniagaan dan seterusnya menembusi pasaran yang lebih luas termasuklah pasaran eksport. Di bawah inisiatif ini, sebanyak 9 jenis insentif yang disediakan dan disasarkan kepada 2600 usahawan IKS.

HALA TUJU SEKTOR PERINDUSTRIAN

Kedua, insentif yang akan disediakan ialah pengwujudan Pusat Produk IKS mengikut zon Pantai Barat, Sandakan, Tawau dan Pedalaman. Melalui insentif ini, kerajaan akan memeterai *Memorandum of Interest (MOI)* bersama pasaraya Bataras untuk menjalinkan kolaborasi antara 25 cawangan Bataras di setiap zon dengan usahawan-usahawan IKS yang layak. Dengan kolaborasi ini, pasaraya Bataras akan memasarkan produk-produk IKS di 25 outletnya, secara langsung memperluaskan lagi sasaran pasaran para usahawan IKS.

Seterusnya selari dengan matlamat Satu Daerah Satu Industri, kerajaan akan membangunkan 5 Pusat Inkubator Pemprosesan IKS di daerah-daerah besar mengikut zon untuk kemudahan usahawan memproses dan memasarkan produk. Kemudahan ini akan menjadi pemangkin kepada perluasan sasaran pelanggan dan pasaran produk-produk IKS tempatan yang sebelum ini hanya terhad di lokaliti tertentu sahaja.


Selain itu, insentif dalam bentuk latihan juga akan diberikan kepada usahawan-usahawan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta kebolehan mencipta idea-idea baru dalam perniagaan melalui program-program seperti Program Transformasi Usahawan Sabah (TRUS-MID), kursus penyertaan keusahawanan dalam bidang pendigitalan dan Program Mencungkil Idea Perniagaan.

PEMBANGUNAN HAB-HAB PERINDUSTRIAN BAHRU

Ekosistem perindustrian yang mesra pelabur dan pemain-pemain industri amat penting untuk menarik minat pelaburan baru dan mengekalkan pelaburan sedia ada. Untuk mewujudkan ekosistem yang kondusif, hab-hab perindustrian baru akan diwujudkan di Taman-taman Perindustrian seluruh negeri.

Hab Logistik akan dibangunkan di Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP), untuk menyediakan perkhidmatan penyimpanan, *transhipment* dan pengedaran barang-barang dagangan secara lebih efisien.

Di samping itu untuk menggalakkan usahawan-usahawan tempatan menembusi pasaran eksport, sebuah Hab Halal akan dibangunkan di kawasan KKIP seluas 20 ekar. Hab ini akan menyediakan kemudahan premis, teknologi dan platform digital di samping memberi panduan kepada para usahawan untuk memenuhi kriteria bagi mendapat pengiktirafan Halal dan MeSTI serta seterusnya memproses dan memasarkan produk ke pasaran eksport.



HALA TUJU SEKTOR PERINDUSTRIAN



Sebagai inisiatif untuk merangsang aktiviti perindustrian di kawasan Pantai Timur Sabah, sebuah hab dikenali sebagai *Regional Processing and Logistic Hub* akan dibangunkan di platform seluas 53 ekar Palm Oil Industrial Corporation (POIC), Lahad Datu. Hab ini akan menyediakan kemudahan Pusat Pengumpulan Bio-Jisim dengan kapasiti tahunan sebanyak 330 ribu metrik tan. Ia akan menjadi pusat pengumpulan bahan mentah yang dihasilkan oleh ladang-ladang sawit di Pantai Timur bagi tujuan penjualan kepada pengusaha industri produk berdasarkan bio-jisim seperti sabun dan biokimia. Sehubungan itu, di satu lagi platform seluas 7 ekar di hab ini juga akan menyediakan perkhidmatan Depot & Bilik Penyejukbekuan berkapasiti 60 ribu metrik tan. Depot & Bilik penyejukbekuan ini lengkap dengan infrastruktur asas serta fasiliti simpanan sejuk bagi menyokong perusahaan industri hiliran berdasarkan agro-akuakultur, marin dan daging.

Sebuah Hab Perikanan Antarabangsa juga bakal dibangunkan di POIC Lahad Datu yang akan menjadi pusat pertemuan perdagangan hasil-hasil laut dari tempatan dan juga negara-negara sekitar. Melalui pembangunan hab ini juga, peluang-peluang pekerjaan akan terbuka kepada penduduk setempat di samping menyediakan platform kepada pengusaha-pengusaha kecil hasil laut khususnya nelayan dan penternak untuk memasarkan dan menjual produk mereka kepada medan pelanggan yang lebih besar. Keadaan ini akan mampu meningkatkan ekonomi daerah khususnya dan negeri Sabah secara amnya.

PEMBUKAAN LEBIH BANYAK KAWASAN-KAWASAN PERINDUSTRIAN BAHRU

Pembukaan kawasan-kawasan perindustrian merupakan satu daya tarikan kepada pelabur-pelabur untuk menjalankan aktiviti perniagaan. Dengan pembukaan kawasan, pelbagai jenis aktiviti boleh dijalankan seperti pembinaan kilang, premis kedai, gudang simpanan, *distribution center* dan banyak lagi.

Untuk tujuan ini, kerajaan melalui Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) akan membangunkan Taman Perindustrian Kudat di tanah seluas 1,147 ekar di daerah Kudat. Taman ini akan dilengkapi dengan kemudahan pelabuhan, logistik dan premis-premis perniagaan untuk menarik lebih banyak pelabur dari dalam dan luar negeri. Di Taman ini juga akan dibangunkan Hab Perikanan Antarabangsa yang disasarkan menjadi pusat tumpuan pengusaha-pengusaha hasil laut tempatan dan antarabangsa dari negara sekitar untuk menjalankan aktiviti perdagangan.

Selain daerah Kudat, SEDCO juga akan melaksanakan Pembangunan Bandar/Pekan Baru di beberapa lagi daerah lain seperti Tawau, Sapulut dan Kinabatangan yang akan mencetuskan lonjakan aktiviti ekonomi di kawasan-kawasan sekitarnya.

Di samping pembukaan kawasan-kawasan perindustrian oleh SEDCO, sebuah lagi kawasan perindustrian baru akan dibuka di Sipitang Oil & Gas Industrial Park (SOGIP). Inisiatif ini diterajui oleh Sabah Oil & Gas Development Corporation (SOGDC). Pembukaan kawasan ini akan dimulakan dengan penyediaan tapak dan pembangunan infrastruktur bekalan elektrik.

PEMETAAN TUMPUAN BERDASARKAN KEPADA NOD, HOTSPOT DAN LOKASI INISIATIF FOKUS SEMASA SEKTOR PERINDUSTRIAN

FREE ECONOMIC ZONE

Transhipment Hub
(Pelabuhan Sepanggar)



Integrated Logistic Services (KKIP)



Sandakan Furniture Park



Sabah Oil & Gas Terminal, Papar (Oil & Gas)



Sipitang Oil & Gas Industrial Park (Pelaburan Minyak dan Gas)



Pusat Pengumpulan Hasil Laut dan Pemprosesan Hasil Laut dan *Regional Processing Hub and Logistic, POIC*



STRATEGI SEKTOR PERINDUSTRIAN



Memfokuskan pelaburan kepada sumber sedia ada iaitu empat subsektor utama industri agro, akuakultur, kelapa sawit, mineral dan minyak & gas




Meningkatkan pengeluaran IKS dengan penggunaan teknologi terkini

Mengoptimumkan kawasan / taman perindustrian sedia ada

Memudahcara pematuhan perundangan pensijilan dan akreditasi antarabangsa bagi produk IKS

Mewujudkan gerbang pemasaran secara digital produk IKS,
micro and cottage

KEBERHASILAN SEKTOR PERINDUSTRIAN

<p>Insentif kepada Usahawan IKS untuk membayai juruperunding dan mengubah suai premis</p> <p>50 usahawan mendapat manfaat dan peningkatan hasil eksport</p> 	<p>Pusat Produk IKS di 4 daerah besar</p> <p>200 usahawan mendapat manfaat dan peningkatan hasil jualan</p> 	<p>Insentif kepada Usahawan IKS Cemerlang</p> <p>1,000 usahawan cemerlang mendapat insentif</p> 	<p>Integrated Cold Storage Facilities and Depot</p> <p>Pengusaha mendapat manfaat dan potensi pelaburan sebanyak RM380 bilion</p> 	<p>Biomass Collection Centre</p> <p>Peningkatan pendapatan kepada POIC dan potensi pelaburan sebanyak RM19 bilion</p> 	<p>Pembangunan Taman Perindustrian Kudat</p> <p>300 peluang pekerjaan dibuka dan peningkatan pengeluaran</p> 
<p>Pembangunan Bandar Baru Titingan, Tawau</p> <p>500 peluang pekerjaan dibuka dan potensi pelaburan sebanyak RM2 bilion</p> 	<p>Pembangunan Metro Fibrillization</p> <p>Penembusan 50% jalur lebar (fiber optik) di Sabah</p> 	<p>Projek Loji Clinker</p> <p>Peningkatan pengeluaran simen di Sabah</p> 	<p>Pelaburan melalui pembangunan Infrastruktur Bekalan Elektrik di SOGIP</p> <p>4,070 peluang pekerjaan dibuka dan potensi pelaburan sebanyak RM4.86 bilion</p> 	<p>Pembangunan Pangkalan Pemeriksaan Keselamatan Pengangkutan Berat dan Pejabat dan Pelaburan melalui pembukaan tapak tanah di SOGIP</p> <p>4,070 peluang pekerjaan dibuka dan potensi pelaburan sebanyak RM4.86 bilion</p> 	<p>Pelaburan melalui penyediaan kawasan industri yang kondusif di KKIP</p> <p>Potensi pelaburan sebanyak RM2.2 bilion</p> 

INISIATIF FOKUS SEMASA SEKTOR PERINDUSRIAN



MEWUJUDKAN REGIONAL
PROCESSING &
LOGISTIC HUB POIC



MENINGKATKAN INFRASTRUKTUR
TAMAN PERINDUSTRIAN
(KKIP & SOGIP)



MENARIK PELABURAN
RM40 BILLION DI TAMAN-TAMAN
PERINDUSTRIAN



BERKOLABORASI DENGAN 25
OUTLET PASARAYA DI 4 DAERAH
BESAR BAGI MEMASARKAN
PRODUK USAHAWAN IKS



BERKOLABORASI MEMPERGIAT
AKTIVITI INDUSTRI BERASASKAN
SUMBER TERSEDIA MINYAK &
GAS, AKUAKULTUR, AGRIKULTUR
DAN SUMBER MARIN



MEWUJUDKAN
HAB HALAL KKIP



MEWUJUDKAN TRANSHIPMENT
HUB DI PELABUHAN SEPANGGAR
DAN INTEGRATED LOGISTIC
SERVICES DI KKIP (FREE
ECONOMIC ZONE)



MEMPERLUASKAN PENGGUNAAN
PLATFORM E-DAGANG OLEH
USAHAWAN IKS



MEMPERKASA PENGLIBATAN
SYARIKAT MILIK KERAJAAN
NEGERI DALAM INDUSTRI MINYAK
DAN GAS



MENUBUHKAN MAJLIS MINYAK &
GAS NEGERI SABAH



HALA TUJU SEKTOR PELANCONGAN

PUSAT PULAU KONSERVASI ORANGUTAN

Jabatan Hidupan Liar (JHL) komited dalam memastikan hidupan liar negeri Sabah yang menjadi tarikan utama pelancong terus dipelihara dan tidak diancam kepupusan. Pada masa ini, dianggarkan hanya 11,000 ekor populasi orangutan yang tinggal di negeri Sabah. Sehubungan itu, satu fasaliti yang dikenali sebagai Pusat Pulau Konversasi Orangutan bakal dibangunkan di Lot 8, Sanktuari Hidupan Liar Hilir Kinabatangan sebagai kawasan pelepasan (*naturalistic environment*) untuk menempatkan orangutan yang menghadapi masalah dalam program pemulihan, terlalu lama dalam kurungan kerana mempunyai risiko jangkitan penyakit berjangkit, cedera, cacat atau menghadapi risiko lain yang boleh membantutkan kehidupannya.

Pulau ini akan memberi kebebasan dan keselesaan kepada orangutan dalam persekitaran yang terkawal. Dalam persekitaran demikian, orangutan masih lagi boleh menyumbang dalam konservasi dari segi pembiakan. Setakat ini, sebanyak 10 ekor orangutan telah disenaraikan untuk ditempatkan dalam pulau ini pada masa ini dan memerlukan fasiliti tersebut. Bilangan ini dijangka meningkat menjelang tahun 2025 kepada 20-24 ekor orangutan secara kumulatif disebabkan penyebaran penyakit dan lain-lain.

Pelaksanaan pembinaan fasaliti dengan keluasan anggaran 20 hektar ini dijangkakan akan menelan kos sebanyak lebih kurang RM8 juta dalam tempoh masa 12 bulan secara menyeluruh. Projek pembinaan fasaliti ini juga akan melibatkan lapan (8) komponen. Antaranya ialah membina empat (4) unit pulau orangutan, pembinaan *moat air/parit* dan bangunan tempat tidur orangutan dengan kos RM2.3 juta, pembinaan pelantar pelawat, menara pelawat dan jejambat/pejalan kaki pelawat dengan kos RM300,000.00, program *enrichment* orangutan dengan kos RM400,000.00, pembinaan bangunan klinik RM800,000.00, lanskap (*hardscape and softscape*) RM300,000.00, penyambungan bekalan elektrik dan air yang menelan kos RM800,000.00, rumah kakitangan/keeper RM800,000.00 dan akhir sekali pembinaan jalan masuk dengan kos RM1.5 juta.

Pengwujudan Pusat Pulau orangutan ini juga akan memberi keuntungan kepada Kerajaan Negeri Sabah menerusi sektor pelancongan kerana ini merupakan satu lagi produk pelancongan yang berasaskan hidupan liar dapat diperkenalkan untuk negeri Sabah. Kedatangan pelawat tempatan dan luar negara ke daerah Sandakan dan Kinabatangan akan terus meningkat kerana mengikut rekod statistik pelawat di Kinabatangan, Pusat Pemulihan Orangutan Sepilok dan Tabin adalah memberangsangkan.



HALA TUJU SEKTOR PELANCONGAN

KEMPEN DAN PROGRAM *HIGH VISIBILITY* UNTUK PASARAN DOMESTIK

Pandemik COVID-19 yang melanda telah melumpuhkan sebahagian besar aktiviti pelancongan bukan sahaja di Sabah tetapi juga di peringkat global. Oleh itu, Lembaga Pelancongan Sabah (LPS) berinisiatif untuk meningkatkan lagi usaha kempen penglihatan tinggi (*high visibility*) melalui medium elektronik, cetak, *billboard* dan digital bagi melonjakkan kembali kehadiran pelancong ke negeri Sabah. Kempen ini merupakan unsur penting untuk menyokong kempen dan aktiviti pemasaran yang dilaksanakan oleh Unit Pemasaran di Lembaga Pelancongan Sabah. Antara strategi inisiatif ini ialah kolaborasi dengan pelbagai jenama yang terkemuka seperti Xiaomi, GoPro, TeaLive, Canon dan Sports Direct. Pihak LPS akan berusaha untuk menghubungi jenama yang dicadangkan untuk melancarkan kempen bersama. Jenama-jenama ini mempunyai pangkalan data dan juga pengikutnya sendiri yang dapat menjadi peluang untuk LPS mempromosikan Sabah sebagai destinasi pelancongan. Selain itu, kempen dan program *high visibility* ini juga dapat dibuat melalui *influencers*, *Key Opinion Leader* (KOL), *bloggers* dan media. Sebelum ini, pihak LPS telah melibatkan golongan ini untuk mempromosikan informasi berkaitan destinasi pelancongan di Sabah. Usaha ini akan dipertingkatkan lagi untuk memastikan pelancongan Sabah sentiasa ditularkan dalam *platform* media. Seterusnya, penggunaan *billboard* dalam aktiviti kempen dan program *high visibility* ini juga dijangkakan akan dapat melonjakkan kehadiran pelancong ke negeri Sabah. Kawasan yang sesuai untuk *billboard* seperti di kawasan Bukit Bintang, Kuala Lumpur dan beberapa kawasan tumpuan ramai telah dikenal pasti. *Billboard* atau *Out of Home* (OOH) juga akan digunakan di kompleks membeli belah. Pendekatan digital juga merupakan antara medium terbaik dalam mempromosikan pelancongan negeri Sabah. Pada masa ini, LPS telah pun aktif dalam menggunakan unsur digital.



Walau bagaimanapun, usaha ini boleh dipertingkatkan lagi dengan menggunakan *programmatic* dan juga melalui laman sesawang *content creators* seperti SAYS.com, World of Buzz, Have Halal Will Travel yang mempunyai kadar tular yang tinggi. Beberapa aktiviti telah dirangka bagi menyokong strategi ini seperti kolaborasi jenama dengan Xiaomi pada Januari dan GoPro pada Februari, MRT *wrap* dan *billboards* di Bukit Bintang, permohonan peruntukan penggambaran, pelancaran Sabah Brochure, lawatan SGAG (Laman Sesawang Berita dan Hiburan Singapura), MyFM dan stesen radio China dan lain-lain. Usaha ini akan dapat menambah sebaran maklumat berkaitan pelancongan di Sabah sekali gus menarik kehadiran lebih ramai pelancong.

HALA TUJU SEKTOR PELANCONGAN

SOKONGAN PEMBIDAAN *MEETINGS, INCENTIVES, CONFERENCES & EXHIBITIONS* (MICE)

Lembaga Pelancongan Sabah berhadapan dengan cabaran yang tinggi untuk menonjolkan Sabah sebagai destinasi *Meetings, Incentives, Conferences & Exhibitions* (MICE) yang unggul berikutan penutupan sempadan antarabangsa dan ketiadaan kemudahan dana subvensi untuk menyertai sebarang bidaan. Negeri Sabah juga mendapat saingan daripada destinasi-destinasi lain di rantau ini seperti Sarawak, Pulau Pinang, Singapura dan Thailand dalam menarik minat persatuan-persatuan dan korporat untuk menganjurkan aktiviti MICE di negeri ini. Oleh itu, Kerajaan Negeri perlu memainkan peranan dalam menyokong perkembangan sektor MICE melalui penyediaan dana subvensi yang menarik sebagai daya tarikan kepada pelbagai organisasi untuk memilih destinasi di negeri Sabah. Strategi penyediaan dana subvensi ini adalah antara faktor yang penting di samping ketersediaan prasarana dan kemudahan yang bertaraf dunia dalam meningkatkan peluang untuk memenangi bidaan bagi membolehkan Sabah menjadi tuan rumah bagi acara-acara perniagaan, mesyuarat, insentif serta pameran tempatan dan antarabangsa yang berprestij.

Selain itu, pasukan yang mahir dan hebat juga diperlukan untuk meyakinkan bakal penganjur. Kemahiran atau kepakaran ini diperlukan untuk membina kepercayaan dalam kalangan penganjur yang seterusnya akan dapat dimanfaatkan oleh sektor MICE di Sabah. Bagi memantapkan lagi sektor MICE di negeri ini, Lembaga Pelancongan Sabah mencadangkan agar pakatan global dengan rakan strategik dapat dikembangkan untuk berkongsi dan mengembangkan peluang perniagaan. Antara yang dicadangkan untuk dilaksanakan ialah pembidaan agresif terhadap acara yang mempunyai peluang besar bagi destinasi Sabah, seminar dan latihan berkenaan dengan Industri Acara Perniagaan,


sales call kepada persatuan dan juga *Professional Conference Organisers* (PCO), bekerjasama dengan peneraju Acara Perniagaan Malaysia dan Persatuan Penggerak Acara Perniagaan dengan penglibatan dan fokus yang lebih meyakinkan serta kempen kesedaran untuk menonjolkan ketersediaan negeri Sabah dalam menjadi tuan rumah bagi pelbagai acara antarabangsa. Beberapa impak kejayaan inisiatif ini pada masa akan datang akan dapat dinikmati rakyat Sabah. Antaranya ialah meningkatkan reputasi dan profil Sabah sebagai destinasi MICE di peringkat global, berpeluang menjadi hos pelbagai kongres dan konferensi bertaraf global bagi tahun 2021-2025, berpeluang meningkatkan hubungan profesional dan membina rangkaian global dan secara tidak langsung dapat merangsang perdagangan dan pelaburan untuk Sabah. Sektor MICE di Sabah juga dipercayai akan dapat melonjakkan ekonomi negeri yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Sebagai permulaan, Lembaga Pelancongan Sabah menyasarkan satu (1) acara MICE dianjurkan di Sabah pada tahun 2021. Pada tahun 2022 pula, disasarkan pertambahan sebanyak 100% jumlah acara berbanding tahun 2021, pertambahan sebanyak 50% jumlah acara berbanding tahun 2022 pada tahun 2023, pertambahan sebanyak 30% jumlah acara berbanding tahun 2023 pada tahun 2024 dan pertambahan sebanyak 30% jumlah acara berbanding tahun 2024 pada tahun 2025.



HALA TUJU SEKTOR PELANCONGAN

PENSIJILAN *HEALTH & CLEAN* PRODUK DAN PREMIS PELANCONGAN

Kebersihan destinasi pelancongan adalah antara faktor yang penting dalam menjamin kehadiran pelancong secara berterusan. Hal ini juga penting bagi membendung penularan wabak COVID-19 di kawasan pelancongan demi menjaga kesejahteraan pelancong dan rakyat negeri Sabah. Sehubungan itu, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KEPKAS) telah berinisiatif untuk menjalankan aktiviti pensijilan *Health & Clean* untuk setiap produk dan premis pelancongan untuk memberi keyakinan dan kepercayaan kepada pelancong untuk melawat negeri Sabah. Penghasilan sijil *Health & Clean* ini melibatkan perbincangan input dengan pihak berkepentingan industri pelancongan negeri Sabah bersama pihak berkepentingan dalam hal kesihatan dan keselamatan. Selain itu, pewartaan dan penyebaran maklumat mengenai sijil *Health & Clean* juga akan dibuat. Seterusnya, prosedur untuk perakuan pensijilan adalah merangkumi pematuhan produk dan premis pelancongan kepada piawaian dan protokol kesihatan dan kebersihan yang telah ditetapkan serta pengelolaan program latihan kepada staf premis dan produk pelancongan dalam mematuhi piawaian dan protokol perkhidmatan berdasarkan pensijilan.



Bagi memastikan pematuhan prosedur dijalankan secara berterusan, penguatkuasaan berdasarkan pensijilan dan pemeriksaan secara berkala akan dijalankan dari semasa ke semasa.

Pensijilan ini akan menjadi pemangkin dalam memberi keyakinan dan kepercayaan kepada pelancong dari dalam dan luar negara untuk melawat negeri Sabah. Ini seterusnya akan membantu melonjakkan kembali ekonomi negeri khususnya dalam sektor pelancongan. Inisiatif ini melibatkan semua pemain industri pelancongan seperti hotel, agen pelancongan, produk pelancongan, MICE dan lain-lain yang berkaitan. Selain KEPKAS, pemegang taruh utama untuk inisiatif ini juga adalah Lembaga Pelancongan Sabah dengan disertai oleh semua persatuan utama pelancongan seperti MAH, MATTA, MyBHA, SATTA, STA, STGA, persatuan CBT dan lain-lain. KEPKAS menyasarkan 50% premis pelancongan mendapat pensijilan *Health & Clean* pada tahun 2021, 70% pada tahun 2022, 90% pada tahun 2023 dan 100% pada tahun 2024.

HALA TUJU SEKTOR PELANCONGAN

PROGRAM PENGALAMAN BUDAYA BERSEPADU

Negeri Sabah terkenal dengan keindahan alam semula jadi dan budaya etnik yang pelbagai. Kepelbagaian budaya tersebut merupakan antara aset dan khazanah negeri yang amat bernilai. Walau bagaimanapun, aspek budaya kurang diketengahkan serta kurang menonjol dalam industri pelancongan. Industri pelancongan juga kini terjejas teruk akibat pandemik COVID-19 yang melanda bukan sahaja negeri Sabah tetapi juga global. Bagi memulihkan industri pelancongan di negeri Sabah, negeri ini memerlukan kombinasi budaya dan alam sekitar sebagai pakej untuk dipasarkan bagi menarik kehadiran pelancong dari dalam dan luar negeri. Sehubungan itu, program pelancongan budaya berdasarkan perkhidmatan pengalaman budaya dengan penyertaan komuniti, penggiat seni, badan kebudayaan dan sebagainya yang terdapat di Sabah dicadangkan untuk diperkenalkan oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah. Tujuan utama program ini adalah untuk memperkenalkan program pelancongan budaya kepada pelbagai pihak termasuk pelancong yang berkunjung ke negeri ini. Selain itu, objektif program ini juga adalah untuk memperkasakan pelancongan berdasarkan budaya di dalam dan luar bandar, mempelbagaikan produk pelancongan yang terdapat di Sabah, membantu komuniti untuk menonjolkan keunikan budaya etnik setempat, mewujudkan peluang perniagaan kepada pengusaha pelancongan dalam dan luar bandar untuk menjana pendapatan melalui penjualan produk budaya seperti kraf tangan, memelihara warisan budaya ketara dan tidak ketara agar terus diwarisi oleh generasi akan datang, membantu menjana pendapatan kepada penggiat-penggiat seni, pengusaha (produk kebudayaan) tempatan, pengkraf tempatan dan pengusaha makanan dan minuman serta membantu untuk mempromosi kebudayaan negeri Sabah.

Antara jenis program yang bakal dijalankan ialah Program Pengalaman Budaya, Program Hentian Budaya dan pemerkasaan pelancongan budaya luar bandar. Keberhasilan dari inisiatif ini ialah produk pelancongan dalam dan luar bandar dapat dipelbagaikan dengan memperkenalkan ekopelancongan budaya kepada komuniti luar bandar dan dalam masa yang sama meningkatkan pendapatan ekonomi, pelancongan sedia ada dapat ditambah nilai dengan kebudayaan, promosi pelancongan kebudayaan dapat dirancakkan lagi dan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada komuniti budaya dan pelancongan.

Pelaksanaan program ini adalah melibatkan penganjuran bengkel / ceramah / seminar bagi satu zon selama lima (5) tahun (melibatkan lima (5) zon seluruh Sabah), lima (5) projek perintis di lima (5) kawasan ekopelancongan dan Program Hentian Budaya dilaksanakan di tiga (3) bandar utama Sabah iaitu bandaraya Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau serta pelaksanaan program pengalaman budaya di setiap kawasan ekopelancongan budaya yang utama di daerah utama. Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah menyasarkan pelaksanaan satu (1) bengkel / ceramah / seminar, sembilan (9) premis dan satu (1) program / bandar pada tahun 2021, satu (1) bengkel / ceramah / seminar, tujuh (7) premis dan satu (1) program/bandar pada setiap tahun bermula tahun 2022 hingga 2025.



HALA TUJU SEKTOR PELANCONGAN

TITIAN LANGIT (SKY BRIDGE) PULAU BOHEY DULANG, TAMAN MARIN TUN SAKARAN, SEMPORNA

Keindahan panorama di Pulau Bohey Dulang amat terkenal di mata dunia. Keistimewaan Pulau Bohey Dulang ialah pulau ini mempunyai puncak bukit setinggi 353 meter yang menjadi tarikan ramai untuk datang menikmati keindahan pemandangan laut dan tumbuhan hijau. Pulau Bohey Dulang juga merupakan salah satu daripada lapan pulau yang terdapat di Taman Marin Tun Sakaran, diwartakan pada 28 Jun 2004 melalui Enakmen Taman-Taman Sabah 1964 dan menjadi antara tarikan utama pelancongan di daerah Semporna. Walau bagaimanapun, belum ada satu pun tumpuan ikonik yang boleh menarik lebih ramai pelancong ke destinasi ini. Sehubungan dengan itu, pewujudan produk ikonik di Taman Marin Tun Sakaran perlu dibangunkan iaitu sejajar dengan Pelan Strategik Taman-Taman Sabah 2025. Bagi merealisasikan hal ini, Taman-Taman Sabah mencadangkan untuk membina Titian Langit (*Sky Bridge*) sebagai ikonik baharu di negeri Sabah untuk dijadikan tarikan kedatangan pelancong. Titian ini akan dibangunkan sepanjang satu (1) kilometer. Tren terkini bagi pelancong dari dalam dan luar negara adalah untuk berkunjung ke tempat yang mempunyai ciri tarikan tersendiri dan yang sedang tular. Produk ikonik mampu menarik pelancong berkunjung dan membuat kunjungan semula. Projek Cadangan Pembinaan Titian Langit (*Sky Bridge*) di Pulau Bohey Dulang, Taman Marin Tun Sakaran, Semporna sudah tentunya akan mewujudkan sebuah tarikan ikonik baharu yang bakal menjadi tarikan utama di Sabah. Kos pelaksanaan pembinaan dianggarkan berjumlah RM35,000,000.00 dan tempoh pelaksanaan projek dianggarkan selama 36 bulan. Inisiatif ini selaras dengan matlamat Pelan Strategik Taman-Taman Sabah 2025 iaitu Taman-Taman Kita adalah pilihan utama pelancongan alam semula jadi dan mewujudkan Tarikan Ikonik.

Jumlah kedatangan pelancong ke Taman Marin Tun Sakaran menyumbang sekurang-kurangnya 10% bagi jumlah kedatangan pelancong di Taman-Taman Sabah. Dengan andaian setelah projek ini siap, Taman Marin Tun Sakaran menyasarkan 250,199 orang ketibaan pelancong pada tahun 2021, 282,699 orang pada tahun 2022, 315,199 orang pada tahun 2023, 347,699 orang pada tahun 2024 dan 396,449 orang pada tahun 2025.

PROGRAM ROUTE DEVELOPMENT

Penutupan sempadan-sempadan antarabangsa akibat pandemik COVID-19 telah menyebabkan syarikat-syarikat penerbangan menghentikan dan mengurangkan penerbangan di peringkat antarabangsa maupun di peringkat domestik. Ini seterusnya telah menjelaskan industri pelancongan negeri Sabah yang selama ini dilonjakkan oleh 96% kemasukan pelancong ke Sabah melalui laluan udara. Pada awal tahun 2020, Sabah mempunyai sejumlah 236 penerbangan terus menghubungkan 22 destinasi antarabangsa yang menawarkan kapasiti tempat duduk sebanyak 41,000 seminggu. Walau bagaimanapun, pada April 2020, kesemua penerbangan antarabangsa telah dihentikan akibat penutupan sempadan. Apabila sempadan dibuka, syarikat penerbangan yang telah terjejas selama hampir setahun memerlukan sokongan dan bantuan dalam memulihkan semula laluan yang penerbangan yang telah terhenti. Oleh itu, Lembaga Pelancongan Sabah telah bercadang untuk memperkenalkan program *route development* yang bertujuan untuk memantapkan semula jaringan kerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan dan menyokong usaha-usaha memulakan semula atau membuka laluan udara baharu yang membantu akses pelancong ke negeri Sabah. Penggalakkan keterlibatan syarikat-syarikat penerbangan dalam program ini dapat dibuat melalui pemberian insentif kepada syarikat penerbangan yang terlibat mengikut kriteria yang ditetapkan.

HALA TUJU SEKTOR PELANCONGAN

Antara aktiviti yang disasarkan dalam inisiatif ini ialah pembukaan laluan udara baharu, memulakan semula laluan antarabangsa yang terhenti dan penerbangan sewa khas bagi laluan antarabangsa. Lembaga Pelancongan Sabah menyasarkan pembukaan dua (2) laluan udara domestik dan dua (2) laluan udara antarabangsa baharu pada tahun 2021. Peningkatan secara konsisten disasarkan sehingga tahun 2025.

STATUS LAPANGAN TERBANG MENJADI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA (*NEW ROUTE DEVELOPMENT*)


Bagi menjayakan program *route development*, Kerajaan Negeri juga perlu menyediakan fasiliti yang bertaraf antarabangsa dan dapat menampung kehadiran kapal terbang yang membawa pelancong dari pelbagai negeri dan negara. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah berinisiatif untuk menjadikan Lapangan Terbang Tawau dan Lapangan Terbang Sandakan sebagai lapangan terbang antarabangsa. Selain dua (2) lapangan terbang ini, Lapangan Terbang Lahad Datu juga bakal dijadikan lapangan terbang antarabangsa melalui penaiktarafan fasiliti lapangan tersebut. Hal ini akan dapat dimanfaatkan oleh pelbagai aktiviti ekonomi yang membangun di daerah tersebut.



PROGRAM SABAH RUMAH KEDUAKU (*SABAH MY SECOND HOME PROGRAMME*)

Program Sabah Rumah Keduaku (*Sabah My Second Home Programme*) merupakan inisiatif Kerajaan Negeri yang diadaptasi dari program kerajaan persekutuan *Malaysia My Second Home* untuk menarik dan memberi peluang kepada pelancong dari luar negara yang memenuhi kriteria untuk tinggal di Sabah.

Sabah mempunyai potensi yang besar dalam menarik pelancong dalam menjadikan negeri ini sebagai rumah kedua kerana bentuk muka buminya yang indah dan strategik. Selain itu, keunikan kepelbagaiannya kaum dan budaya di Sabah juga menjadi salah satu daya tarikan pelancong ke negeri ini.



Sabah My Second Home Programme ini memberikan insentif kepada pelancong yang terlibat. Insentif yang diberikan ialah pas lawatan sosial selama 10 tahun, kebenaran membawa isteri atau suami serta anak-anak yang belum berkahwin, ibu bapa dan ibu bapa mentua, kebenaran bersekolah di Malaysia bagi anak yang berumur 18 tahun ke bawah, kebenaran bekerja sambilan selama 20 jam seminggu dalam sektor-sektor kritikal bagi individu berumur 50 tahun ke atas, kebenaran mendapatkan pembantu domestik dari negara-negara yang dibenarkan, pendapatan dari luar negara bebas cukai, kebenaran membeli harta benda dan harta tanah dan peluang pelaburan yang besar.

HALA TUJU SEKTOR PELANCONGAN

Melalui penyertaan pelancong dalam program ini, negeri akan mendapat manfaat ekonomi dari aspek pembelian premis kediaman, kemasukan aliran dana dan merangsang ekonomi setempat.

PEMBANGUNAN PRODUK IN SITU, TAPAK SELAMAN IKONIK DI TAMAN MARIN, TAMAN-TAMAN SABAH

Pembangunan Produk In Situ, Tapak Selaman Ikonik di Taman Marin, Taman-Taman Sabah melalui penempatan *reef ball* bertujuan penambahan tapak selaman baharu yang ikonik disamping untuk mengembalikan fungsi biologi ekosistem terumbu karang dan meningkatkan kualiti tapak selaman skuba yang sedia ada.


Selain itu, pembangunan sistem promosi tapak selaman serta flora dan fauna di kawasan taman marin di Taman-Taman Sabah juga diperlukan untuk tujuan pemasaran produk baharu dan sedia ada. Inisiatif ini juga menjadi daya tarikan kepada pengemar aktiviti sukan selam skuba yang memberi pulangan pelaburan kepada Kerajaan Negeri melalui aktiviti pelancongan.

Tiga (3) kawasan marin yang dipilih untuk inisiatif ini ialah Taman Tunku Abdul Rahman, Taman Pulau-Pulau Penyu dan Taman Pulau Sipadan. Peruntukan sejumlah RM10,000,000 diperlukan untuk kerja-kerja membina, mengangkat dan melabuhkan *reef ball* / *pallet ball* dan tempoh pelaksanaan projek dianggarkan mengambil masa selama 24 bulan. Sejumlah RM1,000,000 lagi diperlukan untuk pembangunan sistem promosi tapak selaman dan flora dan fauna di Taman-Taman Sabah.

Tiga (3) taman marin yang terlibat akan menyumbang pertambahan sebanyak 487,500 orang pelancong sesuai dengan matlamat Pelan Strategik Taman-Taman Sabah yang menyasarkan pertambahan pengunjung menjelang tahun 2025.



PEMETAAN TUMPUAN BERDASARKAN KEPADA NOD, HOTSPOT DAN LOKASI INISIATIF FOKUS SEMASA SEKTOR PELANCONGAN



STRATEGI SEKTOR PELANCONGAN



Menambah bilangan produk pelancongan *in situ* berasaskan komuniti dan keindahan setempat

Mempergiatkan promosi untuk menarik pelancongan bersasar berpendapatan tinggi seperti negara Eropah, Australia, Korea Selatan dan Taiwan

Mengalakkan Pelancongan *Frequent Independent Travelers* (FIT)

Mencipta produk baharu seperti Skuba Rangka Kapal, Bebola Terumbu dan lain-lain

Menerokai pelancongan perubatan, pelancongan pendidikan dan pelancongan agro

Memberi insentif pengajuran aktiviti *Meetings, Incentives, Conferences and Exhibitions* (MICE) yang bersasar

Mewujudkan Kinabalu International High Altitude Training Center di Gunung Kinabalu

Menjadikan lapangan terbang Sandakan, Tawau & Lahad Datu berstatus lapangan terbang antarabangsa

KEBERHASILAN SEKTOR PELANCONGAN



PUSAT PULAU KONSERVASI ORANGUTAN

Meningkatkan kehadiran pelancongan kepada 26,003 orang pada tahun 2025



KEMPEN DAN PROGRAM HIGH VISIBILITY UNTUK PASARAN DOMESTIK

Meningkatkan bilangan pelawat laman sesawang dan media sosial sebanyak 15%.



SOKONGAN PEMBIDAAN MEETINGS, INCENTIVES, CONFERENCES & EXHIBITIONS (MICE)

15 acara MICE diadakan di Sabah menjelang tahun 2025.



PROGRAM ROUTE DEVELOPMENT

8 laluan baharu domestik, antarabangsa dan sewa khas dibuka menjelang tahun 2025.



SABAH MY SECOND HOME PROGRAMME

Meningkatkan kehadiran pelancong dan menjadikan Sabah sebagai rumah kedua.



PROGRAM PENGALAMAN BUDAYA BERSEPADU

47 program dijalankan menjelang tahun 2025.



PRODUK IN SITU PEMBANGUNAN TAPAK SELAMAN IKONIK DAN PROGRAM ANGKAT FLORA DAN FAUNA

1,068,411 kehadiran pelancong menjelang tahun 2025.



TITIAN LANGIT (SKY BRIDGE) PULAU BOHEY DULANG, TAMAN MARIN TUN SAKARAN, SEMPORNA

396,449 kehadiran pelancong menjelang tahun 2025.



STATUS LAPANGAN TERBANG MENJADI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA

2 lapangan terbang menjadi lapangan terbang antarabangsa dan 1 lapangan terbang dinaik taraf fasiliti



PENSIJILAN HEALTH & CLEAN PRODUK DAN PREMIS PELANCONGAN

100% premis pelancongan mendapat pensijilan Health & Clean menjelang 2024.

INISIATIF FOKUS SEMASA SEKTOR PELANCONGAN




MEWUJUDKAN KINABALU
INTERNATIONAL HIGH ALTITUDE
TRAINING CENTER DI TAMAN-TAMAN
SABAH KUNDASANG



MEMBINA PRODUK PELANCONGAN
YANG MEMBAWA IMPAK YANG TINGGI
DAN PULANGAN YANG CEPAT
SEPERTI SKUBA RANGKA KAPAL,
BEBOLA TERUMBU DAN LAIN-LAIN



MEWUJUDKAN TAMAN BUDAYA
SABAH (SABAH CULTURAL
PARK)



MEWUJUDKAN LALUAN
PENERBANGAN BAHARU DOMESTIK,
ANTARABANGSA & SEWA KHAS



MEWUJUDKAN DASAR DAYA
TAMPUNG PELANCONGAN



MEWUJUDKAN SABAH MY
SECOND HOME PROGRAMME



**HALA
TUJU
MODAL INSAN
DAN KESEJAHTERAAN
RAKYAT**

HALA TUJU MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya (SMJ) 2021-2025 melalui pelbagai inisiatif khas yang telah dirangka oleh pelbagai kementerian seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS), Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP), Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat (KPMKR), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) dan Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBSS) akan memberi penekanan sepenuhnya terhadap modal insan iaitu barisan tenaga kerja bagi mengimbangkan pembangunan fizikal yang berteraskan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang merangkumi nilai, etika dan minda yang progresif serta kesedaran budaya yang tinggi dan menyumbang ke arah kesejahteraan rakyat secara keseluruhan.

SEJAHTERA LUAR BANDAR

Inisiatif khas pertama ialah melaksanakan kursus kemahiran keusahawanan kepada 500 usahawan desa melalui 25 kursus dalam program Pembangunan Usahawan Desa (PUD) iaitu bagi melonjakkan kemahiran para usahawan, KPLBS akan melaksanakan program Pembangunan Usahawan Desa (PUD) kepada 500 usahawan desa di kawasan luar bandar. Selain itu, inisiatif khas kedua ialah melaksanakan program Perusahaan Burung Walit Skala Sederhana yang melibatkan 70 bilangan peserta pada tahun 2021 dan pelaksanaan program Perusahaan Burung Walit Skala Sederhana ini yang akan disasarkan seramai 70 bilangan peserta dalam meningkatkan hasil dan pendapatan mereka.



Di samping itu, inisiatif khas ketiga ialah melaksanakan pembinaan 500 buah rumah melalui program Rumah Sejahtera Rakyat Sabah (RSRS) di seluruh daerah di negeri Sabah bermula tahun 2021 di mana pembinaan sebanyak 500 buah rumah di bawah program Rumah Sejahtera Rakyat Sabah (RSRS) akan memberi manfaat besar kepada penduduk di luar bandar bagi meningkatkan tahap kesejahteraan mereka.

Inisiatif khas keempat ialah membina dan menaik taraf infrastruktur-infrastruktur asas seperti pembinaan laluan pejalan kaki, jalan konkrit, jambatan gantung jenis keluli dan sebagainya di kawasan pedalaman bermula pada tahun 2021 dan dalam mewujudkan kesejahteraan secara keseluruhan yang berterusan, KPLBS akan melaksanakan semua projek pembinaan dan penaiktarafan infrastruktur-infrastruktur bagi meningkatkan keselesaan, keselamatan dan ekonomi di luar bandar.

Selain itu juga inisiatif khas keempat iaitu melaksanakan 10 buah projek Bekalan Air Luar Bandar Alternatif (BALBA) melalui sistem graviti dan telaga tiub dan melaksanakan 5 buah projek Bekalan Elektrik Luar Bandar Alternatif (BELBA) melalui mikro hidro dan tenaga solar di kawasan pedalaman pada tahun 2021. Dalam memastikan kelangsungan bekalan sumber air bersih dan bekalan elektrik secara berterusan, KPLBS akan bekerjasama dengan KPLB di peringkat Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan projek BALBA dan BELBA kepada para penduduk di kawasan pedalaman yang terpencil.

PERUMAHAN MAMPU MILIK UNTUK RAKYAT

Inisiatif khas pertama ialah melaksanakan program skim *Rent to Own* (Usahasama Pemaju Dengan Kerajaan) untuk 1,500 unit rumah bermula tahun 2021. Oleh itu, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) akan melaksanakan program skim *Rent to Own* yang merupakan sebuah alternatif agar rakyat muda untuk memiliki rumah untuk didiami berdasarkan konsep sewa beli. Manakala inisiatif khas kedua ialah membina sebanyak 2,576 Balai Adat Kampung menjelang tahun 2025 dengan sasaran pembinaan sebanyak 515 Balai Adat Kampung pada tahun 2021 dan projek pembinaan akan dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (JHEANS) yang akan diselia oleh KKTP bagi meningkatkan urusan pentadbiran dan tadbir urus para Ketua-Ketua Adat.

HALA TUJU MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Selain itu, inisiatif khas ketiga ialah membina Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) berjumlah 175 unit rumah yang melibatkan empat fasa kawasan bermula pada tahun 2021 di mana Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) akan mengendali projek perumahan (PAKR) ini yang melibatkan Fasa 3: Kemabong, Tenom (50 unit), Fasa 1: Sukau, Kinabatangan (50 unit), Fasa 1: Melalap, Tenom (50 unit) dan Fasa 1: Beluran (25 unit). Di samping itu, inisiatif khas keempat ialah membina Perumahan Rakyat berjumlah 350 unit rumah teres dan berkembar yang melibatkan empat fasa kawasan bermula pada tahun 2021 dan fasa-fasa yang terlibat ialah Fasa 1: Tanah Merah, Ranau (100 unit rumah berkembar), Fasa 1: Tongod (100 unit rumah berkembar), Fasa 1: Matunggong, Kudat (50 unit rumah teres) dan Fasa 3: Kota Kinabatangan (100 unit rumah teres). Projek Perumahan Rakyat ini akan dikendalikan oleh Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB). Dalam pada itu, inisiatif khas kelima ialah melaksanakan Skim Pembiayaan Perumahan di bawah Skim Pinjaman Perumahan (SPP) untuk golongan B40 melalui pembinaan sebanyak 1,615 unit rumah yang akan dibina bermula tahun 2021 dan pembinaan sebanyak 1,615 unit rumah yang akan dikendalikan oleh Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) bagi memudahkan urusan rakyat dalam hal pemilikan rumah. Manakala inisiatif khas keenam iaitu melaksanakan pembinaan sebanyak 2,500 unit buah Perumahan Penjawat Awam Negeri dan projek ini akan diselia oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan melalui Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) akan melaksanakan projek pembinaan ini agar semua penjawat awam negeri juga tidak terkecuali dari memiliki rumah yang bersifat mampu milik dan kondusif.

RAKYAT SIHAT DAN SEJAHTERA

Bagi mencapai hasrat ini, Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat melalui agenda utama “Merakyatkan Perkhidmatan” akan melaksanakan Inisiatif Khas Pertama iaitu membina Kompleks Bersepadu OKU dan Warga Emas yang akan bermula pada tahun 2021 dan projek pembinaan ini akan siap dalam tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 2021 sehingga tahun 2023 bagi meningkatkan taraf kesejahteraan golongan OKU dan warga emas dan Inisiatif Khas Kedua ialah membangunkan lima (5) buah Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (PPKK) di Kg. Rukom Laut, Pitas, Kg. Katalirus, Nabawan, Kg. Inarad, Tongod, Kg. Egad Paitan, Beluran dan di Kg. Koniung Darat, Kudat bermula pada tahun 2021 dengan memastikan kanak-kanak di luar bandar tidak tercincir dari bidang pendidikan dan projek pembinaan PPPK tersebut akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah (JPKAS).

Dalam pada itu, inisiatif khas ketiga ialah mewujudkan 250 wad di rumah di seluruh negeri Sabah dalam tempoh lima tahun (2021-2025). Untuk itu, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah (JPKAS) akan mewujudkan 250 wad di rumah di seluruh negeri Sabah bagi memudahkan urusan perubatan kesihatan rakyat terutama sekali di kawasan luar bandar. Selain itu, inisiatif khas keempat adalah program kolaborasi antara Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA) dan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) dalam memberi kemahiran kepada 200 ibu tunggal dan usahawan wanita B40 di Sabah dalam tahun 2021 dan Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat (KPMKR) melalui Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA) akan melaksanakan program bagi meningkatkan kemahiran dan pendapatan usahawan wanita B40 yang merangkumi juga ibu tunggal seramai 200 para usahawan wanita.

RAKYAT BERKEMAHIRAN TINGGI

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) akan melaksanakan inisiatif khas pertama iaitu melatih 2,000 orang dalam setiap tahun dalam program *Train and Place* (latihan semula dan naik taraf kemahiran) dan pelaksanaan program ini akan dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPSM) bagi meningkatkan kompetensi, peluang pekerjaan serta mengatasi masalah pengangguran. Di samping itu, inisiatif khas kedua ialah menaja 300 pelajar cemerlang di Sabah dalam program TVET ke luar negara dan 200 pelajar graduan tafhib ke dalam program TVET pada setiap tahun. Penajaan para pelajar untuk menyambung program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang merupakan salah satu permintaan industri pekerjaan yang tinggi dan akan dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPSM).



HALA TUJU MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Selain itu, inisiatif khas ketiga ialah Program Pengurusan dan Pengembangan Bakat "Sabah Talent & Entrepreneurship Program" (STEP) dan tujuan ini ialah melahirkan lebih ramai para usahawan yang muda belia dan berkelayakan. Oleh itu, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPSM) akan memainkan peranan dalam pelaksanaan program tersebut.

Bagi menjamin pendidikan secara berterusan, Pejabat Menteri Tugas-Tugas Khas akan melaksanakan inisiatif khas iaitu memberi Bantuan Khas Tunai Peperiksaan (BAKTI) sejumlah RM200 kepada para pelajar B40 SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) dan STAM (Sijil Tinggi Agama Malaysia) bermula tahun 2021. Malah juga ditambah dengan pemberian Bantuan Tunai Pendaftaran IPT (BUDI) sejumlah RM2,000 kepada para pelajar B40 bermula tahun 2021 dan Bantuan Tunai Pendaftaran IPT (BUDI) sejumlah RM2,000 akan diberikan kepada para pelajar baharu yang memasuki Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang merangkumi IPTA dan IPTS.

SEMANGAT KESUKANAN RAKYAT

Bagi melonjakkan kemahiran belia dalam pelbagai aspek, inisiatif khas pertama akan dilaksanakan iaitu Program Pemindahan Teknologi Kemahiran Pertanian Belia Antarabangsa (Youth Agropener Transfer Technology) di mana Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBSS) akan menekankan penguasaan kemahiran pertanian bagi melahirkan usahawan belia desa yang berproduktif dan berdaya saing. Manakala bagi meningkatkan kualiti bidang sukan di Sabah, Inisiatif Khas Kedua akan mewujudkan sebuah Pusat Sukan Berprestasi tinggi (High Performance Sports Centre). Pewujudan Pusat Sukan Berprestasi Tinggi ini akan menawarkan pelbagai program / kursus yang berkonsepkan sains sukan seperti Perubatan Sukan, Pemakanan Sukan, Fisiologi Senam, Psikologi Sukan, Analisa Sukan dan Suaihan Fizikal kepada para atlet berprestasi tinggi dan masyarakat serta membantu merancakkan Pelancongan Sukan di negeri Sabah. Pelaksanaan inisiatif ini akan dikendalikan oleh Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBSS), Lembaga Sukan Negeri Sabah dan Majlis Sukan Negeri Sabah.



Selain itu, Inisiatif Khas Ketiga ialah menganjurkan Sukan Bawah 12 Tahun di peringkat antarabangsa iaitu di South East Asia, BIMP-EAGA, Borneo Games. Bagi menggalakkan sukan di kalangan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun berserta melahirkan atlet kanak-kanak yang berprestij, acara sukan ini akan menjadi platform bagi mereka menonjolkan bakat dan keminatan terhadap bidang sukan.

RAKYAT MENUJU KE ARAH REVOLUSI INDUSTRI 4.0

Bermula tahun 2020 sehingga sekarang, negara-negara maju dan membangun termasuk Malaysia telah mula menekankan dan mengaplikasi Revolusi Industri 4.0 atau Industry Revolution 4.0 (IR 4.0) sebagai peralihan yang terkini dari segi teknologi dan kaedah bekerja. Di negeri Sabah khususnya, rakyat menginginkan agar peralihan ke arah Revolusi Industri 4.0 ini tidak diabaikan kepentingannya oleh Kerajaan Negeri. Ini kerana IR 4.0 menekankan pendekatan terhadap penggunaan teknologi oleh manusia agar mewujudkan sebuah kaedah bekerja yang cekap dan sistematik.

HALA TUJU MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Oleh itu, meningkatkan kesedaran dan mengoptimumkan kemahiran rakyat khususnya para graduan sekolah dan universiti dalam bidang teknologi adalah menjadi suatu kemestian bagi menyokong penuh IR 4.0 tersebut. Dalam melahirkan para graduan yang memiliki pengetahuan dan kemahiran tinggi, pelaksanaan program-program kemahiran yang berkonsepkan STEM (Science, Technology, Engineering, Mathematics) adalah perlu diberi pendedahan dari segi pengajaran secara teori dan praktikal kepada graduan tersebut. Program seperti ini mampu meningkatkan kredibiliti dan kemampuan rakyat dalam menjawai peralihan arus baharu iaitu IR 4.0 tersebut.

Selain itu juga, pendedahan kepada konsep pembelajaran STEM tersebut harus dipraktikkan kepada golongan kanak-kanak semasa di sekolah rendah atau tadika / taska. Konsep pembelajaran STEM ini akan diajar melalui konsep yang mudah difahami sesuai dengan tahap pembelajaran kanak-kanak tersebut. Di samping itu, konsep STEM mengajar kanak-kanak untuk menyelesaikan sesuatu masalah melalui pemikiran yang bersifat solusi dan kritikal minda. Ini semestinya akan membantu kanak-kanak di peringkat awal untuk membiasakan dan mencintai konsep pembinaan minda melalui STEM.

RAKYAT BERUPAYA DAN BERDIKARI

Peristiwa pandemik COVID-19 yang telah melanda seluruh dunia sejak tahun 2020 sememangnya telah meninggalkan kesan parut yang sangat mendalam kepada dunia dan rakyat. Dalam menangani dan mengurangi kes wabak COVID-19, Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula 18 Mac 2020. Dengan pewujudan pelbagai fasa pelaksanaan PKP ini, ramai rakyat telah mengalami kehilangan pekerjaan khususnya dalam sektor swasta dan juga bagi mereka yang bekerja sendiri. Kesan yang begitu mendalam yang mengalami kehilangan pekerjaan ini sememangnya ialah bagi penduduk kampung di luar bandar yang hanya menjalani kehidupan berpandukan dengan satu pekerjaan biasa seperti golongan petani, penternak, penjaja dan sebagainya. Oleh itu, rakyat menginginkan suatu program bagi meningkatkan kemahiran seperti program keusahawanan desa bagi semua penduduk kampung untuk menjana sumber pendapatan dan melahirkan lebih ramai usahawan desa yang berdaya saing.



Di samping memberi bantuan insentif dan subsidi kepada rakyat yang susah dan yang terkesan teruk oleh pandemik COVID-19 tersebut, pelaksanaan program meningkatkan kemahiran seperti ini dapat membantu dan mengembalikan semangat rakyat untuk menjadi lebih berdikari dan berupaya untuk memajukan diri dan komuniti secara inklusif.

Selain itu, rakyat juga menghendaki agar ramai anak-anak tempatan Sabah yang bekerja mahupun diambil bekerja oleh para majikan di pelbagai bidang pekerjaan di Sabah. Contohnya seperti bidang perguruan khususnya iaitu ramai graduan tempatan dari IPTA dan IPTS yang berkecimpung dalam pengajian perguruan dan berniat untuk melaksanakan profesi sebagai guru di negeri Sabah terutama sekali di kawasan pedalaman dan terpencil yang memerlukan khidmat seorang guru di sekolah-sekolah di kawasan tersebut.

HALA TUJU MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

INFRASTRUKTUR AWAM UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT

Dalam mewujudkan pelbagai inisiatif yang menumpu terhadap kelengkapan infrastruktur-infrastruktur awam kepada rakyat, manfaat penggunaan tersebut seharusnya dirasai oleh seluruh lapisan rakyat termasuk golongan OKU dan warga emas. Kesejahteraan golongan OKU dan warga emas juga harus diambil berat dari sudut penyediaan penggunaan harta awam yang dituju khas kepada mereka. Pewujudan lebih banyak seperti taman-taman riadah atau pusat rekreasi awam di seluruh daerah yang dilengkapi dengan pelbagai prasarana dan mesra penggunaan oleh golongan OKU dan seisi keluarga secara amnya. Di samping itu, membina dan menaik taraf infrastruktur awam termasuk sistem pengangkutan awam di bandar-bandar besar seperti Bandaraya Kota Kinabalu, Bandar Sandakan dan Bandar Tawau juga dikehendaki oleh majoriti rakyat agar penyediaan prasarana awam di bandar-bandar besar ini adalah maju dan kondusif yang akan dirasai oleh rakyat.

Selain itu, dalam mempergiatkan semangat sukan di kalangan rakyat, pewujudan lebih banyak Kompleks Sukan di seluruh daerah adalah perlu dalam memartabatkan bidang sukan di negeri Sabah dan melahirkan lebih ramai atlet Sabah yang hebat dan berprestij di kalangan rakyat termasuk atlet-atlet dari golongan OKU. Di samping itu, bagi memajukan ekonomi tempatan yang merangkumi pewujudan lebih ramai peluang pekerjaan dan pembukaan perniagaan baharu sesama daerah, maka tindakan pengenalphastian dan penaiktarafan pekan-pekan yang berpotensi menjadi sebuah bandar penuh dan juga termasuk daerah-daerah kecil yang berpotensi untuk dinaik taraf menjadi sebuah daerah penuh yang akan memberi manfaat dan membuka peluang besar kepada semua penduduk di kawasan-kawasan tersebut. Manakala bagi memperkuuhkan bidang pendidikan di negeri Sabah, pewujudan sebuah universiti penuh baharu bertaraf IPTA dan IPTS di bahagian Pantai Timur Sabah seperti Tawau, Lahad Datu atau Semporna yang akan memudahkan para pelajar lepasan SPM di kawasan tersebut untuk melanjutkan pengajian mereka dalam bidang diploma dan ijazah.



STRATEGI MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT



Menganjurkan kursus berkemahiran / TVET untuk meningkatkan kebolehpasaran sejajar dengan Revolusi Industri 4.0

Menjalinkan kolaborasi dalam latihan kemahiran dengan pihak industri

Memupuk budaya rakyat berinovasi


Membudayakan masyarakat prihatin dan bertanggungjawab

Membina rumah kediaman dan penyediaan rumah mampu milik dengan menggunakan teknologi terkini pasang siap / IBS secara bersasar

Membina perumahan untuk penjawat awam

Menambah baik infrastruktur awam dan mewujudkan ekosistem taraf kehidupan yang selesa

PEMETAAN TUMPUAN BERDASARKAN KEPADA NOD, HOTSPOT DAN LOKASI INISIATIF FOKUS SEMASA MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT



KEBERHASILAN MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT



INISIATIF FOKUS SEMASA MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT



MEMPERKASAKAN KURSUS DAN MEMBERIKAN BIASWA KEMAHIRAN TVET



MEMBANGUNKAN KAPASITI BERDASARKAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0 (*INTERNET OF THING*)



MEWUJUDKAN PROGRAM FELO SABAH MAJU JAYA DI KEMENTERIAN DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN



MEMBERIKAN BANTUAN PELAJARAN BERSASAR BANTUAN TUNAI PENDAFTARAN IPT (BUDI), BANTUAN KHAS TUNAI PEPERIKSAAN (BAKTI) & BANTUAN IKHSAN KOMPUTER (BAIK)

MEMBERIKAN BANTUAN BERSASAR KEPADA GOLONGAN RENTAN



MEMBANGUNKAN PERUMAHAN UNTUK GOLONGAN B40



PERUMAHAN UNTUK PENJAWAT AWAM





**HALA
TUJU**
JARINGAN
INFRASTRUKTUR DAN
KELESTARIAN HIJAU

HALA TUJU JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU

JALAN RAYA

Untuk meningkatkan kualiti jalan raya di seluruh negeri, inisiatif kerajaan adalah meningkatkan panjang jalan raya berturap sehingga 60%, iaitu bersamaan 14,022.57km menjelang tahun 2025. Inisiatif ini akan diperkuatkan juga dengan Penstrukturran Dasar Jalan Kampung. Peningkatan ini akan dicapai melalui Projek Lebuh Raya Pan-Borneo Negeri Sabah sepanjang 1,236km dan projek-projek pembinaan jalan raya dalam dan luar bandar termasuk pembinaan jalan kampung di seluruh negeri.


BEKALAN AIR BERSIH

Inisiatif kerajaan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran bekalan air bersih adalah dengan pembinaan 22 buah LRA sepanjang tempoh 2021-2025. Pembinaan 22 buah LRA ini akan dapat meningkatkan kapasiti pengeluaran sebanyak 335 JLH atas keupayaan sedia ada. Dengan ini, keupayaan pengeluaran keseluruhan akan meningkat kepada 1,825 JLH iaitu bersamaan dengan peningkatan 22% menjelang tahun 2025. Projek pembinaan 22 buah LRA ini akan melibatkan daerah Tawau, Lahad Datu, Kota Kinabalu, Kundasang, Kota Marudu, Sandakan, Papar dan Semporna. Selain itu inisiatif ini juga akan dimantapkan lagi dengan Program Komuniti Bekalan Air Bersih, di mana program ini terdiri kepada pewujudan Loji Mini Rawatan Air dan Tangki Penyimpanan Untuk Penduduk Setempat meliputi 22% kawasan luar bandar yang belum mendapat bekalan air bersih.

JALUR LEBAR

Untuk meningkatkan liputan rangkaian internet di negeri Sabah, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan penyedia perkhidmatan swasta untuk melaksanakan beberapa inisiatif di bawah pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang akan berjalan pada tahun 2021-2025. Di bawah inisiatif ini, projek-projek yang dirancang melibatkan pembinaan 425 buah menara komunikasi baru, penaiktarafan 2,202 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada dari 3G kepada 4G, dan penyediaan capaian gentian optik di 190,115 premis.

Selain inisiatif JENDELA yang berkolaborasi dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kerajaan Negeri juga berkolaborasi dengan kementerian / jabatan / agensi penyedia perkhidmatan jalur lebar untuk memperbanyak lagi pembinaan menara telekomunikasi bagi meningkatkan capaian internet di kawasan luar bandar. Peralihan kepada teknologi 5G akan dilaksanakan secara berperingkat. Penyempurnaan inisiatif ini menyasarkan liputan rangkaian internet kawasan berpenduduk di negeri Sabah meningkat kepada 100%.



Inisiatif ini akan disokong dengan projek penaiktarafan jalur lebar agensi Kerajaan Negeri kepada sekurang-kurangnya 30Mbps dan 100Mbps bergantung kepada lokasi pemasangan, jumlah bilangan pengguna dan kos pemasangan.

Pemantapan infrastruktur jaringan internet ini menyokong Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam dan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL). Semua pelan ini juga meliputi negeri Sabah.

HALA TUJU JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU

PEMBUDAYAAN EKONOMI HIJAU DAN AKSES KESAMARATAAN

Pembudayaan kelestarian ekonomi dan sosial mampu meningkatkan status sosioekonomi negeri Sabah secara holistik. Elemen konsep hijau dan kelulusan Pelan Pembangunan melalui aplikasi teknologi hijau dalam sektor utama pertumbuhan negeri mampu meningkatkan efisiensi pembangunan negeri Sabah. Konsep Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Hijau akan diperbanyakkan di negeri Sabah bagi tujuan menerapkan konsep pembangunan mampan serta membudayakan *Green Culture* di semua daerah negeri Sabah. Usaha untuk mengasingkan sisa makanan juga merupakan salah satu usaha untuk mengurus cara pembuangan sampah agar ia tidak mencemari alam sekitar dan pengurusan sampah adalah terkawal.

Selain daripada itu, bagi memastikan akses kesamarataan kepada semua tanpa mengira gender, kaum dan lokaliti, Kerajaan Negeri telah melaksanakan bantuan secara bersasar kepada golongan yang terpinggir. Terdapat satu Dasar Polisi Setinggan seluruh Sabah akan diwujudkan untuk mewarta kampung baharu supaya rakyat tempatan yang tinggal di kawasan tersebut akan mendapat infrastruktur asas daripada Kerajaan Negeri.

Ini akan memastikan seluruh rakyat Sabah mendapat akses kepada infrastruktur asas dari segi bekalan air bersih, elektrik dan akses jalan raya. Apabila keperluan asas ini dapat ditangani, separuh daripada masalah kesihatan dan kesejahteraan penduduk tempatan dapat ditangani. Manakala selebihnya iaitu aksesabiliti dari segi mendapat pendidikan yang berkualiti, rawatan kesihatan dan perubatan berkualiti, peluang pekerjaan dan akses kepada jalur lebar akan mengimbangkan semula landskap sosioekonomi negeri.

Bagi golongan ibu tunggal B40 khususnya, mereka juga mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri hasil dari kolaborasi bersama badan bukan kerajaan (NGOs) untuk membantu dan membimbing mereka menjadi usahawan yang berdikari dan berjaya. Kaedah baharu seperti *Rent to Own Property* juga akan diperkenalkan untuk membantu rakyat Sabah memiliki rumah sendiri. Usaha ini merupakan kolaborasi Kerajaan Negeri bersama pemaju dengan kaedah pemberian subsidi kepada golongan B40 untuk memastikan mereka tidak tercicir dari inisiatif pemilikan hartaanah.

Dengan adanya akses kesamarataan peluang, penekanan terhadap hak asasi peribadi dan kebebasan memilih oleh seseorang individu akan meningkatkan pembangunan sosial negeri. Pada masa yang sama, masyarakat yang bertoleransi dan inklusif akan membantu negeri Sabah maju ke hadapan.

STRATEGI JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU



Membina dan menambah baik jalinan infrastruktur asas darat, laut, sungai dan infrastruktur komunikasi

Segmentasi bekalan air bersih (manusia) dan tidak terawat (industri, perladangan dan sebagainya)


Meningkatkan infrastruktur digital perkhidmatan awam

Memperkasa konsep ekonomi hijau dan kelestarian alam sekitar dalam setiap pembangunan

Meningkatkan akses dan kesamarataan kemudahan jaringan infrastruktur kepada daerah dan kampung

Merangka skim bantuan bersasar kepada golongan rentan

PEMETAAN TUMPUAN BERDASARKAN NOD, HOT SPOTS DAN LOKASI INISIATIF FOKUS SEMASA JARINGAN INFRASTRUKTUR



Meningkatkan Jaringan Lebuhraya: Pembinaan jaringan pembangunan lebuhraya Pan Borneo.

Bekalan Air:
Meningkatkan kapasiti pengeluaran bekalan air kepada 1,825 Juta Liter sehari melalui pembinaan 22 buah Loji Rawatan Air menjelang tahun 2025.


Jaringan Infrastruktur (Capaian Liputan):
Mencapai 100% liputan internet di kawasan berpenduduk dan 5G di kawasan bandar utama secara berperingkat.

Dasar Jalan Kampung:
Jaringan jalan kampung bagi kampung yang belum ada jalan perhubungan.

Bekalan Air Komuniti:
Program Komuniti Bekalan Air Bersih untuk 142,941 buah rumah di kawasan luar bandar.

Liputan Tenaga di Luar Bandar:
Liputan tenaga elektrik di kawasan luar bandar (617 kampung yang belum mendapat bekalan elektrik).

INFRASTRUKTUR KERAJAAN DIGITAL



JARINGAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI (CAPAIAN LIPUTAN INTERNET)



INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI

Penambahan sebanyak 382 menara komunikasi baharu

924 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada akan dinaik taraf di bawah program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS)

35 menara baharu dan 1,048 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada akan dinaik taraf secara komersial oleh penyedia perkhidmatan bagi meningkatkan liputan 4G

251,166 premis akan disediakan dengan capaian kepada gentian optik

KEBERHASILAN JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU

MENINGKATKAN JALAN KAMPUNG

83 kampung mendapat jalan kampung

MENINGKATKAN BEKALAN AIR BERSIH

142,941 rumah mendapat bekalan air bersih

MENINGKATKAN BEKALAN ELEKTRIK

617 kampung mendapat bekalan elektrik

MENINGKATKAN LIPUTAN INTERNET

100% rangkaian internet di seluruh Sabah (5G di bandar, 4G di luar bandar dan 3G di kawasan pedalaman)

MEMBINA BANDAR BARU SERUDONG

Satu bandar baru dibina dan membuka peluang pekerjaan

MENAMBAH KELUASAN TERRESTRIAL PROTECTED AREAS

100,000 hektar keluasan Terrestrial Protected Areas

MENAMBAH KELUASAN PERLINDUNGAN MARIN

Peningkatan 13% keluasan perlindungan marin

SISTEM PEMBINAAN BERINDUSTRI (IBS)

Pelaksanaan sepenuhnya Sistem Pembinaan Berindustri (IBS) untuk menurunkan kos pembinaan rumah mampu milik

INISIATIF FOKUS SEMASA JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU



MENINGKATKAN / MENAIK TARAF / MEMBINA JALAN KAMPUNG



MEMBANGUNKAN BANDAR SEMPADAN
SINDUMIN (SABAH)-MERAPOK (SARAWAK) & SERUDONG, MALAYSIA-SIMANGGARIS, INDONESIA



MEMPERLUAS LIPUTAN BEKALAN AIR BERSIH & ELEKTRIK



MENINGKATKAN PEWARTAAN KELUASAN
TOTALLY PROTECTED AREAS



MENINGKATKAN KADAR PENEMBUSAN INTERNET



MELESTARIKAN PERLINDUNGAN ALAM MELALUI PROJEK *HEART OF BORNEO*



MENGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI HIJAU



MEMPERCEPATKAN PELAKSANAAN PROJEK LEBUH RAYA PAN-BORNEO MELALUI KAEDAH PFI



MENJADIKAN LAPANGAN TERBANG SANDAKAN, TAWAU & LAHD DATU BERSTATUS LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA



MENUBUHKAN SURUHANJAYA TENAGA NEGERI SABAH



MENUBUHKAN PIHAK BERKUASA DIGITAL NEGERI SABAH

P
HALA
TUJU
PEMBOLEH DAYA

HALA TUJU KERAJAAN DIGITAL

KONSEP KERAJAAN DIGITAL

Sejarah penggunaan teknologi berdasarkan komputer dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sabah sudah bermula secara aktif sejak tahun 1997, di mana satu pekeliling telah dikeluarkan untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan internet. Permulaan ini telah mencetuskan beberapa siri pembangunan laman-laman web dan aplikasi-aplikasi generik Kerajaan Negeri. Sejak itu, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha melengkapi dan bertindak balas terhadap keperluan teknologi yang sedang berlaku di persekitaran semasa.

Meneruskan momentum yang sama, pada tahun 2020 kerajaan telah memulakan inisiatif pendigitalan berlandaskan prinsip 5A, yang membawa maksud “**Accessible by Anyone at Anytime, Anywhere by Any Mobile Device**”. Konsep ini menekankan kepentingan penyampaian perkhidmatan atas talian yang sentiasa boleh diakses oleh sesiapa sahaja yang memerlukannya. Ia juga menekankan aspek rakyat boleh mendapatkan perkhidmatan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja tanpa batasan kedudukan geografi. Lebih mantap lagi semua perkhidmatan tersebut dibangunkan lengkap dengan kebolehan *multi-platform*, iaitu dapat digunakan di semua platform sama ada komputer peribadi (*personal computer, laptop*), peranti mudah alih (*tablet*) mahupun telefon pintar. Inilah konsep Kerajaan Digital yang akan direalisasikan pada tahun 2025 nanti seiring dengan perkembangan Hala Tuju Sabah Maju Jaya.

PUSAT KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN AWAM

Pusat Kecemerlangan Perkhidmatan Awam merupakan matlamat utama pembangunan Kerajaan Digital. Pusat ini merupakan tempat pemasatan data, pemasatan personel dan perkakasan dari pelbagai sumber (Kementerian / Jabatan / Agensi) yang saling berhubung kait ke bawah satu pentadbiran. Dengan ini setiap data atau informasi yang ditadbir oleh semua kementerian / jabatan / agensi menjadi lebih seragam, terkini dan konsisten, serta mudah dipaparkan.

Sehubungan itu ia juga akan mampu merapatkan jurang antara pengurusan tertinggi, pengurusan pertengahan, pengurusan bawahan dan pelaksana. Ini akan memberi manfaat dalam keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan, di mana setiap keputusan yang dibuat di peringkat tertinggi akan mudah disampaikan kepada setiap peringkat yang lebih rendah sehingga ke peringkat pelaksana. Manfaat yang sama juga akan terzahir dalam aspek pelaporan, di mana setiap laporan perkembangan status suatu tindakan di peringkat pelaksana akan dapat disampaikan ke peringkat atasan dengan lebih berkesan.


INISIATIF KERAJAAN DIGITAL

Kualiti yang diberi penekanan utama dalam hala tuju kerajaan digital ialah kepuasan pemegang taruh (*stakeholders*) yang terdiri daripada orang awam dan pemain industri perniagaan. Pemegang taruh akan berpuas hati sekiranya kerajaan dapat memberikan perkhidmatan dengan cepat, cekap, kurang birokrasi dan fleksibel. Kualiti inilah yang dijanjikan Kerajaan Negeri dalam pembangunan kerajaan digital.

Untuk memastikan jentera kerajaan digital diuruskan dengan baik, pegawai-pegawai yang ditugaskan mestilah mempunyai kemahiran serta literasi yang relevan dengan keperluan dan tuntutan fungsi kerajaan digital. Dalam konteks ini, kerajaan akan memastikan semua pegawai Kerajaan Negeri mendapat latihan dan pendedahan dalam bidang analisis dan interpretasi data yang mencukupi. Langkah ini akan menjamin keberkesanan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dalam memenuhi tugas-tugas tunjang kerajaan digital.

Seterusnya, berpandukan prinsip 5A, transformasi pendigitalan akan dilaksanakan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan untuk meningkatkan kecekapan melalui adaptasi teknologi internet dalam semua perkara (*Internet of Things, IoT*). Melalui transformasi ini, seluruh proses kerja, pangkalan data, akses maklumat dan sistem pelaporan kerajaan diautomasikan kepada sistem digital di sepanjang rantaian penyampaian (*End-to-End*). Dengan ini setiap transaksi perkhidmatan dari peringkat permohonan, pemprosesan, kuiri, keputusan dan kelulusan akan dilakukan secara digital.

PELAN STRATEGIK KERAJAAN DIGITAL



KERAJAAN DIGITAL (TRANSFORMASI DIGITAL)



PENTADBIRAN
PERKHIDMATAN AWAM
NEGERI SABAH

Pentadbiran awam yang berinovasi

Pentadbiran awam dengan kapasiti yang mencukupi dan budaya penciptaan

Pentadbiran awam yang mengoptimumkan data analisis

KERAJAAN DIGITAL (INOVASI DIGITAL)

Accessible by Anyone at Anytime, AnyWhere by Any Mobile Device



FASA I – AUTOMASI DIGITAL

FASA II – TRANSFORMASI DIGITAL

FASA III – INOVASI DIGITAL

KERAJAAN DIGITAL (PETUNJUK PRESTASI UTAMA)

KECERDASAN ARTIFISIAL

Kementerian mengadaptasikan teknologi Kecerdasan Artifisial (AI) dalam penyampaian perkhidmatan

Peningkatan projek analisis data yang berimpak tinggi

Medan data teras dalam format yang boleh dibaca dan dihantar melalui pemuka pengaturcaraan aplikasi (API)

Pemendekan masa untuk menyatukan data daripada pelbagai agensi

Penggunaan storan pengkomputeran awan merentas sektor awam

PENDIGITALAN SEGENAP PENJURU PERKHIDMATAN

Menyediakan pilihan e-bayaran dalam transaksi keluar dan masuk

Tersedia dengan data yang telah disahkan kerajaan

Menyediakan pilihan tandatangan digital

PROJEK TRANSFORMASI DIGITAL

Bilangan projek transformasi digital dibangunkan untuk menyampaikan perkhidmatan

HALA TUJU KERAJAAN DIGITAL

TRANSAKSI DIGITAL SEGENAP PENJURU

Transaksi disempurnakan secara digital (*end to end*)

Penerimaan dan pembayaran disempurnakan melalui e-bayaran

Transaksi tanpa tunai

KEUPAYAAN DIGITAL

Pegawai awam dilatih dalam bidang analisis, prediksi dan interpretasi data

Semua pegawai awam mempunyai kemahiran literasi digital

FASA I – AUTOMASI DIGITAL

FASA II – DIGITAL TRANSFORMASI

FASA III – DIGITAL INOVASI

KERAJAAN DIGITAL

PLATFORM INTEGRASI SABAH GOVERNMENT ENTERPRISE (SGE)



PENANDA ARAS PENDIGITALAN GLOBAL



BANDAR PINTAR



KRITERIA DAN KONSEP BANDAR PINTAR

KERAJAAN PINTAR (KONSEP 5A)

- Platform *Sabah Government Enterprise* (Gerbang SMJ).
- Penggunaan storan pengkomputeran awan merentas sektor awam.
- Integrasi data merentasi kementerian/jabatan dan agensi.
- Operational Dashboard*.
- Pembangunan projek transformasi digital (G2G, G2B, G2C).
- Transaksi disempurnakan secara digital (*end to end*).
- Penerimaan dan pembayaran disempurnakan melalui e-bayar.
- Pegawai awam dilatih dalam bidang prediktif analitik dan interpretasi data.
- Semua pegawai awam mempunyai kemahiran literasi digital.
- Kementerian mengadaptasikan teknologi Kecerdasan Artifisial (AI) dalam penyampaian perkhidmatan.
- Menyediakan pilihan tandatangan digital.
- Portal E-Kerajaan yang bersepadu.
- Big Data (Data Raya)*.
- Inovasi digital*.
- Internet yang stabil dan berkelajuan tinggi.



INTEGRASI DATA / PEMUSATAN DATA

- Pengkomputeran awan.
- Integrasi data utiliti awam, data keselamatan, data keluar masuk di KKIA (imigresen).
- Data/statistik penginapan di hotel.
- Data yang dijana daripada Smart CCTV (analisis *behavior, tendency etc*).
- Keupayaan menjalankan prediktif analitik terhadap data-data yang diintegrasikan.

KEHIDUPAN PINTAR

- Kesalinghubungan: Internet WIFI berkelajuan tinggi di kawasan liputan bandar pintar.
- Kemudahan WIFI Percuma berkelajuan tinggi.
- Smart CCTV yang saling berhubungan antara satu sama lain.
- Sistem keselamatan perbandaran bebas jenayah.

SISTEM PERHUBUNGAN PINTAR

- Sistem pengangkutan awam bersepadu.
- Penggalakan pengangkutan rendah karbon (bas, basikal pejalan kaki).
- Pengurusan lalu lintas yang cekap.
- Se semua data/visual dihubungkan dengan Pusat Arahan.

MASYARAKAT PINTAR

- Memperkasakan komuniti literasi digital.
- Modal insan kemahiran digital yang tinggi.
- Budaya inovasi digital (komuniti/peniaga).
- Cashless society*.
- Komuniti mentaliti kelas pertama.
- Digital behavior*.

PERSEKITARAN PINTAR

- Perkhidmatan pengurusan sisa buangan dan sistem pembetungan menuju bandar bebas sampah.
- Galakan teknologi hijau dan bangunan hijau untuk bandar rendah karbon dan gaya hidup hijau.
- Perancangan pembangunan (DP) dilengkapi dengan infrastruktur fiber optik.
- Peniaga yang mengaplikasikan digital dalam perniagaan.

EKONOMI PINTAR

- Transaksi tanpa tunai.
- Penggunaan ICT dalam ekonomi (ekonomi digital).
- Gig Economy/Sharing Economy*.
- Zon khas pusat perniagaan digital dan pusat kemahiran / pameran berkaitan IR4.0.
- Merangsang circular economy*.
- Logistik Sokongan *E-Dagang*.

PUSAT ARAHAN (COMMAND CENTER) BANDAR PINTAR SABAH MAJU JAYA

- Operational Dashboard*.
- Pusat komunikasi, kordinasi, informasi, analisis, pemantauan dan pengesanan.
- Sistem bersepadu yang mengendalikan dan mengurus operasi pelbagai perkhidmatan bandar secara masa nyata (*real time*).
- Prediktif analitik dan tindakan susulan.

HALA TUJU EKONOMI DIGITAL

Gig Economy/
Sharing Economy

Zon khas pusat perniagaan
digital dan pusat
kemahiran/pameran
berkaitan IR4.0

Transaksi tanpa tunai

Logistik Sokongan
E-Dagang

Kerangka percuaian dan
kerjasama/perniagaan
berunsurkan *digital
economy*

Keperluan infrastruktur fiber
optik dalam Perancangan
Pembangunan (DP)



Pewujudan Bandar Pintar

Perkongsian akses dan
penggunaan data raya dan
integrasi data merentasi
sektor awam dan sektor
ekonomi

Meningkatkan adaptasi IR4.0
dan IOT dalam semua sektor
perniagaan (pertanian,
perindustrian, pelancongan dan
perkhidmatan)

Konsep digital *end-to-end*
dalam sektor perkhidmatan

Regulatori infrastruktur
dan persekitaran digital

Pembudayaan inovasi digital

STRATEGI PEMBOLEH DAYA

Pakej Bantuan/Perangsang Ekonomi

Hasil baharu dan sistem percuakan

Peningkatan pulangan dividen pelaburan

Perbelanjaan Pembangunan Bersasar

Sinergi Pembiayaan atau Pinjaman untuk golongan sasar PKS, mikro & kotej

Bajet CSR (*Social Enterprise / Entrepreneur*)

Perkongsian data

**KEMAMPANAN
FISKAL**

**KEMUDAHAN
KEWANGAN**

STRATEGI PEMBOLEH DAYA



STRATEGI PEMBOLEH DAYA

Meningkatkan kapasiti digital anggota perkhidmatan awam merentasi jawatan dan skim jawatan menjadi pakar dan profesional ICT

Mewujudkan polisi pemacuan data dan perkongsian data

Mewujudkan Platform Ekonomi Digital / SMJ Gateway

Membangunkan sistem G2G, G2B, G2C & G2E

Manfaatkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA),
Pelan Kerajaan Digital dan MyDIGITAL

Mewujudkan kepakaran dalaman untuk mengenal pasti dan
meningkatkan penggunaan digital

Tandatangan digital untuk mempercepatkan
penyampaian perkhidmatan


Bandar Pintar Sabah Maju Jaya

Program digital merentasi kementerian, jabatan negeri dan
persekutuan melalui penggunaan perkomputeran awan

KERAJAAN DIGITAL
BERTERASKAN
TEKNOLOGI DAN
INOVASI



BAHAGIAN 3
BELANJAWAN
SABAH MAJU JAYA
2021



BELANJAWAN 2021

SABAH MAJU JAYA

Kerajaan Negeri telah meluluskan siling peruntukan pembangunan sejumlah RM4,217.56 juta bagi membiayai 764 projek pembangunan dalam RMK-12 (2021-2025). 524 projek adalah projek baharu manakala 182 projek adalah projek sambungan. Bajet SMJ 2021 adalah bajet *surplus* RM178.70 juta yang meliputi RM4,481.96 juta (hasil), manakala sejumlah RM4,303.26 juta (perbelanjaan). Bajet Pembangunan Tahun 2021 adalah RM964.15 juta untuk membiayai 764 inisiatif / projek pembangunan.

BAJET NEGERI SABAH 2021

TEMA
BELANJAWAN
2021
SABAH MAJU JAYA

RAKYAT SEJAHTERA, EKONOMI MAMPAH



PENDAPATAN
RM4,481.96 JUTA



PERBELANJAAN
RM4,303.26 JUTA



SURPLUS
RM178.70 JUTA

BELANJAWAN
2021
SABAH MAJU JAYA

AGIHAN BAJET



JABATAN KETAU MENTERI

PERBEKALAN: RM471.68 JUTA
PEMBANGUNAN: RM169.64 JUTA
JUMLAH: RM641.32 JUTA



KEMENTERIAN KEWANGAN

PERBEKALAN: RM1,747.50 JUTA
PEMBANGUNAN: RM5.80 JUTA
JUMLAH: RM1,753.3 JUTA



KEMENTERIAN KERJA RAYA

PERBEKALAN: RM762.00 JUTA
PEMBANGUNAN: RM233.69 JUTA
JUMLAH: RM995.69 JUTA



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERIKANAN

PERBEKALAN: RM324.59 JUTA
PEMBANGUNAN: RM102.49 JUTA
JUMLAH: RM427.08 JUTA



KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PERBEKALAN: RM207.65 JUTA
PEMBANGUNAN: RM9.12 JUTA
JUMLAH: RM216.77 JUTA



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

PERBEKALAN: RM122.14 JUTA
PEMBANGUNAN: RM10.33 JUTA
JUMLAH: RM132.47 JUTA



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

PERBEKALAN: RM99.95 JUTA
PEMBANGUNAN: RM125.50 JUTA
JUMLAH: RM225.45 JUTA



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

PERBEKALAN: RM91.60 JUTA
PEMBANGUNAN: RM15.10 JUTA
JUMLAH: RM106.70 JUTA



KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

PERBEKALAN: RM120.56 JUTA
PEMBANGUNAN: RM11.85 JUTA
JUMLAH: RM132.41 JUTA



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN

PERBEKALAN: RM16.79 JUTA
PEMBANGUNAN: RM32.56 JUTA
JUMLAH: RM49.35 JUTA

BAJET NEGERI SABAH 2021

PEMBANGUNAN SEKTOR-SEKTOR PERTUMBUHAN

SEKTOR
PERTANIAN

RM560.39 JUTA

SEKTOR
PERINDUSTRIAN

RM142.85 JUTA

SEKTOR
PELANCONGAN

RM227.97 JUTA

MODAL INSAN DAN
KESEJAHTERAAN RAKYAT

RM949.83 JUTA

JARINGAN INFRASTRUKTUR
DAN KELESTARIAN HIJAU

RM1,579.33 JUTA

PERBELANJAAN KHAS COVID-19

RM1,963.76 JUTA //



PERUNTUKAN BERKAITAN MENANGANI PANDEMIK
COVID-19 & PASCA COVID-19

RM1,963.76 JUTA

BANTUAN SABAH PRIHATIN

Bantuan Sabah Prihatin merupakan bantuan tunai yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada penduduk rakyat Sabah yang terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan pandemik COVID-19. Bantuan Sabah Prihatin terdiri daripada dua (2) fasa iaitu Bantuan Sabah Prihatin 1.0 dan Bantuan Sabah Prihatin 2.0. Bantuan-bantuan tersebut dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat, Kementerian Pertanian dan Perikanan, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

BANTUAN SABAH PRIHATIN 1.0

Jumlah Bantuan Sabah Prihatin 1.0 ialah RM98,398,300 yang memberi manfaat kepada 324,661 penerima termasuk pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Seterusnya, Bantuan Sabah Prihatin 1.0 (Tambah) turut diberikan bernilai RM12,799,100 kepada 25,072 penerima.

BANTUAN SABAH PRIHATIN 2.0

Bantuan Sabah Prihatin 2.0 bernilai RM97,000,200 diberikan kepada 323,334 penerima. Bantuan ini terdiri daripada bantuan am, anak yatim, orang tua, kanak-kanak, orang kurang upaya, ibu tunggal, petani, nelayan, pekebun sawit, pekebun kecil, penternak, pemandu pelancong, malim gunung, porter, penggiat seni, *divemasters*, miskin tegar, B40, e-kasih, pemandu teksi, pemandu bas, pemandu lori, pengajar di Institut Memandu Sabah dan pemandu bot.

Bantuan Sabah Prihatin 2.0 (Tambah) bernilai RM23,295,456 diberikan kepada 43,252 penerima yang terdiri daripada golongan B40, syarikat pelancongan, pengusaha hotel dan penginapan, veteran Angkatan Tentera Malaysia, usahawan mikro dan kotaj, penjaja, anggota penguatkuasa dan kesihatan persekitaran, pekebun kecil, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan penerima Program Dapur Belia.

BANTUAN SABAH PRIHATIN 2.0



RM18,729,600 (62,432 PENERIMA)

Bantuan am, anak yatim, orang tua, kanak-kanak, orang kurang upaya, ibu tunggal



RM29,819,700 (99,399 PENERIMA)

Petani, nelayan, pekebun sawit, pekebun kecil, penternak



RM922,500 (3,075 PENERIMA)

Pemandu pelancong, malim gunung, porter, penggiat seni, *divemasters*



RM40,624,800 (135,416 PENERIMA)

Miskin tegar, B40, e-kasih



RM1,352,400 (4,508 PENERIMA)

Pemandu teksi, pemandu bas, pemandu lori, pengajar di Institut Memandu Sabah dan pemandu bot



RM4,773,300 (15,911 PENERIMA)

Penjaja



RM777,900 (2,593 PENERIMA)

Penjaja

AGIHAN BELANJAWAN MENGIKUT SEKTOR DAN INISIATIF 2021

S

S: SEKTOR UTAMA (PERTANIAN, PERINDUSTRIAN & PELANCONGAN)

RM931.21 JUTA //



SEKTOR
PERTANIAN

RM560.39 JUTA



SEKTOR
PERINDUSTRIAN

RM142.85 JUTA



SEKTOR
PELANCONGAN

RM227.97 JUTA

M

M: MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT



MODAL INSAN DAN
KESEJAHTERAAN RAKYAT

RM949.83 JUTA

J

J: JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU

RM1,579.33 JUTA



**JARINGAN
INFRASTRUKTUR**

RM1,390.76 JUTA

KELESTARIAN HIJAU

RM188.57 JUTA

SEKTOR PERTANIAN

JABATAN PERTANIAN
SABAH
RM113.15 JUTA

JABATAN PERIKANAN
SABAH
RM35.60 JUTA

JABATAN
PERKHIDMATAN
VETERINAR SABAH
RM71.03 JUTA

JABATAN PENGAIRAN
DAN SALIRAN
RM115.53 JUTA

RM560.39 JUTA //

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN PERIKANAN

RM72.35 JUTA



KORPERASI
PEMBANGUNAN DESA
RM18.57 JUTA

KO-NELAYAN
RM22.3 JUTA

LEMBAGA INDUSTRI
GETAH SABAH
RM15.20 JUTA

AGENSI LAIN
(JABATAN PERHUTANAN,
JABATAN TANAH DAN
UKUR, SAFODA DAN SLDB)
RM103.30 JUTA

SEKTOR PERINDUSTRIAN

RM142.85 JUTA //

KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN
RM49.35 JUTA

JABATAN KETUA MENTERI &
KEMENTERIAN KEWANGAN

RM71.50 JUTA



BANTUAN INDUSTRI KECIL
DAN SEDERHANA (BAIKS) (DIDR)
RM10.0 JUTA

Meningkatkan kapasiti pengeluaran,
menambah baik kualiti dan kuantiti,
mempromosikan produk 1,079 usahawan
SME.

USAHAWAN MIKRO & KOTEJ (DIDR)
RM20.0 JUTA

Membantu 20,000
usahawan Mikro & Kotej.

PROGRAM PEMBANGUNAN
KEUSAHAWANAN LUAR BANDAR
(KPLB)

RM2.0 JUTA

Membantu usahawan luar bandar bagi
meningkatkan kemahiran dan kualiti
produk tempatan.

SEKTOR PELANCONGAN

RM227.97 JUTA



**PEMBANGUNAN PELANCONGAN
LUAR BANDAR**

RM17.02 JUTA

NOTA: SEKTOR INI JUGA MEMAINKAN PERANAN DALAM
MEMACU PERTUMBUHAN KELESTARIAN HIJAU

**KEMENTERIAN PELANCONGAN,
KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**

RM130.36 JUTA

JABATAN MUZIUM NEGERI

RM16.55 JUTA

**JABATAN HIDUPAN LIAR,
JABATAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR,
TAMAN-TAMAN SABAH**

RM60.97 JUTA

**LEMBAGA KEBUDAYAAN
NEGERI SABAH**

RM9.5 JUTA

AGENSI-AGENSI LAIN

RM97.60 JUTA

MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

MODAL INSAN

KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI

RM128.40 JUTA

- Pembangunan modal insan berdasarkan Sains, Teknologi, Engineering dan Matematik (STEM).
- Biasiswa TVET (dan kursus berkaitan kemahiran) **RM55 juta**.

JABATAN PEMBANGUNAN
SUMBER MANUSIA

RM28.96 JUTA

- Latihan kemahiran teknologi, teknikal dan perdagangan (**RM22.96 juta**).
- Pakej Rangsangan Ekonomi membantu belia yang telah kehilangan pendapatan akibat Pandemik COVID-19 (**RM6 juta**).

PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH
RM41.38 JUTA

Program gerakan membaca dan penambahan koleksi bacaan, terbitan berkala, e-book dan pembinaan bangunan baharu Perpustakaan Cawangan.

RM429.59 JUTA //



BANTUAN ONE OFF

RM12.0 JUTA

- Bantuan Tunai Pendaftaran IPT (BUDI) **RM2,000** Seorang.
- Bantuan Khas Tunai Peperiksaan (BAKTI) SPM, STPM Dan STAM **RM200** Seorang.

JHEAINS, MUIS,
BAITULMAL

RM120.85 JUTA

Prasarana kemudahan kompleks Islam, masjid, surau, tadika dan sekolah agama serta rumah-rumah anak yatim.

PEMBANGUNAN BADAN-BADAN
KEAGAMAAN, SEKOLAH-SEKOLAH
PERSENDIRIAN BUKAN ISLAM DAN
SEKOLAH-SEKOLAH MUBALIGH

RM43.0 JUTA

BELANJAWAN
2021
SABAH MAJU JAYA

MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

PEMBANGUNAN BANDAR

RM169.32 JUTA



**KEMENTERIAN KERAJAAN
TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

RM135.69 JUTA

Perancangan pengurusan dan
peningkatan kualiti perkhidmatan.

Pemberian kapital untuk 24 PBT
(RM25.5 Juta).

Caruman kepada PBT
(RM36.53 Juta).

**DEWAN BANDARAYA
KOTA KINABALU**

RM33.63 JUTA

Memperkasa pembangunan bandaraya Kota
Kinabalu dan Dewan Bandaraya Kota
Kinabalu.

MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

RM225.45 JUTA

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR**

RM225.45 JUTA

- Meningkatkan kualiti hidup dan pembangunan luar bandar.
- Program membasmi kemiskinan (MESEJ) Sejahtera pertanian dan akuakultur.
- Kemudahan luar bandar, program ekonomi luar bandar, keusahawanan, bekalan air dan elektrik dan Aktiviti Ekonomi Tambahan.



MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

KESEJAHTERAAN DAN KEBAJIKAN RAKYAT

RM132.47 JUTA

**MAJLIS
PERKHIDMATAN
MASYARAKAT**
RM3.2 JUTA

Meningkatkan kerja-kerja sukarela kebajikan dan piaianan kerja sosial.

Bakul makanan kepada golongan rentan dan kurang bernasib baik akibat pandemik COVID-19.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**

RM132.47 JUTA

Program Bantuan Sosial Sekolah – Pengagihan uniform sekolah, kasut dan alat tulis untuk 1,074 Sekolah Rendah bagi golongan isi rumah pendapatan rendah dan miskin.



**JABATAN
PERKHIDMATAN
KEBAJIKAN AM**
RM104.3 JUTA

Bantuan Am OKU, orang tua, ibu tunggal 25,000 penerima (RM60 juta).

Pembinaan kompleks bersepadu OKU dan orang tua sebagai Hab Perniagaan OKU dan pusat jagaan orang tua berbayar (RM8.45 juta).

JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

RM1,390.76 JUTA

KEMENTERIAN KERJA RAYA

RM762.01 JUTA

JABATAN KERJA RAYA

RM292.75 JUTA

JABATAN KERETAPI
NEGERI SABAH

RM81.64 JUTA

JABATAN AIR
NEGERI SABAH

RM529.89 JUTA

JABATAN PERKHIDMATAN
PEMBETUNGAN

RM57.75 JUTA

JABATAN PELABUHAN
DAN DERMAGA

RM21.59 JUTA

KELESTARIAN HIJAU

RM188.57 JUTA

Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, Jabatan Hidupan Liar,
Taman-Taman Sabah dan Agensi Berkaitan



PEMBOLEH DAYA (KEMAMPANAN FISKAL) HASIL

RM4,481.96 JUTA //

CUKAI JUALAN
(PETROLEUM & MINYAK
SAWIT MENTAH)

RM2,220.85 BILLION

HASIL BUKAN CUKAI
(ROYALTY PETROLEUM)

RM1,805.22 JUTA



TERIMAAN BUKAN HASIL

RM455.89 JUTA

PEMBOLEH DAYA (KEMAMPAAN FISKAL)

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

RM964.15 JUTA

**BILANGAN PROJEK
PEMBANGUNAN**

**764 INISIATIF / PROJEK
PEMBANGUNAN**



“Pelaksanaan pengembangan dasar fiskal oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah penting untuk merangsang ekonomi bagi melindungi kesejahteraan hidup rakyat serta merangsang ekonomi yang terjejas akibat pandemik COVID-19.”

**YAB KETUA MENTERI SABAH
18 Disember 2020**

DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN

**MEMBINA, MENAIK TARAF
INFRASTRUKTUR
RM 5.1 BILLION**

Air, Elektrik, Jalan Raya, Kemudahan
Kesihatan dan Pendidikan

PEMBOLEH DAYA (KEMUDAHAN KEWANGAN) WANITA, BELIA DAN SUKAN

RM15.66 JUTA



**YAYASAN USAHA
MAJU**

RM9.80 JUTA

Mikrokredit:
Program
Pembangunan
Wanita.

**JABATAN HAL
EHWAL WANITA**

RM5.86 JUTA

Program meningkatkan
kemahiran ibu tunggal
dan wanita kurang
bernasib baik.

RM106.70 JUTA



**PROGRAM
BELIA DAN
SUKAN**

RM13.84 JUTA


**INFRASTRUKTUR
SUKAN**

RM46.72 JUTA

PEMBOLEH DAYA (KEMUDAHAN KEWANGAN)

PINJAMAN MIKRO KREDIT DAN DANA IKS

RM200.0 JUTA //



**INISIATIF
BERKAITAN
COVID-19**

RM200.0 JUTA

**PEMBOLEH DAYA
(KEBERKESANAN DAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN)**

PELAN TEMPATAN



RM4.0 JUTA //

**PELAN
TEMPATAN**

RM4.0 JUTA

PEMBOLEH DAYA (KEBERKESANAN DAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN) PENJAWAT AWAM

RM8.70 JUTA //

**PENGIKTIRAFAN SUMBANGAN DAN
PERANAN PENTING PERKHIDMATAN
AWAM**



BANTUAN KHAS

RM600 SEORANG

Bantuan khas sebagai insentif untuk meningkatkan penjawat awam supaya lebih bekerja keras dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat.

**PENINGKATAN KERJAYA ANGGOTA
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

762 orang (2020) telah menerima manfaat peningkatan kerjaya.

PEMBOLEH DAYA (KERAJAAN DIGITAL)

PEMBANGUNAN ICT

RM76.94 JUTA //



KEMENTERIAN
SAINS, TEKNOLOGI
DAN INOVASI
RM35.19 JUTA

KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN JABATAN KETUA
MENTERI
RM17.5 JUTA

JABATAN PERKHIDMATAN
KOMPUTER NEGERI
RM24.5 JUTA

Kerajaan Elektronik (e-government), program inovasi dan pembangunan program teknologi maklumat.

DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN
JENDELA
RM2.5 BILLION

2021-2022



INISIATIF SEKTOR PERTANIAN

Berdasarkan Belanjawan 2021 bagi Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 2021-2025, sektor pertanian telah diperuntukkan sebanyak RM560.39 juta. Dari jumlah tersebut, Kementerian Pertanian dan Perikanan diperuntukkan RM72.35 juta, Jabatan Pertanian Sabah diperuntukkan RM113.15 juta, Jabatan Perikanan Sabah diperuntukkan RM35.60 juta, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah diperuntukkan RM71.03 juta, Jabatan Pengairan dan Saliran diperuntukkan RM115.53 juta, Korporasi Pembangunan Desa diperuntukkan RM18.57 juta, KO-Nelayan diperuntukkan RM22.3 juta, Lembaga Industri Getah Sabah diperuntukkan RM15.20 juta dan agensi lain seperti Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Tanah dan Ukur, SAFODA dan SLDB diperuntukkan RM10.30 juta.

PUSAT PENGUMPULAN PRODUK PERTANIAN

Bermula tahun 2021, satu (1) pusat pengumpulan produk pertanian akan dibangunkan bagi mengumpul semua produk-produk pertanian dari para petani di negeri Sabah terutamanya kepada petani berskala kecil dari golongan B40 dengan jumlah anggaran seramai 21,652 petani. Pusat pengumpulan produk pertanian ini akan membantu para petani dan peladang untuk memasarkan dan menjual produk-produk pertanian mereka dalam sebuah kawasan dan akan memanfaatkan hasil pertanian mereka daripada berlakunya pembaziran dan masalah tidak terjual dan sebagainya.



KILANG PEMPROSESAN HASIL PERTANIAN

Bermula tahun 2021, enam (6) kilang pemprosesan hasil tani akan dibangunkan seluas 829.0 ekar di Lingkungan, Beaufort, Binaong, Keningau, Kundasang, Ranau, Damai, Kota Marudu, Kompleks KPD Telupid, Telupid dan Silabukan, Lahad Datu untuk membeli hasil buah-buahan dan sayur-sayuran dari petani tempatan yang memanfaatkan seramai 21,652 petani. Hasil-hasil tani ini kemudian akan diproses untuk menambah nilai, meningkatkan jangka hayat produk dan mengekalkan mutu bagi membolehkan hasil keluaran pertanian tempatan menembusi pasaran antarabangsa. Kilang ini akan dilengkapi dengan fasiliti dan kemudahan seperti pembelian, pengumpulan, penggredan, penyimpanan sejuk, pembungkusan, pengangkutan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang diperlukan oleh para petani.

Kilang pemprosesan ini merupakan usaha sama Kerajaan Negeri dan sektor swasta di mana sektor swasta akan menerima saham berbentuk suntikan dana sebanyak 70% dan Kerajaan Negeri akan mendapat 30%.

MICRO AND COTTAGE INDUSTRIES

Sektor pertanian juga akan memfokuskan dalam memperbanyakkan industri Micro and Cottage berasaskan pertanian khususnya di daerah luar bandar bagi membantu golongan B40 keluar dari garis kemiskinan. Kerajaan Negeri akan melaksanakan inisiatif bagi membantu para pengusaha dalam meningkatkan kualiti produk dengan memberi bantuan peralatan kepada 2,000 pengusaha Micro and Cottage khususnya yang mengeluarkan produk-produk makanan di luar bandar yang berskala kecil. Industri ini mudah untuk dikembangkan kerana pengusaha dapat menjalankan atau memproses produk mereka dari rumah sahaja.

Setakat tahun 2020, seramai 22,727 pengusaha Industri Micro and Cottage dengan anggaran pendapatan RM50,000 setahun di negeri Sabah. Industri Micro and Cottage di negeri Sabah amat berpotensi untuk dibangunkan kerana kaya dengan sumber tanaman dan ternakan. Antara daerah yang perlu dibangunkan dalam industri ini adalah Kudat, Tambunan, Tenom, Papar dan Kundasang.

INISIATIF SEKTOR PERTANIAN

Sebagai contoh, daerah Kudat terkenal dengan pemprosesan minyak kelapa dara. Sumber perikanan juga amat berpotensi untuk dilonjakkan, sebagai contoh pemprosesan ikan menjadi keropok lekor dan pemprosesan mi. Pembangunan industri ini akan membantu para usahawan kecil terutamanya di luar bandar menjana pendapatan yang lebih tinggi dan menambah baik taraf hidup mereka.

RUMAH BURUNG WALIT (RBW)

Bermula tahun 2021, Kerajaan Negeri akan membina 2,400 buah Rumah Burung Walit (RBW) yang menyasarkan 184MT pengeluaran setahun. Aktiviti ini akan memanfaatkan seramai 24,000 peserta yang tergolong dalam golongan B40. Secara kasarnya, sejumlah 12,000 Rumah Burung Walit akan dibina menjelang tahun 2025 dengan pengeluaran 920MT secara keseluruhan.

Pembinaan Rumah Burung Walit (RBW) ini akan dapat membantu golongan B40 untuk keluar dari garis kemiskinan dan seterusnya membantu melonjakkan ekonomi negeri bagi ternakan burung walit yang semakin tinggi permintaan di pasaran antarabangsa. Di samping itu, ternakan burung walit juga boleh dijadikan produk hiliran seperti makanan tambahan, jus minuman, sabun, produk kecantikan dan produk kesihatan.

JAMINAN BEKALAN MAKANAN DAN PENDAPATAN

Pengeluaran beras istimewa padi tanah kering dengan keluasan padi seluas 200ha yang melibatkan 200 bilangan petani dengan purata hasil pengeluaran 1.4MT/ha. Penerapan teknologi bagi meningkatkan hasil padi yang melibatkan keluasan sawah 60ha dengan bilangan pesawah seramai 60 orang dan purata hasil 8MT/ha setahun. Jabatan Perikanan Sabah mempunyai inisiatif baharu untuk meningkatkan pendapatan nelayan setempat dengan peningkatan 20% pendapatan untuk 40 nelayan tradisional setahun.

PENINGKATAN PENGELOUARAN

Pemulihan tanah sawah terbiar dengan keluasan 64ha dan melibatkan 64 orang pesawah dan purata hasil 3.5MT/ha setahun. Insentif meningkatkan produktiviti tanaman industri bagi tanaman getah, kelapa, sawit, koko, kopi, tebu, teh, tembakau dan padi dengan keluasan 1,011ha dan melibatkan 535 petani.

Membangunkan industri pembenihan akuakultur marin di pusat ternakan Trayong Eco Fishing Point KO-Nelayan, Tuaran dengan memberikan latihan kemahiran dan peningkatan pengetahuan di samping membimbing ternakan akuakultur marin pengusaha-pengusaha tersebut sehingga mencapai kualiti terbaik seramai tiga (3) pengusaha baharu dan dua (2) pengusaha sedia ada setahun.



INISIATIF SEKTOR PERTANIAN

Lembaga Industri Getah Sabah akan melaksanakan inisiatif bagi mewujudkan industri hiliran (downstream industry) yang berdasarkan lateks dengan memastikan bahan mentah yang diperlukan industri hiliran adalah mencukupi dan mengadakan kerjasama strategik dengan pihak swasta untuk melabur dalam sektor hiliran (perkilangan) berdasarkan getah dan kayu getah. Sebagai contoh, pihak Lembaga Industri Getah Sabah akan membekalkan bahan mentah yang mencukupi kepada Syarikat Cooldec Latex Industries Sdn. Bhd. di Kota Kinabalu Industrial Park Sepanggar, Kota Kinabalu dan mendakwa usaha sama dengan Syarikat Biomax Rubber Industries Sdn. Bhd. untuk membuka kilang sarung tangan getah di Tuaran.

Di samping itu, kilang milik Lembaga Industri Getah Sabah iaitu Beaufort Specialty Runner (BSR) Factory yang terletak di Kg. Kelabu, Beaufort yang memproses dan menghasilkan lateks akan menambah kapasiti pengeluaran daripada 2,000 tan setahun kepada 4,000 tan setahun dengan pembaharuan mesin sebanyak 11 mesin yang memerlukan penambahan peluang pekerjaan sebanyak 20 orang dan mengambil kos sebanyak RM2.2 juta.

MENGEKALKAN KEMAMPMANAN (KELESTARIAN)

Mewujudkan satu (1) pusat Santuari dan konservasi perikanan marin dengan kemudahan jeti dan 20 unit tukun tiruan khas setahun. Selain itu, pelaksanaan projek pemuliharaan sungai ikan air tawar yang melibatkan 20,000 ekor benih ikan dan meningkatkan 6% pendapatan hasil yuran masuk dan hasil pelancongan setahun. Melaksanakan kempen pemantapan pengurusan dan konservasi spesies akuatik terancam sebanyak lima (5) kali kempen dan menerbitkan 30 manual identifikasi spesies terancam.

PROGRAM MINI ESTET SEJAHTERA (MESEJ) DAN AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN (AET)

Projek Mini Estet Sejahtera (MESEJ) adalah salah satu program atau inisiatif dalam pembasmian kemiskinan dalam kalangan petani-petani kecil. Program ini akan diteruskan dan ditransformasi menjadi aktiviti-aktiviti tanaman komoditi yang boleh memberi hasil pulangan yang tinggi dan cepat. Sebagai contoh, mempergiatkan penanaman durian Musang King, Projek Burung Walit, Penanaman Nenas MD, penanaman sayur-sayuran yang boleh memberi pulang cepat.

Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) adalah program di mana para penoreh atau pekebun getah akan diberikan bibit buah-buahan dan tanaman singkat masa sebagai ekonomi tambahan sementara menunggu penanaman getah tersebut membawa hasil. Aktiviti ini mampu memberikan pendapatan tambahan kepada para pekebun getah tersebut.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan mengambil langkah-langkah proaktif dalam melaksanakan kedua-dua program tersebut secara berterusan yang akan menyasarkan pengeluaran getah sebanyak 139,500 hektar dan melibatkan 46,500 peserta menjelang tahun 2025.



INISIATIF SEKTOR PERTANIAN

Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) adalah program di mana para penoreh atau pekebun getah akan diberikan bibit buah-buahan dan tanaman singkat masa sebagai ekonomi tambahan sementara menunggu penanaman getah tersebut membawa hasil. Aktiviti ini mampu memberikan pendapatan tambahan kepada para pekebun getah tersebut.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan mengambil langkah-langkah proaktif dalam melaksanakan kedua-dua program tersebut secara berterusan yang akan menyasarkan pengeluaran getah sebanyak 139,500 hektar dan melibatkan 46,500 peserta menjelang tahun 2025.

PENERAPAN TEKNOLOGI MODEN

Sektor pertanian negeri akan menerapkan penggunaan teknologi pertanian hijau dan moden dalam semua sub-sektor bagi meningkatkan kualiti pengeluaran dan dapat menepati taraf antarabangsa. Penggunaan teknologi moden ini juga mampu mempelbagaikan tanaman dan peningkatan pengeluaran sayur-sayuran serta buah-buahan berpremium tinggi. Inisiatif tersebut seperti meningkatkan penggunaan teknologi pembiakan dengan menghasilkan 25,000 straw semen baka unggul melibatkan lembu, kerbau dan kambing untuk aktiviti pemanian berhadas. Penggunaan teknologi moden juga akan diperkasakan bagi meningkatkan pengeluaran hasil padi dengan pertambahan keluasan sebanyak 60 hektar yang melibatkan 60 petani yang bakal mengeluarkan peningkatan hasil sebanyak 8MT setahun.

INDUSTRI AKUAKULTUR (POIC)

Negeri Sabah mempunyai pesisiran pantai sepanjang 1,743km antara yang terpanjang di Negara Malaysia. Ini telah memberi peluang kepada POIC Sabah Sdn. Bhd. yang terletak di Lahad Datu untuk mewujudkan industri hiliran melalui kawasan Marine Fishing Area dengan keluasan 3,700 sq.km. Kawasan ini dijadikan sebagai aktiviti akuakultur kepada penduduk setempat dan pelabur akuakultur. Usaha sama ini adalah antara POIC Sabah Sdn. Bhd., Biotech Corporation Malaysia dan Jabatan Perikanan Sabah.





INISIATIF SEKTOR PERINDUSTRIAN

Dalam Belanjawan Negeri Sabah 2021 dengan berdasarkan konsep Sabah Maju Jaya, Sektor Perindustrian telah diberikan peruntukan berjumlah RM142.85 juta. Daripada jumlah ini, RM49.35 juta diperuntukkan kepada KPP termasuk Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan (DIDR) untuk melaksanakan program pembangunan infrastruktur perindustrian, keusahawanan, promosi pelaburan dan usaha-usaha untuk meningkatkan daya saing industry dengan memanfaatkan kemajuan Revolusi Perindustrian (IR) 4.0.

Selain itu, sebanyak RM10.0 juta juga telah diperuntukkan kepada DIDR untuk program Bantuan Industri Kecil dan Sederhana (BAIKS). Insentif ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran, peningkatan kualiti dan kuantiti, promosi produk yang akan memberikan manfaat kepada 1,079 usahawan. Di samping itu bagi membantu usahawan IKS yang terjejas dengan pandemik COVID-19, sebanyak RM20.0 juta telah diperuntukkan untuk usahawan Mikro & Kotej yang berpendapatan RM50 ribu ke bawah. Seramai 20,000 usahawan bakal mendapat manfaat daripada bantuan ini.

Seterusnya, kerajaan juga menggerakkan bantuan Program Pembangunan Usahawan Desa demi untuk meningkatkan kemahiran dan kualiti produk tempatan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dengan peruntukan sebanyak RM2.0 juta. Peruntukan selebihnya iaitu sebanyak RM71.50 juta diberikan kepada Kementerian Kewangan sebagai inisiatif Pemboleh Daya.

INDUSTRI PEMBUATAN

Pada tahun 2019, sumbangan Industri Pembuatan telah mengalami kemerosotan daripada RM6.5 billion pada tahun 2018 kepada RM6.47 billion. Keadaan ekonomi yang tidak menentu dan diburukkan lagi dengan penularan pandemic COVID-19 yang belum menunjukkan tanda-tanda untuk berakhir telah memberi kesan kepada ekonomi negeri. Dengan mengambil kira keadaan ekonomi semasa, Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Perindustrian (KPP) telah mengetengahkan strategi untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif yang boleh memberikan impak tinggi kepada Industri Pembuatan secara khususnya dan Sektor Perindustrian amnya.

Dalam perkembangan Industri Pembuatan di negeri Sabah, antara isu yang dikenal pasti menyebabkan kurang rancaknya aktiviti pelaburan dalam sektor ini ialah ketiadaan badan induk yang menguruskan promosi potensi dan peluang pelaburan di negeri Sabah. Oleh itu, kerajaan telah menubuhkan sebuah syarikat milik penuh kerajaan yang dikenali sebagai Sabah Invest di bawah portfolio KPP bagi memperhebatkan lagi promosi potensi-potensi dan peluang-peluang pelaburan yang terdapat di Sabah di samping meneliti dan mempertimbangkan senarai permintaan khas atau *wish list* para pelabur yang memerlukan tindakan kerajaan secara khusus. Penetapan sasaran yang perlu dicapai oleh Invest Sabah akan diselaraskan agar selari dengan agensi-agensi pelaburan di Semenanjung Malaysia, supaya peruntukan yang secukupnya dapat diberikan kepada Invest Sabah untuk menjalankan program-program promosi pelaburan kelak.



INISIATIF SEKTOR PERINDUSTRIAN

Satu lagi isu yang mampu mempengaruhi corak pembangunan Industri Pembuatan di Sabah ialah kekurangan bahan mentah khususnya bio-jisim kelapa sawit sehingga menyukarkan pemprosesan hiliran minyak kelapa sawit mentah (CPO). Dalam inisiatif Sabah Maju Jaya, KPP akan menujuhkan Majlis Penasihat Sawit Sabah yang fokusnya khusus untuk memberi perhatian kepada industri kelapa sawit, terutamanya melibatkan perancangan program pembangunan bagi meningkatkan industri hiliran minyak kelapa sawit. Di bawah inisiatif ini juga, Dasar Bio-Jisim Negeri Sabah dan Dasar Minyak Kelapa Sawit Mentah akan diwujudkan.

Inisiatif Sabah Maju Jaya juga memberi tumpuan kepada pembangunan industri hiliran perkayuan selaras dengan hasil kajian Sabah Forest and Timber Industry Master Plan yang akan disiapkan. Melalui pendekatan ini, pengurusan sumber-sumber bahan mentah dapat diselaraskan dengan keperluan pemain industri hiliran khususnya kilang-kilang perabot dan produk berdasarkan perkayuan.





**INISIATIF
SEKTOR
PELANCONGAN**

INISIATIF SEKTOR PELANCONGAN

Bagi tahun 2021, sejumlah RM227.97 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan sektor pelancongan. RM130.36 juta diagihkan kepada Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar manakala RM16.55 juta diberikan kepada Jabatan Muzium Negeri untuk pelaksanaan inisiatifnya. Seterusnya, Jabatan Hidupan Liar, Jabatan Perlindungan Alam Sekitar dan Taman-Taman Sabah memperoleh RM60.97 juta manakala RM9.5 juta diberikan kepada Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah. Selain itu, agensi-agensi lain yang turut memainkan peranan penting dalam membangunkan sektor pelancongan diperuntukkan dengan RM97.60 juta dan pembangunan pelancongan luar bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan kerjasama Lembaga Pelancongan Sabah telah mendapat sejumlah RM17.02 juta.

Pandemik COVID-19 telah membantutkan bukan sahaja sektor pelancongan tetapi juga sektor lain. Oleh itu, kementerian dan jabatan serta agensi yang terlibat telah merangka sebanyak 17 inisiatif yang dapat melonjakkan kembali sektor pelancongan negeri ini. Bagi tahun 2021, kementerian, jabatan dan agensi telah memfokuskan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti menambah dan mempromosi produk pelancongan baru dan menaikkan imej pelancongan negeri Sabah, memperkasakan kebudayaan pelbagai etnik Sabah dan memulihara dan mengembangkan warisan negeri.

MENAMBAH DAN MEMPROMOSI PRODUK PELANCONGAN BAHRU

Bagi mewujudkan produk pelancongan baharu, Taman-Taman Sabah telah berinisiatif untuk melaksanakan projek selam skuba rangka kapal dan selam skuba bebola terumbu di Pulau Mamutik dan Membangunkan dua (2) produk berasaskan sumber asli di Taman Perlindungan untuk dipasarkan sebagai medium pemuliharaan di samping memberikan nilai tambah dari sudut pendapatan dan keuntungan sekitar RM100,000.00 menjelang tahun 2021 dan seterusnya. Satu (1) program aliran langsung di kawasan Taman-Taman Sabah juga bakal dilaksanakan. Selain itu, Taman-Taman Sabah juga bakal menjalankan inisiatif berkenaan pengangkatan dan pencalonan kawasan Kinabalu Geopark Kebangsaan (Aspiring Kinabalu Global Geopark / aKUGGp) sebagai Tapak UNESCO Global Geopark pada tahun 2021 yang melibatkan keluasan aKUGGp ialah 4,750 kilometer persegi, merangkumi keseluruhan daerah Kota Belud, Kota Marudu dan sebahagian daripada Ranau.

Bagi mempromosi produk-produk pelancongan ini, Lembaga Pelancongan Sabah memainkan peranan dengan pelaksanaan sekurang-kurangnya 40 kempen pemasaran dan promosi bersendirian atau bersama dengan penggiat industri (Promotion and Marketing Campaign) menjelang tahun 2025, satu (1) kempen penglihatan tinggi (high visibility) bagi membantu pemuliharaan pelancongan di peringkat domestik dan ASEAN dengan mengeluarkan bahan promosi terkini dan konten digital mengaplikasi perkembangan teknologi (VR) dan Internet of Things, dan menjalankan kolaborasi strategik dengan pengusaha pelancongan dan pemain industri. Melalui usaha ini, Lembaga Pelancongan Sabah menyasarkan ketibaan Frequent Independent Travellers (FIT) seramai 1.30 juta pelancong (domestik dan antarabangsa) pada tahun 2021 dan peningkatan pendapatan produk pelancongan in situ.



INISIATIF SEKTOR PELANCONGAN

MEMPERKASAKAN KEBUDAYAAN PELBAGAI ETNIK SABAH

Bagi memastikan kebudayaan pelbagai etnik Sabah terus terpelihara, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah telah berinisiatif dengan melonjakkan bahan terbitan berdasarkan kebudayaan etnik Sabah (Traditional Knowledge dan Traditional Cultural Expression) daripada 93 unit kepada 150 unit menjelang tahun 2023, Menerbitkan 5 terbitan berdasarkan kebudayaan etnik Sabah (Traditional Knowledge dan Traditional Cultural Expression) secara digital dalam Portal Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, Melaksanakan 30 Aktiviti Seni Budaya pada tahun 2021, Menaik taraf perkhidmatan Balai Seni Lukis Sabah melalui pembangunan aplikasi lawatan alam maya yang disasarkan selesai dalam 1 tahun, Melaksanakan Program Peneraju Pelancongan Kebudayaan di 27 tempat pelancongan budaya daerah, Melaksanakan Program Pengalaman Budaya melibatkan tujuh (7) kumpulan etnik di daerah, Melantik tujuh (7) orang Duta e-Budaya di tujuh (7) daerah di negeri Sabah, Melaksanakan Program Hentian Budaya di satu (1) bandar utama negeri Sabah, Melancarkan 18 episod Program Animasi Budaya dan Mempromosikan 50 Produk Berdasarkan Seni Budaya Sabah pada tahun 2021. Inisiatif-inisiatif ini diperkuuhkan lagi dengan pembangunan Pelan Induk Pembangunan Kebudayaan Negeri Sabah (PPKNS) 2020-2030 yang disediakan dan diterima pakai sebagai rujukan utama pembangunan oleh pihak kerajaan dan masyarakat awam menjelang tahun 2023 serta penganjuran Pesta Etnik Sabah sempena Hari Orang Asal Sedunia di satu (1) zon pada setiap tahun.

MENGEMBANGKAN WARISAN NEGERI

Sebagai usaha memastikan warisan negeri terus berkembang, terpelihara dan dikenali, Jabatan Muzium Negeri Sabah telah berinisiatif untuk Menambah bahan koleksi Warisan Negeri daripada 2,070,000 pada tahun 2019 menjadi 2,147,000 pada tahun 2021. Selain itu, jabatan ini juga bakal Menambah 960 data entri artifikat/spesimen digital koleksi warisan budaya pada tahun 2021 dalam sistem SMRICHES (Sabah Museum Repository of Cultural Heritage Collection System) menjadikan koleksi berjumlah 27,006 data menjelang tahun 2023.





**INISIATIF
MODAL INSAN
DAN KESEJAHTERAAN
RAKYAT**

INISIATIF MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Penekanan terhadap pembangunan modal insan semestinya akan dititikberatkan ke arah mewujudkan rakyat yang sihat, berjati diri, berilmu pengetahuan dan berinovasi agar rakyat Sabah mampu menyumbang kemahiran dan kepakaran dalam sama-sama membangunkan negeri Sabah ke arah maju jaya. Dalam menjayakan hasrat tersebut, Kementerian-Kementerian utama seperti Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP), Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI), Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat (KPMKR) dan Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBSS) akan menjadi nadi penggerak dalam melaksanakan pelbagai jenis inisiatif untuk mentransformasikan rakyat dari seluruh pelosok Sabah menjadi sebuah masyarakat yang progresif, maju dan sejahtera.

Mentransformasikan Potensi Rakyat

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) telah diperuntukkan sebanyak RM207,654,680 bagi peruntukan Perbekalan dan RM9,125,020 bagi peruntukan Pembangunan bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi memperkasakan masyarakat dengan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang teknologi digital dan melahirkan masyarakat intelek, kreatif dan inovatif. Antara penekanan yang akan diambil perhatian penuh ialah memperkasakan kemahiran rakyat terutama bagi para pelajar untuk mencebur dalam bidang program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang akan juga mendedahkan program TVET di peringkat antarabangsa agar rakyat memperoleh kemahiran terkini yang sentiasa diasah dan sentiasa bersedia untuk bekerja dalam pelbagai industri pekerjaan.

Dalam memastikan seluruh lapisan masyarakat tidak tercincir dari arus pendidikan, KSTI berserta jabatan dan agensi di bawahnya akan melaksanakan inisiatif yang melibatkan pembinaan dan penaiktarafan kualiti prasarana seluruh sekolah rendah dan menengah di seluruh Sabah termasuklah Murid Berkeperluan Khas (MBK). Sekolah-sekolah daif juga akan dinaik taraf termasuklah aktiviti pembinaan dan penyelenggaraan dengan kadar yang pantas agar pelajar termasuklah guru dapat mengajar dan belajar dalam suasana yang kondusif dan produktif.



Menyejahterakan Rakyat

Peranan utama untuk memastikan rakyat mencapai taraf kesejahteraan akan dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat (KPMKR) yang telah diperuntukkan sebanyak RM132,461,090 yang terbahagi kepada RM122,140,000 untuk perbekalan dan RM10,330,000 untuk pembangunan. KPMKR berserta jabatan dan agensi di bawah kementerian tersebut akan melaksanakan pelbagai inisiatif berbentuk projek dan program antaranya ialah melaksanakan program sosial pemerkasaan pengetahuan berkenaan program hak kepenggunaan, pencegahan dadah dan sebagainya agar rakyat tidak tercincir dari kesedaran terhadap aspek-aspek ini. Pembangunan warga OKU akan ditekankan seperti pembangunan pendidikan OKU dalam Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan pembinaan Kompleks Bersepadu OKU dan warga emas juga akan diwujudkan bagi tujuan membangunkan golongan OKU dan warga emas dalam aspek perniagaan.

INISIATIF MODAL INSAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Selain itu, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) telah diperuntukkan sebanyak RM132.4 juta yang merangkumi peruntukan sebanyak RM120.6 juta untuk perbelanjaan Perbekalan dan RM11.9 juta untuk perbelanjaan Pembangunan. Antaranya ialah menyediakan perumahan mampu milik dan kondusif kepada semua rakyat terutama golongan B40 yang kebanyakannya sukar mendapat rumah yang disebabkan kadar harga rumah yang sangat mahal. Oleh itu, KKTP berserta jabatan dan agensi di bawahnya akan melaksanakan skim *rent to own* (konsep sewa beli) yang pastinya akan memudahkan golongan B40 dan seluruh rakyat memiliki rumah yang disediakan.

Manakala, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS) telah diperuntukkan sebanyak RM225.45 juta yang merangkumi peruntukan Pembangunan sebanyak RM125.5 juta dan peruntukan Perbekalan sebanyak RM99.95 juta. Pembasmian kemiskinan terutama sekali di kawasan luar bandar akan menjadi agenda utama KPLBS dalam menyejahterakan luar bandar. Antara inisiatif yang bakal dilaksanakan ialah pembinaan dan penyediaan 800 buah rumah baharu di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan membina lebih kurang 50 buah Rumah Sejahtera Rakyat Sabah (RSRS) di tiga projek perkampungan MESEJ yang akan memberi manfaat kepada 280 orang ahli isi rumah miskin tegar khususnya.

Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBSS) telah diperuntukkan sebanyak RM106.70 juta yang merangkumi RM91.60 juta bagi tujuan Perbekalan dan sebanyak RM13.8 juta bagi tujuan Pembangunan. Penekanan terhadap kemajuan bidang sukan di negeri Sabah merupakan tumpuan utama yang dimainkan peranan oleh KBSS berserta jabatan dan agensi di bawah kementerian tersebut. Antara inisiatif tersebut ialah menganjurkan Sukan di Bawah 12 tahun di peringkat antarabangsa seperti di rantau South East Asia, BIMP-EAGA, dan Borneo Games bagi mengasah bakat dan kebolehan atlet-atlet kecil di bawah 12 tahun ini yang akan mengharumkan nama Sabah berserta Malaysia secara amnya. Di samping itu, KBSS juga akan mewujudkan sebuah Pusat Sukan Berprestasi Tinggi yang menyediakan pelbagai jenis pendidikan sains sukan yang disasarkan kepada para atlet Sabah yang berprestij dan berdaya saing.





**INISIATIF
JARINGAN
INFRASTRUKTUR DAN
KELESTARIAN HIJAU**

INISIATIF JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU

Kemudahan infrastruktur dan utiliti yang mencukupi dan efisien amat penting dan diperlukan dalam meningkatkan produktiviti, pertumbuhan ekonomi negeri dan kesejahteraan hidup rakyat. Kerajaan Negeri akan melaksanakan dasar untuk terus memberi keutamaan kepada pembangunan infrastruktur dan utiliti dalam tempoh RMKe-12 selaras dengan Pelan Sabah Maju Jaya. Untuk tujuan itu, jabatan dan agensi di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diagihkan siling peruntukan yang tertinggi iaitu sebanyak RM1,390.76 juta. Daripada jumlah ini, RM762.01 juta diberikan kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk tujuan operasi, perbelanjaan berulang dan penyelenggaraan. Manakala sebanyak RM9.88 juta diperuntukkan untuk pembangunan.

Selanjutnya RM292.75 juta diperuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi melaksanakan program-program bina baru dan penyelenggaraan, baik pulih dan naik taraf jalan raya, cerun, jambatan, bangunan-bangunan serta aset-aset lain Kerajaan Negeri termasuk sewaan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Seterusnya, RM529.89 juta diberikan kepada Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) untuk pembangunan sistem bekalan air yang cekap serta menyediakan bekalan air bersih secara mampan kepada pengguna-pengguna di Sabah termasuk industri, komuniti peniaga dan penduduk di kawasan luar bandar.

Seterusnya lagi sebanyak RM81.64 juta lagi diperuntukkan kepada Jabatan Keretapi Negeri Sabah (JKNS) untuk menaik taraf dan menambah baik sistem keretapi sedia ada dan membangunkan semula landasan keretapi untuk kemudahan rakyat di kawasan pedalaman.

Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan sistem pembetungan negeri Sabah, sebanyak RM57.75 juta diperuntukkan kepada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sabah (JPPS) untuk operasi perkhidmatan pembetungan yang sesuai dan mesra alam.

Akhir sekali, sebanyak RM21.59 juta diperuntukkan kepada Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS) untuk membangunkan kemudahan pelabuhan dan menyediakan kawalan serta penjagaan keselamatan lalu lintas air.



JALAN RAYA

Selaku pelaksana inisiatif pembangunan jaringan jalan raya, pada tahun 2021 kerajaan melalui KKR dan JKR akan melaksanakan 8 inisiatif untuk menaik taraf beberapa jalan raya di seluruh negeri. Inisiatif ini merangkumi penaiktarafan jalan raya bandar, jalan raya bandar kecil dan pekan kecil, jalan raya pelancongan, perindustrian dan pertanian. Tidak ketinggalan juga pembinaan jalan-jalan luar bandar dan jalan kampung. Selain penaiktarafan jalan raya, JKR juga melaksanakan projek-projek pemulihan jalan raya, program pengurusan trafik jalan raya, program keselamatan jalan raya dan penaiktarafan bangunan-bangunan kerajaan.

BEKALAN AIR

Melalui JANS, kerajaan akan memfokuskan 2 inisiatif untuk meningkatkan dan menambah baik perkhidmatan bekalan air di negeri Sabah. Inisiatif pertama ialah Projek Meningkatkan Kawasan Liputan Bekalan Air di Luar Bandar dan yang kedua ialah Program Mengurangkan Kadar Air Tidak Berhasil (NRW). Dalam inisiatif pertama, projek-projek yang bakal dilaksanakan ialah penyambungan sistem paip retikulasi, pembinaan bekalan air baru, penambahan kapasiti loji air sedia ada, penambahan kapasiti simpanan air, pemuliharaan loji air sedia ada dan penambahan kapasiti rangkaian paip air. Manakala inisiatif kedua pula akan melibatkan Program Pengurusan NRW Secara Holistik, Pengesanan Kebocoran Secara Aktif, Penggantian Paip-paip Lama dan Meter yang Rosak, Penggantian Meter Jenis Mekanikal Kepada Elektromagnetik, Pemasangan Meter ke Kawasan Setinggan dan Pemasangan Smart Meter.

INISIATIF JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU

PERKHIDMATAN KERETA API

Seterusnya di bawah JKNS, kerajaan meningkatkan kualiti perkhidmatan kereta api menerusi beberapa lagi inisiatif yang bertujuan untuk memperbaiki tahap keselesaan perjalanan dan keselamatan perjalanan. Jajaran kereta api sedia ada, di mana landasan dari Stesen Beaufort ke Halogilat serta Tenom Lama ke Halogilat akan dinaik taraf. Dan untuk meningkatkan jaringan perkhidmatan, kerajaan juga akan melaksanakan Program Penambahbaikan jaringan hubungan dari Stesen Tg. Aru ke Bandaraya Kota Kinabalu, di samping mempertimbangkan pembinaan jajaran baharu sehingga ke daerah Kudat. Melengkap inisiatif tersebut, bilangan aset (stokereta) akan ditambah dan perolehan set kereta api *Diesel Multiple Unit* (DMU) akan dilaksanakan agar perkhidmatan kereta api sentiasa berada dalam keadaan yang baik, selamat dan mencukupi pada setiap masa.



SISTEM PEMBETUNGAN

JPPS merupakan sebuah jabatan baru yang diwujudkan pada suku terakhir tahun 2020. Ia merupakan pecahan Bahagian Pembetungan dari JKR. Tujuan penubuhan jabatan ini ialah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya perkhidmatan sistem pembetungan di seluruh negeri Sabah. Tahun 2021 merupakan tahun pertama bagi JPPS untuk memulakan fungsinya sebagai sebuah jabatan penuh. Sebagai titik tolak kepada peranannya, JPPS telah merancang 2 inisiatif utama.

Pertama, Program Rakan Pembetungan JPPS akan dilaksanakan di 3 premis di kawasan perumahan dan kawasan komersil (bangunan kedai) yang dikenal pasti terdapat banyak aduan berulang berkaitan sistem tersumbat dan limpahan kumbahan yang berpunca dari tabiat pembuangan sisa seperti sampah dan bahan-bahan lain. Dalam inisiatif ini JPPS akan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan, pengusaha used oil collector, kumpulan Zero Waste Sabah dan komuniti di kawasan yang terpilih untuk melaksanakan program-program kesedaran yang akan dapat menanam kefahaman, kesedaran dan kefahaman semua pihak ke atas kepentingan dan kaedah menguruskan sisa buangan. Kedua, pengenalan Skim Pembetungan di daerah-daerah terpilih sebagai Pilot Project JPPS. Skim ini akan melibatkan daerah Kota Kinabalu, Tawau, Bandar-bandar Kecil dan Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu terdapat juga Skim Pembinaan dan Penaiktarafan.



PELABUHAN DAN DERMAGA

Perkhidmatan pelabuhan merupakan pintu utama dalam pergerakan keluar masuk aktiviti import-eksport negeri. Kemudahan yang cekap dan selamat akan menjamin kesetiaan pelanggan sedia ada dan membuka peluang untuk menarik pelanggan baru. Sebagaimana lazimnya, peranan menguruskan perkhidmatan ini dilaksanakan oleh JPDS dan juga Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (LPPS). Bagi tahun 2021, antara inisiatif yang akan dilaksanakan ialah membina dan menaik taraf unit-unit bikon lama dalam had-had pelabuhan di Sabah kepada unit yang boleh diakses secara atas talian. Penaiktarafan ini akan memudahkan kerja-kerja pemantauan dan penyelenggaraan ke atas alat-alat bantuan pelayaran dan kawalan lalu lintas air.

INISIATIF JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU



Selain itu, JPDS juga akan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan feri dengan membina, menaik taraf dan menyiapkan kemudahan Terminal Feri Menumbok, Kuala Penyu dan Jeti Awam Karakit, Kudat.

Seterusnya untuk menyumbang kepada rangsangan ekonomi di bahagian utara Sabah, LPPS akan melaksanakan Projek Pembinaan Pelabuhan Utama Baharu yang berkonsepkan Multi Purpose Port di Limau-Limauan, Kudat.

Bagi inisiatif kelestarian hijau pula, sejumlah RM188.57 juta diperuntukkan kepada Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, Jabatan Hidupan Liar, Taman-Taman Sabah dan agensi berkaitan pada tahun 2021. Peruntukan ini asalnya adalah untuk membangunkan sektor pelancongan. Walau bagaimanapun, kelestarian hijau juga akan turut dapat dipertingkatkan melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif bersasar sesuai dengan peranan jabatan dan agensi ini yang bukan sahaja bertanggungjawab untuk membangunkan potensi pelancongan tetapi juga memelihara dan memulihara kelestarian alam.

PENTADBIRAN DAN EKONOMI HIJAU

Beberapa inisiatif bakal dilaksanakan pada tahun 2021 yang menyumbang kepada pentadbiran dan ekonomi hijau. Antara inisiatif ekonomi yang menyumbang kepada kelestarian hijau ialah pelaburan baru melalui pelaksanaan projek Internal Air Quality dan projek Pengekstrakan Pasir dan projek perintis perhutantani (agroforestry) yang melibatkan penduduk kampung dengan kerjasama Pelesen Sustainable Forest Management Licence Agreement (SFMLA) yang bakal dilaksanakan oleh Sabah Economic Development Corporation (SEDCO) dan Jabatan Perhutanan Sabah. Selain itu, pengurusan kos melalui konsep 'Green Office' oleh Perbadanan Pinjaman Sabah dan sasaran pengurangan sisa pepejal di 60 premis melalui pelaksanaan pengasingan sisa organik oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) juga turut menyumbang ke arah pentadbiran hijau. Selain itu, KKTP juga bakal melaksanakan program PBT Hijau dengan mengimplimmentasi konsep pengurusan hijau (green event, green office, digitalization) di 25 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

Bagi memastikan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan dapat dibuat secara berterusan pada masa akan datang, kesedaran berkenaan hal ini perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, pada tahun 2021, Jabatan Hidupan Liar akan mengadakan kempen konservasi hidupan liar di tiga (3) lokasi iaitu Bilit, Batu Putih dan Balat di Kinabatangan manakala Taman-Taman Sabah pula akan menganjurkan empat (4) program pendidikan alam sekitar secara bersiri di bawah jenama Junior Parks Rangers Environmental Education Programme kepada 400 orang. Selain itu, Yayasan Sabah juga turut memainkan peranannya melalui pelaksanaan 10 program kesedaran awam/latihan kemahiran/CPD/Up-skilling/seminar yang selaras dengan inisiatif kerajaan untuk menjadikan Sabah sebagai negeri berunsurkan 'Smart and Green'. Yayasan Sabah melalui University College Sabah Foundation juga akan menjalankan aktiviti/projek penyelidikan yang berunsurkan inisiatif hijau, etnik dan pengajian sosial.


INISIATIF JARINGAN INFRASTRUKTUR DAN KELESTARIAN HIJAU

PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN

Aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan flora dan fauna perlu terus dijalankan bagi mengimbangi pembangunan sektor-sektor di negeri ini. Pada tahun 2021, beberapa jabatan dan agensi memainkan peranan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan negeri ini. Jabatan Perhutanan Sabah memainkan peranan secara konsisten melalui pelaksanaan inisiatif menambah luas Totally Protected Area (TPA) seluas 2.2 juta hektar (30%) daripada keluasan tanah negeri Sabah menjelang tahun 2025 dengan mewartakan 50,000 hektar kawasan TPA, menyasarkan 16,000 hektar ladang hutan di seluruh Sabah dan memuliharkan lebih kurang 5,000 hektar kawasan hutan terosot (degraded forest) melalui tanaman silvikultur dan 1,000 hektar melalui tanaman mengaya. Selain itu, Jabatan Perhutanan Sabah juga bakal mensijilkan dua (2) Projek Sustainable Forest Management (SFM) dengan keluasan 43,446 hektar di bawah International Union for Conservation of Nature (IUCN) Green List dan menghasilkan sebanyak 80 penerbitan, laporan dan pembentangan penyelidikan perhutanan.

Yayasan Sabah turut memainkan peranan yang sama melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti pemuliharaan hutan mengikut pelan operasi kontrak. Kontrak 1 hingga 8 adalah dalam fasa penyelenggaraan manakala Kontrak 9 adalah dalam fasa penubuhan. Seterusnya, Yayasan Sabah juga melaksanakan aktiviti-aktiviti pemuliharaan hutan mengikut pelan operasi secara berfasa. Fasa ke-3 adalah dalam fasa penyelenggaraan manakala fasa ke-4 adalah masih dalam fasa penubuhan. Bagi memastikan tiada pencerobohan berlaku, aktiviti rondaan kawasan sebanyak 25 aktiviti setiap suku tahunan bagi keseluruhan semua kawasan konservasi juga dijalankan. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan Lembaga Kemajuan Hutan Sabah (SAFODA) juga turut serta dalam usaha ini melalui penyediaan Pelan Konsep Taman Botani Sabah dan menyelenggara 1,500 hektar ladang Kayu Acacia Mangium dan 2,000 hektar ladang Hutan Lateks Getah.

Sesuai dengan peranan jabatan masing-masing, Jabatan Perikanan Sabah dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah juga turut terlibat dalam memacu kelestarian hijau. Jabatan Perikanan Sabah bakal menjalankan inisiatif menambah 100 unit tukun tiruan setiap tahun di 5 daerah untuk memelihara dan memulihara populasi ikan di perairan laut negeri Sabah dan menambah 10 lokasi baharu Sistem Tagal Tradisi yang juga mempunyai potensi pelancongan.



Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah pula bakal membina satu (1) Makmal Alam Sekitar pada tahun 2021 bagi melaksanakan kerja-kerja pemantauan secara berkala ke atas sistem rawatan sisa kumbahan yang dibina di Rumah Penyembelihan Haiwan (RPH) Kerajaan untuk memastikan tidak ada pencemaran berlaku dan menyasarkan penanaman lima (5) pokok tanaman di setiap 27 pejabat DVS daerah dan menyasarkan penghasilan 135 pokok tanaman.

INISIATIF PEMBOLEH DAYA

INISIATIF PEMBOLEH DAYA

Untuk menjayakan dan menyokong Inisiatif dan Pelaksana bagi setiap komponen dalam Sektor Utama, Modal Insan serta Jalinan Infrastruktur dan Kelestarian Hijau, pemboleh daya yang sistematik diperlukan sebagai sokongan. Pemboleh daya berkaitan adalah Kemampunan Fiskal, Kemudahan Kewangan, Keberkesanan Penyampaian, Tadbir Urus Yang Baik dan Integriti, serta Data Raya, Infrastruktur Jalur Lebar dan Platform Perkhidmatan dan Ekonomi Digital. Di bawah setiap pemboleh daya ini pula dirangka 218 Inisiatif Pemboleh Daya yang selaras dengan komponen SMJ.

Inisiatif Pemboleh Daya 1: Kemampunan Fiskal

Untuk mengurangkan kebergantungan kepada hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil, kerajaan akan membuat penstrukturkan semula cukai-cukai negeri. Di samping itu, pakej-pakej bantuan / rangsangan ekonomi dan insentif-insentif baru juga akan diperkenalkan untuk menggalakkan aktiviti ekonomi yang seterusnya mampu meningkatkan pulangan cukai, di samping membiayai perbelanjaan pembangunan.

Inisiatif Pemboleh Daya 2: Kemudahan Kewangan

Sinergi Pembiayaan atau Pinjaman akan diselaraskan untuk membantu golongan sasar yang terdiri daripada Industri Besar (Macro), PKS termasuk Micro & Cottage dan juga menyediakan bajet bagi menggalakkan aktiviti Corporate Social Responsibility (CSR) berorientasikan Social Entrepreneurship.

Melalui inisiatif ini, Industri Besar akan mendapat pinjaman melalui Sabah Development Bank, manakala PKS berpeluang mendapat suntikan dana melalui Yayasan Usaha Maju (YUM) atau Sabah Credit Corporation. Sehubungan itu, golongan usahawan Siswazah yang dianggarkan sebanyak 272 usahawan juga akan berpeluang mendapat pinjaman kredit berjumlah RM30k daripada inisiatif ini.

Inisiatif Pemboleh Daya 3: Keberkesanan dan Kecekapan Penyampaian

Dalam usaha untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat lebih berkesan dan pantas, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Konsep Kerajaan Digital (Smart Digital Government) di mana Perkhidmatan Awam telah menyediakan pelan tindakan yang tersusun dan terancang agar matlamat Kerajaan Negeri dan fokus bajet direalisasikan.



INISIATIF PEMBOLEH DAYA

Ini perlu dizahirkan bersama dengan tindakan yang pantas, tepat dan berintegriti yang berupaya memberikan impak besar kepada tahap prestasi penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Kerajaan Negeri juga telah menyeraskan tempoh lima (5) tahun di mana Kerajaan telah membangunkan satu (1) platform yang memudahkan perkongsian data merentasi iaitu Government to Government (G2G), Government to Citizen (G2C) dan Government to Business (G2B). Konsep Kerajaan Digital berlandaskan kepada 5A – *Accessible by Anyone at Anytime, Anywhere, by Any Mobile Device.*

Selain itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan akan menaik taraf jalinan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih meluas di negeri Sabah melalui inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA). Menjelang tahun 2022, sebanyak 417 menara telekomunikasi baharu akan disiapkan di negeri Sabah. Sebanyak 1,972 pemancar sedia ada akan dinaik taraf kepada 4G dan liputan tetap gentian optik akan diperluaskan dengan melibatkan 251,166 premis di seluruh negeri Sabah. Selaras dengan itu, kapasiti rangkaian internet agensi kerajaan dapat dinaik taraf sekurang-kurangnya 100Mbps.

Untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan, Kerajaan Negeri telah memulakan inisiatif Latihan Dalam Perkhidmatan kepada anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri dengan menghantar pegawai yang berpotensi untuk mengikuti latihan/kursus ke universiti ternama dan terpilih bagi menambah pengetahuan serta pengalaman agar dapat dipraktikkan di dalam Kerajaan Negeri. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan Talent Development Programme untuk pegawai Pengurusan dan Profesional Gred 41/44/48 yang akan dilaksanakan pada tahun 2021.

Inisiatif Pemboleh Daya 4: Kecemerlangan Tadbir Urus yang Berintegriti

Struktur pentadbiran Kerajaan Negeri yang sistematik ditadbir urus dengan sempurna dan berintegriti. Penjawat awam diberi penekanan terhadap ketelusan dan berintegriti dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Dasar-dasar yang diperkenalkan oleh setiap Kementerian/Jabatan hendaklah inklusif dan mesra pengguna bagi memudahkan rakyat memahami perkhidmatan yang diberikan oleh Kerajaan. Bagi memastikan penjawat awam sentiasa mematuhi peraturan, satu Pelan Antirasuah Negeri Sabah hendaklah ditubuhkan dengan penglibatan sepuluh (10) Kementerian untuk dijadikan panduan serta amalan di dalam menangani gejala rasuah dalam Kerajaan Negeri.



INISIATIF PEMBOLEH DAYA

Inisiatif Pemboleh Daya 5: Kerajaan Digital Berteraskan Teknologi dan Inovasi

Melalui capaian data raya, Kerajaan Negeri boleh mengakses sejumlah besar maklumat relevan yang penting untuk tugas harian sama ada ia berstruktur atau tidak berstruktur. Berdasarkan maklumat yang diperoleh secara *real time*, ia membolehkan kerajaan membuat analisis dengan lebih pantas dan dapat menentukan kawasan atau sektor yang memerlukan lebih perhatian utama. Inisiatif Infrastruktur jalur lebar ini disokong dengan projek-projek yang dirancang melibatkan pembinaan 425 buah menara komunikasi baru, penaiktarafan 2,202 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada dari 3G kepada 4G, dan penyediaan capaian gentian optik di 190,115 premis di bawah pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang akan berjalan pada tahun 2021-2025 melalui kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Sebanyak 22 inisiatif Pelan Transformasi Digital (G2B) bagi tahun 2021 telah dirangka kementerian dan jabatan.



GOVERNMENT TO GOVERNMENT (G2G)
63 Inisiatif



GOVERNMENT TO BUSINESS (G2B)
8 Inisiatif



GOVERNMENT TO CITIZEN (G2C)
46 Inisiatif

117 INISIATIF PENDIGITALAN




INISIATIF PEMBOLEH DAYA

KERAJAAN PINTAR

COVID-19 Transportation Mobility Hub	Sabah State Data Exchange
DP Processing Information System Management Portal (PRISM)	People, Business, Geo Hubs
e-Bumi Land System (SUHB & JTU)	Sabah Digital Marketplace

SABAH GOVERNMENT

Sabah COVID-19 Management Dashboard	Digital Government Preparedness Study
Bantuan COVID-19 Application	Survey on People, Business and Geo Hubs among state agencies
SabahTrace Contract Tracing	Prototype of State Digital Data Exchange
ePP 24 Hours – KKTP	Digital Competency Training – lifelong eLearning platform (Precipio)




BAHAGIAN 4
INISIATIF 2021

HALA TUJU SABAH MAJU JAYA
(PELAN PEMBANGUNAN SABAH MAJU JAYA 1.0 :
2021-2025)




Sebanyak sepuluh (10) buah kementerian dan Jabatan Ketua Menteri memainkan peranan dalam usaha mencapai Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 : 2021-2025). Untuk memastikan hala tuju dapat direalisasikan, kementerian, jabatan dan agensi terlibat telah mengenal pasti 573 inisiatif untuk dilaksanakan. Pelbagai inisiatif ini telah menyasarkan pencapaian bermula tahun 2021.

RINGKASAN INISIATIF TERAS HALA TUJU SABAH MAJU JAYA 2021



298 INISIATIF

RINGKASAN INISIATIF PEMBOLEH DAYA HALA TUJU SABAH MAJU JAYA 2021



SENARAI INISIATIF HALA TUJU SABAH MAJU JAYA 2021

SEKTOR PERTANIAN

NO.	INISIATIF	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI	SEKTOR	SASARAN
				TAHUN PELAKSANAAN
1.	Insentif pembajakan sawah padi untuk menggalakkan penanaman dan mengekalkan keluasan bertanam sawah padi seluas 172,600 hektar menjelang tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
2.	Pengeluaran beras istimewa padi tanah kering melibatkan kawasan padi seluas 1,000 hektar memberi manfaat kepada 1,000 petani sehingga mencapai purata hasil 1.4 Mt/hektar setiap tahun sehingga tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
3.	Pemulihan tanah sawah terbiar seluas 1,000 hektar melibatkan 1,000 pesawah sehingga mencapai purata hasil 5 Mt/hektar setiap tahun sehingga tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
4.	Penerapan teknologi peningkatan hasil padi melibatkan kawasan sawah seluas 1,560 hektar dan 1,560 pesawah sehingga mencapai purata hasil 8 Mt/hektar setiap tahun sehingga tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
5.	Pembangunan tanaman sayur-sayuran secara komersial seluas 95 hektar melibatkan 95 petani untuk meningkatkan pengeluaran hasil daripada 46,000 MT kepada 49,000 MT sehingga tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
6.	Pembangunan tanaman kontan (keledek, ubi kayu, cili padi dan kacang tanah) seluas 79 hektar melibatkan seramai 46 petani untuk mengeluarkan hasil sebanyak 1,500 MT sehingga tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
7.	Insentif peningkatan produktiviti tanaman buah-buahan seluas 6,200 hektar melibatkan 3,100 petani untuk mengeluarkan hasil sebanyak 62,000 MT sehingga tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
8.	Insentif peningkatan produktiviti tanaman kelapa dan kopi seluas 5,797 hektar melibatkan 2,966 petani untuk mengeluarkan hasil sebanyak 93,140 MT sehingga tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
9.	Pembangunan tanaman pisang saba melibatkan kawasan seluas 64 hektar melibatkan 32 petani untuk meningkatkan pengeluaran daripada 48,323 MT kepada 50,000 MT pada tahun 2021.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021
10.	Menyasarkan 300 buah kilang diberi pensijilan myGAP dan myOrganic.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
11.	Membina lima (5) stor myGAP memanfaatkan 115 peserta menjelang tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025

SEKTOR PERTANIAN

NO.	INISIATIF	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI	SEKTOR	SASARAN
				TAHUN PELAKSANAAN
12.	Pembangunan tanaman buah-buahan terpilih seluas 68 hektar melibatkan 34 petani untuk meningkatkan pengeluaran daripada 98,600 MT kepada 99,200 MT menjelang tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
13.	Pembangunan tanaman nanas MD2 seluas lima (5) hektar melibatkan lapan (8) petani untuk mengeluarkan hasil buah sebanyak 200 MT dan 500,000 sulur menjelang tahun 2022.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2022
14.	Pembangunan tanaman kontan (jagung, keladi dan halia) seluas 31 hektar melibatkan seramai 31 petani untuk mengeluarkan hasil sebanyak 280 MT pada tahun 2021.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021
15.	Pembangunan tanaman durian premium seluas 154 hektar melibatkan 154 petani untuk meningkatkan pengeluaran durian negeri Sabah daripada 9,600 MT kepada 11,200 MT menjelang tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
16.	Pembangunan tanaman kelapa seluas 250 hektar melibatkan 125 petani untuk meningkatkan pengeluaran kelapa negeri Sabah daripada 6,150 MT kepada 11,150 MT menjelang tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
17.	Pembangunan tanaman kopi seluas 100 hektar melibatkan 50 petani untuk meningkatkan pengeluaran kopi negeri Sabah daripada 1,067 MT kepada 1,167 MT menjelang tahun 2024.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2024
18.	Pemberian Insentif Tanaman berupa bahan input (baja organik dan kapur) untuk 370 hektar kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) menjelang tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
19.	Meningkatkan pengeluaran anak semaiannya kopi daripada 600,000 pokok kepada 750,000 pokok menjelang tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
20.	Meningkatkan pengeluaran anak benih buah-buahan dibiak secara tampang dan anak semaiannya terpilih daripada 292,000 pokok kepada 600,000 pokok menjelang tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
21.	Meningkatkan pengeluaran bahan tanaman kelapa bagi benih matag, pandan dan tacungan daripada 336,000 pokok kepada 700,000 pokok menjelang tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
22.	Meningkatkan pemprosesan dan pengeluaran benih padi sah daripada 3,600 MT kepada 9,500 MT menjelang tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025

SEKTOR PERTANIAN

NO.	INISIATIF	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI	SEKTOR	SASARAN
				TAHUN PELAKSANAAN
23.	Meningkatkan kualiti pembungkusan produk usahawan Industri Asas Tani berjenama BessBah daripada sembilan (9) produk kepada 14 produk menjelang tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
24.	Membangunkan 2,000 hektar tanah pekebun kecil melalui Program Tanam Baru / Semula Getah Berkelompok pada tahun 2021.	Lembaga Industri Getah Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021
25.	Melaksanakan Projek Aktiviti Ekonomi Tambahan yang memberi manfaat kepada 335 peserta/pekebun kecil pada tahun 2021.	Lembaga Industri Getah Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021
26.	Melaksanakan perkhidmatan pembelian getah pekebun kecil berjumlah 46,000 tan setahun kepada 54,000 tan setahun menjelang tahun 2025.	Lembaga Industri Getah Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
27.	Meningkatkan pengeluaran buah pamelo daripada 49.84 MT kepada 95 MT yang memberi manfaat kepada 94 peserta menjelang tahun 2025.	Korporasi Pembangunan Desa, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
28.	Mewujudkan enam (6) Pusat Pengumpulan dan Pemasaran Hasil Tani pada tahun 2021.	Korporasi Pembangunan Desa, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021
29.	Mewujudkan sebuah Kilang Pemprosesan Buah-buahan di Lingkungan, Beaufort melalui usaha sama dengan Green Drone Advance Sdn. Bhd. pada tahun 2021.	Korporasi Pembangunan Desa, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021
30.	Mewujudkan sebuah Pusat Kecemerlangan Nanas di Lingkungan, Beaufort melalui usaha sama dan penyewaan tanah seluas 400 ekar kepada Aqina Fruits Sdn. Bhd. bermula tahun 2021.	Korporasi Pembangunan Desa, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021
31.	Meningkatkan pengeluaran tanaman cendawan daripada 46.5 MT kepada 56 MT yang memberi manfaat kepada 99 peserta menjelang tahun 2025.	Korporasi Pembangunan Desa, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor tanaman	2021-2025
32.	Membangunkan 10 pusat penetasan Stesen Pembibitan Air Tawar Sabah yang memberi manfaat kepada 1,000 penternak baru menjelang tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor perikanan	2021-2025
33.	Membina lima (5) infrastruktur asas melalui Projek Tukun Tiruan Sabah menjelang tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor perikanan	2021-2025
34.	Menambah 1,100 unit vesel/ untuk Intruder Intervention Vessel Monitoring System (iiVMS) menjelang tahun 2025.	Jabatan Pertanian Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor perikanan	2021-2025

SEKTOR PERTANIAN

NO.	INISIATIF	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI	SEKTOR	SASARAN
				TAHUN PELAKSANAAN
35.	Meningkatkan pendapatan seramai 200 nelayan tradisional sebanyak 20% setahun menjelang tahun 2025.	Jabatan Perikanan Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor perikanan	2021-2025
36.	Membangunkan 15 pengusaha baru dan 10 pengusaha sedia ada dalam Industri Pemberian Akuakultur Marin menjelang tahun 2025.	Jabatan Perikanan Sabah, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah	Pertanian : Sub-sektor perikanan	2021-2025
